

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XII)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP  
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

1. Apakah status perkembangan projek LRA Mengkuang Park yang dijangka siap pada tahun 2025?
  - (a) Bagaimanakah projek ini dapat membantu bagi memastikan bekalan air di Mukim 5, Sungai Bakap mencukupi?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Pihak Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah mengeluarkan surat perlantikan kontraktor kepada Tetuan Asia Baru Construction Sdn Bhd pada 26 Mac 2025 bagi pembinaan projek Loji Rawatan Air (LRA) Mengkuang Park. Pihak kontraktor akan memulakan kerja (milik tapak) pada 19 Mei 2025 dengan tempoh kontrak selama 18 bulan.
  - (a) Pembinaan LRA Mengkuang Park dengan kapasiti 114 JLH adalah projek infrastruktur pembangunan bekalan air di bawah Pelan Kontigensi Air 2030 (WCP 2030) yang bertujuan menjana sebanyak 608 JLH secara keseluruhan bagi menampung keperluan air di Pulau Pinang menjelang tahun 2030. Pengeluaran yang direka bentuk untuk LRA Mengkuang sebanyak 114 JLH akan disambungkan ke rangkaian bekalan sedia ada yang turut membekalkan air ke Daerah Seberang Perai Selatan. Dengan pertambahan sebanyak 114 JLH ke dalam sistem rangkaian bekalan ini akan dapat meningkatkan kapasiti agihan ke kawasan-kawasan agihan bukan sahaja Mukim 5, Sungai Bakap malah keseluruhan Pulau Pinang.

Projek ini juga dijangka dapat meningkatkan tekanan air yang lebih baik kepada pengguna.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XII)2**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP  
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

2. Bagaimanakah projek pemasangan paip saluran 1800mm sepanjang 13 kilometer dari LRA Sungai Dua ke Butterworth dan Dumber reservoir serta kompleks pam di bahagian Pulau membantu bagi memastikan bekalan air di Mukim 5, Sungai Bakap mencukupi?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Projek pemasangan paip saluran 1800mm sepanjang 13 kilometer dari LRA Sungai Dua ke Butterworth dan Dumber reservoir serta kompleks pam di bahagian pulau bertujuan untuk meningkatkan sistem bekalan air ke Pulau Pinang. Projek ini terdiri daripada dua (2) sektor iaitu sektor pertama adalah dari LRA Sungai Dua ke Butterworth dan sektor kedua pula dari Macallum ke Kolam air Bukit Dumber. Tujuan utama projek ini adalah untuk menyediakan rangkaian agihan khusus dari LRA Sungai Dua Ke Kolam Air Bukit Dumber melalui Submarine No1,2 & 3 bagi menampung permintaan air sehingga tahun 2050.

Projek ini tidak akan memberi manfaat secara langsung kepada bekalan air di Mukim 5, Sungai Bakap. Walau bagaimanapun, PBAPP telah dan sedang menjalankan beberapa projek khusus untuk menampung permintaan bekalan air di Seberang Perai Selatan seperti berikut:

- (a) Bukit Panchor DAF (dissolved air flotation) WTP dengan kapasiti 10 JLH;
- (b) LRA kompak dengan kapasiti 6.4 JLH; dan
- (c) Pembinaan LRA Sungai Kerian 114 JLH

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XII)3**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP  
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

3. Senaraikan projek yang telah dicadangkan untuk menaik taraf pasar awam di Daerah Seberang Perai Selatan berserta jangkaan projek mula dan siap.
  - (a) Nyatakan jumlah bajet tahunan untuk kerja penyelenggaraan pasar awam di Daerah SPS berserta jadual pelaksanaan penyelenggaraan.
  - (b) Apakah pemantauan yang dilaksanakan untuk memastikan penyelia pasar awam menjalankan tugas berdasarkan skop kerja?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Senarai projek-projek yang dicadangkan untuk kerja-kerja menaik taraf pasar awam di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) berserta dengan jangkaan projek mula dan siap adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
  - (a) Jumlah bajet tahunan untuk kerja-kerja penyelenggaraan pasar awam di Daerah SPS pada tahun 2025 adalah sebanyak **RM190,000.00**. Jadual pelaksanaan penyelenggaraan pasar awam di Daerah SPS adalah seperti di **LAMPIRAN B**.
  - (b) Pemantauan yang dilaksanakan untuk memastikan penyelia pasar awam menjalankan tugas berdasarkan skop kerja adalah seperti berikut:

- (i) Memastikan penyelia pasar awam menghantar buku laporan harian mengikut jadual yang telah ditetapkan kepada pegawai atasan MBSP;
- (ii) Memastikan penyelia pasar awam menghantar laporan pembaikan sebelum, semasa dan selepas setelah kerja-kerja penyelenggaraan siap dilaksanakan oleh pihak kontraktor panel yang dilantik oleh MBSP kepada pegawai atasan MBSP; dan
- (iii) Lawatan tapak secara mengejut dan berkala oleh pegawai atasan MBSP ke pasar awam untuk memastikan penyelia pasar awam menjalankan tugas berdasarkan skop kerja yang telah ditetapkan.

**LAMPIRAN A**

**SENARAI PROJEK PASAR AWAM YANG TELAH  
DICADANGKAN UNTUK DINAIK TARAF DI DAERAH  
SEBERANG PERAI SELATAN (SPS) PADA TAHUN 2025**

<b>BIL.</b>	<b>TAJUK PROJEK</b>	<b>STATUS</b>
1.	Kerja-Kerja Menaik Taraf Bumbung, Tandas Awam Dan Kerja Berkaitan Di Pasar Awam Bandar Tasek Mutiara, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang	a) Tarikh Jangka Mula: 25 Feb 2025; dan b) Tarikh Jangka Siap: 19 Mei 2025
2.	Kerja-Kerja Menaik Taraf Tandas Awam Dan Kerja Berkaitan Di Pasar Awam Sungai Bakap, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang	a) Tarikh Jangka Mula: Julai 2025; dan b) Tarikh Jangka Siap: September 2025

**LAMPIRAN B****JADUAL PELAKSANAAN PENYELENGGARAAN PASAR AWAM DI  
DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN**

<b>BIL.</b>	<b>TUGAS/SKOP KERJA</b>	<b>KEKERAPAN</b>
1.	Penyelenggaraan Kerosakan Infrastruktur	(i) Berdasarkan pemantauan berkala oleh pegawai teknikal; dan  (ii) Berdasarkan aduan orang awam/peniaga.
2.	Penyelenggaraan Kebersihan	
	(i) Pembersihan Laluan Awam	Setiap hari
	(ii) Pembersihan Tandas Awam	Setiap hari
	(iii) Pembersihan Tapak Tong	Setiap hari
	(iv) Pencucian Tapak Tong	Seminggu sekali
	(v) Pembersihan Fasiliti Awam	Seminggu sekali
	(vi) Pembersihan Palong	Seminggu sekali
	(vii) Pembersihan Perangkap Minyak Komunal	Sebulan sekali
3.	Penyelenggaraan Keselamatan	(i) Berdasarkan pemantauan berkala oleh pengawal keselamatan; dan  (ii) Berdasarkan aduan orang awam/peniaga

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XII)4**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP  
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

4. Nyatakan syarat-syarat untuk pembinaan asrama pekerja warga asing.
- (a) Senaraikan permohonan pembinaan asrama pekerja asing yang diterima oleh pihak kerajaan dan status permohonan tersebut dari tahun 2020 hingga sekarang, khususnya di DUN Sungai Bakap.
  - (b) Senaraikan asrama dan penginapan sementara pekerja warga asing yang sedia ada di DUN Sungai Bakap.

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Kerajaan Negeri melalui PLANMalaysia@Pulau Pinang telah mewujudkan satu Garis Panduan Perancangan Pembinaan Penginapan Pekerja di Negeri Pulau Pinang Tahun 2022 yang berkuat kuasa pada 28 April 2022. Dalam garis panduan ini telah diperincikan syarat-syarat pembinaan asrama pekerja asing CLQ yang merangkumi tiga (3) zon guna tanah utama iaitu perumahan, perindustrian dan perniagaan. Perincian garis panduan tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Bagi Penginapan Pekerja Sementara *Temporary Labour Quarters* – (TLQ) pula, Kerajaan Negeri melalui Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) telah mewujudkan satu Garis Panduan Perancangan Penginapan Pekerja Sementara *Temporary Labour Quarters* – (TLQ) di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Pulau Pinang Tahun 2024 yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2024. Seterusnya, garis panduan ini telah dibuat pindaan berdasarkan kepentingan

semua pihak dan diluluskan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Bilangan 4/2025 pada 12 Februari 2025 berkuat kuasa mulai 1 Mac 2025. Dalam garis panduan ini telah diperincikan syarat-syarat permohonan perancangan penginapan pekerja sementara (TLQ) di lima (5) jenis bangunan yang utama iaitu bangunan kediaman strata, bangunan kediaman bertanah, bangunan perniagaan, bangunan perindustrian dan kawasan tapak binaan di kawasan pentadbiran PBT masing-masing. Ketetapan ini di buat bagi membantu melancarkan proses permohonan oleh pihak majikan dan kelulusan di peringkat PBT. Perincian garis panduan tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

- (a) Buat masa ini, pihak MBSP masih belum menerima sebarang Permohonan Kebenaran Merancang (PKM) bagi pembinaan asrama pekerja asing (CLQ) di KADUN Sungai Bakap.
- (b) Senarai penginapan pekerja sementara (TLQ) di KADUN DUN Sungai Bakap adalah seperti di **LAMPIRAN C**.

**GARIS PANDUAN PERANCANGAN PEMBINAAN  
PENGINAPAN PEKERJA  
DI NEGERI PULAU PINANG 2022**

## ISI KANDUNGAN

	<u>Muka Surat</u>
1.0 Tujuan	1
2.0 Latar Belakang	1 - 3
3.0 Tafsiran	3
4.0 Peruntukan Undang-Undang dan Garis Panduan Semasa	4
5.0 Objektif	4
6.0 Isu dan Masalah	5
7.0 Prinsip Perancangan	5-6
8.0 Garis Panduan Umum	
8.1 Aspek Perancangan Tapak Penginapan Pekerja	6-14
8.2 Aspek Keselamatan	14-16
8.3 Aspek Kesihatan dan Kebersihan	16-18
9.0 Garis Panduan Khusus	
9.1 Intensiti Pembangunan	19-24
9.2 Penyediaan Kemudahan Sokongan	24-26
10.0 Pemakaian Garis Panduan	26

## **GARIS PANDUAN PERANCANGAN PEMBINAAN PENGINAPAN PEKERJA DI NEGERI PULAU PINANG 2022**

---

### **1.0 TUJUAN**

Garis Panduan ini disediakan bagi membantu Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, agensi- agensi teknikal kerajaan, pihak swasta, pemaju dan pihak pengurusan di dalam merancang pembangunan, pengawalan, pengurusan, pelaksanaan dan penguatkuasaan untuk pembangunan asrama pekerja di Negeri Pulau Pinang.

Keperluan di dalam membangunkan asrama pekerja adalah keperluan semasa di dalam sektor perindustrian yang pesat di Negeri Pulau Pinang bagi mengelakkan isu-isu penempatan pekerja tempatan dan pekerja warga asing yang tidak bersesuaian. Dengan adanya garis panduan ini, secara tidak langsung dapat memandu dan memudah cara pelbagai pihak di dalam membangunkan pemajuan asrama pekerja dengan menitikberatkan aspek kemudahan infrastruktur dan prasarana yang perlu disediakan.

### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Kemajuan pesat dalam bidang perindustrian di Negeri Pulau Pinang telah menarik pelaburan yang tinggi bagi keseluruhan ekonomi Negeri Pulau Pinang. Kesan positif daripada pemajuan tersebut telah menawarkan peluang pekerjaan yang banyak kepada rakyat tempatan dan warga asing.
- 2.2 Namun begitu, fenomena ini menimbulkan beberapa isu berkaitan penempatan khusus kepada pekerja tempatan dan pekerja warga asing. Hal ini kerana, majikan lazimnya menyediakan penempatan di kawasan perumahan awam yang dihuni bersama dengan rakyat tempatan. Kebanjiran rakyat asing terutamanya dari negara Indonesia, Vietnam dan Bangladesh yang bekerja di dalam bidang perindustrian dan pembinaan telah menimbulkan pelbagai kesan negatif kepada masyarakat setempat apabila warga asing menghuni di kawasan perumahan kos rendah dan kos sederhana.

- 2.3 Antara isu dan masalah yang dihadapi adalah seperti kekotoran, peningkatan jenayah, tingkah lalu, kacau ganggu dan pertembungan budaya yang berbeza serta menimbulkan rasa tidak selesa kepada rakyat tempatan. Kebajikan dan keselamatan pekerja tidak dijaga dengan sewajarnya seiring dengan kepesatan pembangunan sektor industri.
- 2.4 Justeru, Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil langkah proaktif untuk membangunkan kawasan penempatan khas untuk pekerja tempatan dan pekerja warga asing yang lengkap dengan pelbagai kemudahan asas.
- 2.5 Oleh itu, penyediaan garis panduan ini disediakan sebagai asas rujukan perancangan pembangunan pembinaan asrama pekerja supaya tidak bercanggah dengan syarat pemajuan guna tanah kediaman/penempatan dalam kawasan perindustrian dan perniagaan agar tidak menimbulkan kacau ganggu kepada persekitaran di sekeliling.
- 2.6 Dimaklumkan bahawa Garis Panduan Garis Panduan Perancangan Pembinaan Asrama Warga Asing Negeri Pulau Pinang telah diluluskan dan disahkan pada hari yang sama oleh Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri pada 30 Julai 2015.
- 2.7 Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 3/2018 pada 15 Mac 2018 telah meluluskan pindaan pada garis panduan ini dengan meminda tajuk dengan menggantikan perkataan asrama warga asing kepada asrama pekerja iaitu Garis Panduan Perancangan Pembinaan Asrama Pekerja Di Negeri Pulau Pinang 2018.

- 2.8 Berkuatkuasa pada 1 September 2020, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia telah menguatkuasakan Peraturan-Peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja (Penginapan Dan Penginapan Berpusat) 2020 selaras dengan pindaan Akta Standard Minimum Perumahan Dan Kemudahan Pekerja, (Akta 446) (Pindaan) 2019. Majikan dan penyedia penginapan berpusat hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan atau kebenaran daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengenai bangunan yang akan digunakan sebagai penginapan atau penginapan berpusat sebelum mengemukakan permohonan Perakuan Penginapan selaras dengan keperluan dalam Peraturan – peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Penginapan dan Penginapan Berpusat) 2020.
- 2.9 Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 7/2021 pada 29 Jun 2021 telah meluluskan pindaan pada garis panduan ini, iaitu Garis Panduan Perancangan Pembinaan Penginapan Pekerja Di Negeri Pulau Pinang 2021.
- 2.10 Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 4/2022 pada 28 April 2022 telah meluluskan pindaan draf garis panduan ini dengan membenarkan zon kediaman secara sementara dan kekal di Negeri Pulau Pinang, KECUALI kawasan kampung, Rumah Kos Rendah (LC) dan Rumah Kos Sederhana Rendah (LMC). Selain itu, meminda tajuk kepada Garis Panduan Perancangan Pembinaan Asrama Pekerja Di Negeri Pulau Pinang 2022

### 3.0 TAFSIRAN

Bagi maksud penyediaan Garis Panduan ini,

"Penginapan" ertinya mana-mana bangunan atau struktur kekal atau sementara digunakan bagi maksud kediaman manusia.

"Pekerja" ditakrifkan sebagai mana-mana individu atau kumpulan orang yang termasuk dalam mana-mana kategori dalam Jadual Pertama atau orang yang diperintah oleh Menteri Sumber Manusia dibawah subseksyen (3) atau seksyen 2A (Akta Standard Minimum Perumahan dan Pekerja Asing (Akta 446), 1990).

"En bloc" ditakrifkan sebagai suatu entiti yang digabungkan secara bersama-sama.

#### 4.0 PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG DAN GARIS PANDUAN SEMASA

Peruntukan undang-undang dan garis panduan semasa yang digunakan untuk menjadi rujukan dalam membangunkan penginapan pekerja di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

- i. Akta 172 (Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976)
- ii. Akta 171 (Akta Kerajaan Tempatan 1976)
- iii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UUKBS), 1984
- iv. Akta 446 (Akta Standard Minimum Perumahan Dan Kemudahan Pekerja (Pindaan) 2019;
- v. *Guideline For Siting and Zoning of Industry and Residential Areas – (Jabatan Alam Sekitar 2012).*
- vi. Environmental Essentials for Siting of Industries In Malaysia (EESIM) Jabatan Alam Sekitar, 2017;
- vii. Garis Panduan Perancangan – Perumahan Pekerja Kilang (JPBD 13/97).
- viii. Draf Garis Panduan Perancangan Kawasan Perindustrian (JPBD 2014).
- ix. Garis Panduan Penempatan Pekerja Asing ( JPBD Johor).
- x. Garis Panduan Dan Piawai Perancangan Penempatan Pekerja Asing (MPSP 2014).
- xi. Garis Panduan Untuk Hostel Pekerja (MPPP 1998).
- xii. Draf Garis Panduan Perancangan Penginapan Pekerja Asing, PLANMalaysia, 2019.

#### 5.0 OBJEKTIF

- i. Memastikan perancangan pembangunan penempatan asrama pekerja disediakan di lokasi yang bersesuaian dan strategik serta mengambilkira kemudahsampaian ke tempat kerja.
- ii. Memastikan aktiviti asrama pekerja ini dikawal dengan garis panduan yang boleh dipatuhi oleh penghuninya.
- iii. Kemudahan bangunan asrama dijadikan kemudahan sokongan kepada sektor perindustrian yang tidak menyediakan kemudahan asrama.
- iv. Memastikan kesesuaian industri dan lokasi asrama diambilkira untuk menjaga kesejahteraan dan keselamatan pekerja.

## 6.0 ISU DAN MASALAH

- i. Bilangan penginapan pekerja yang telah diluluskan Permohonan Kebenaran Merancang oleh Pihak Berkuasa Tempatan masih belum dibina sepenuhnya. Ini menyebabkan majikan perlu mencari alternatif penginapan dengan segera bagi mematuhi Akta 446.
- ii. Kebanyakan majikan tidak menyediakan penempatan khusus kepada pekerja dan menyebabkan pekerja terutamanya warga asing menyewa di kawasan rumah-rumah jenis kos rendah dan kos sederhana rendah yang menimbulkan ketidakselesaan dan masalah sosial.
- iii. Keperluan asas air bersih dan tempat tinggal yang tidak sempurna dan penyebaran penyakit berjangkit dan Covid-19 di kalangan pekerja di penginapan pekerja.
- iv. Ketiadaan kemudahan asas (tandas, surau, tempat mandi, tempat makan, basuh baju dan tempat pembuangan sampah).

## 7.0 PRINSIP PERANCANGAN

Beberapa kriteria perlu diambil kira dan diberi penekanan di dalam membangunkan asrama pekerja ke arah membentuk cara hidup yang berteraskan kepada Doktrin Perancangan dan Pembangunan Sejahtera adalah seperti berikut:

- a. Adil dan Saksama  
Pelan susunatur direkabentuk dengan mengambilkira pertapakan asrama dan kepadatan serta komponen sokongannya berasaskan falsafah Doktrin Perancangan dan Pembangunan Sejahtera.
- b. Keselesaan  
Menyediakan ruang persekitaran yang selesa dan selamat daripada sebarang pencerobohan fizikal serta unsur-unsur jenayah malah dapat menikmati kehidupan bebas dari kacau ganggu.
- c. Kemudahan  
Segala bentuk kemudahan yang berkualiti perlulah ditempatkan di lokasi yang mudahsampaikan agar dapat dikongsi oleh semua penghuni asrama.

d. Kebebasan

Memastikan semua aktiviti dapat dikawal dengan garis panduan yang boleh dipatuhi oleh penghuni asrama supaya kesan kepada persekitaran dari segi gangguan bunyi bising dan masalah sosial dapat dikurangkan

## 8.0 GARIS PANDUAN UMUM

### 8.1 Aspek Perancangan Tapak Penginapan Pekerja

a. **Konsep Pembangunan Penginapan Pekerja** Konsep pembangunan yang dibenarkan hanya tertakluk kepada dua jenis iaitu:

i. **Konsep Hostel/Asrama - 'Penginapan Dormitori'**

Unit dormitori disediakan dalam ruang yang luas dan kebiasaannya dalam bangunan bertingkat mengikut aras yang memuatkan pekerja bagi satu unit dormitori (tertakluk kepada Akta 446) dan keluasan unit dormitori.

Aktiviti memasak adalah tidak dibenarkan dalam dormitori, walau bagaimanapun disediakan ruang khas untuk memasak secara berpusat serta disediakan juga ruang dewan makan dan kantin.

ii. **Konsep Pangsapuri/Bedsitter – 'Penginapan Bukan Dormitori'**

Unit kediaman/premis biasanya mempunyai 2-3 bilik berasingan, 2 bilik mandi, ruang tamu dan dapur. Bilangan pekerja menginap tertakluk kepada Akta 446. Aktiviti memasak dibenarkan.

## b. Perancangan Pertapakan

### i. Kawasan Baru

- Pembangunan di kawasan baru penginapan pekerja hanya dibenarkan di dalam **zon perumahan, zon perniagaan** dan **zon industri**. Zon industri hanya dibenarkan kepada aktiviti industri ringan dan sederhana SME/E&E sahaja.
- Zon yang dibenarkan ini bertujuan mengurangkan kesesakan lalulintas dan pekerja-pekerja boleh berjalan kaki ke tempat kerja dan menjimatkan masa mereka.
- Kawasan Zon Perumahan dibenarkan namun secara bersyarat dan bersifat sementara sahaja
- Bagi kawasan kediaman kampung, Rumah Kos Rendah (LC) dan Rumah Kos Sederhana (LMC) Rendah **TIDAK DIBENARKAN**.
- Penginapan pekerja dikawasan ini perlu mematuhi syarat-syarat berikut :-
  - a. Keperluan penyediaan zon penampakan perlu mematuhi garis panduan oleh Jabatan Alam Sekitar jika pembangunan penginapan pekerja terletak di dalam kawasan zoning industri.
  - b. Tapak yang dicadangkan hendaklah tidak melibatkan kawasan sasaran penting atau mana-mana kawasan yang boleh menjejaskan keselamatan negara.
  - c. Peredaran angin perlu mengambilkira arah orientasi/kedudukan penginapan pekerja.
  - d. Tidak berada dalam kawasan mudah banjir.

iii. **Kawasan Premis Sediada (Tukar Guna Bangunan Secara Sementara)**

- Permohonan penginapan pekerja di kawasan perumahan dibenarkan secara sementara di kawasan perumahan sedia ada yang terbengkalai atau kosong. Digalakkan penginapan pekerja tersebut berpagar atau berpengawal.
- kawasan **kediaman kampung, Rumah Kos Rendah (LC) dan Rumah Kos Sederhana (LMC) Rendah TIDAK DIBENARKAN.**
- Penginapan pekerja dikawasan ini perlu mematuhi syarat-syarat berikut :-
  - a. Mendapat kelulusan pemajuan daripada PBPT bagi tukar guna bangunan;
  - b. Pengubahsuaian dalaman dibenarkan dengan syarat mendapat kelulusan daripada PBPT;
  - c. Tapak yang dicadangkan hendaklah tidak melibatkan kawasan sasaran penting atau mana-mana kawasan yang boleh menjejaskan keselamatan negara.
  - d. Bangunan kediaman dibenarkan tanpa perlu kemukakan Pelan Kebenaran Merancang (PKM). Namun jika terdapat pindaan atau tambahan terhadap premis, pihak pemohon perlu mengemukakan Pelan Bangunan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

iv. **Kawasan Premis Sediada (Tukar Guna Bangunan Secara Kekal)**

- Penginapan pekerja di premis sediada membenarkan majikan untuk menggunakan premis perniagaan dan perindustrian berstruktur kekal tertentu yang telah kosong untuk dijadikan penginapan pekerja.
- Dibenarkan di dalam zon perniagaan yang jauh dari kediaman dan zon industri bagi aktiviti industri ringan dan sederhana SME/E&E sahaja.

- kawasan kediaman kampung, Rumah Kos Rendah (LC) dan Rumah Kos Sederhana (LMC) Rendah **TIDAK DIBENARKAN**.
- Penginapan pekerja dikawasan ini perlu mematuhi syarat-syarat berikut :-
  - a. Mendapat kelulusan pemajuan daripada PBPT bagi tukar guna bangunan;
  - b. Pengubahsuaian dalaman dibenarkan dengan syarat mendapat kelulusan daripada PBPT;
  - c. Keperluan penyediaan zon penampakan perlu mematuhi garis panduan oleh Jabatan Alam Sekitar jika pembangunan penginapan pekerja terletak di dalam kawasan industri.
  - d. Jarak antara penginapan pekerja dengan kediaman adalah 100m.
  - e. Tapak yang dicadangkan hendaklah tidak melibatkan kawasan sasaran penting atau mana-mana kawasan yang boleh menjejaskan keselamatan negara.

**Jadual 1 : Zon Guna Tanah dan Jenis Bangunan Yang Dibenarkan Untuk Premis Sediada Tukar guna bangunan secara sementara Bagi Penginapan Pekerja**

Zon Gunatanah	Jenis Bangunan Yang Dibenarkan	Syarat-Syarat Pembangunan
Perumahan	Semua Jenis Kediaman	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kelulusan diberikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan bagi penginapan pekerja adalah bersifat sementara.</li> <li>• Hendaklah membangunkan keseluruhan skim dan mendapat persetujuan daripada Management Corporation (MC).</li> <li>• Kediaman kampung, Rumah Kos Rendah (LC) dan Rumah Kos Sederhana (LMC) Rendah <b>TIDAK DIBENARKAN</b></li> </ul>
	Bangunan Berbilang Tingkat	
	Kawasan perumahan yang terbengkalai atau yang tidak dibangunkan.	
	Rumah Kedai (Unit Rumah di atas Kedai Sedia ada)	

**Jadual 2 : Zon Guna Tanah dan Jenis Bangunan Yang Dibenarkan Untuk Premis Sediada Tukar guna bangunan secara kekal Bagi Penginapan Pekerja**

Zon Gunatanah	Jenis Bangunan Yang Dibenarkan	Syarat-Syarat Pembangunan
Perindustrian	Kilang atau gudang sesebuah	Unit-unit individu dibenarkan
	Kilang atau gudang berkembar	Secara en bloc sahaja
	Kilang berbilang tingkat	
	Kilang teres	
Perniagaan	Kedai pejabat teres	Unit-unit individu dibenarkan
	Rumah kedai teres	Hendaklah membangunkan keseluruhan skim dan mendapat persetujuan daripada Management Corporation (MC)
	Bangunan komersial sesebuah	
	Hotel/resort	
	Bangunan Pejabat	
	Bangunan berbilang tingkat berstrata seperti pangsapuri perkhidmatan dan SoHo	

**c. Rekabentuk dan Saiz tapak**

- Konsep - Konsep pembangunan penginapan pekerja yang dibenarkan adalah berkonsepkan Hostel/Asrama (Penginapan Domitori) dan Konsep Pangsapuri/Bedsitter (Penginapan Selain Domitori) sahaja bagi pembangunan di kawasan baru dan Kawasan Premis Sediada.
- **Saiz minima pembangunan penginap pekerja adalah 2 ekar** bagi memastikan urustadbir kawasan terjamin dan lancar untuk tujuan keselamatan. Walau bagaimanapun bagi **keluasan tapak kurang daripada 2 ekar (< 2 ekar) dibenarkan** bagi pembinaan penginapan pekerja di atas lot yang sama atau bersempadanan dengan kilang/gudang di dalam kawasan zon industri bagi **menempatkan pekerja sendiri sahaja** dan mematuhi penyediaan kemudahan penginapan yang ditetapkan.
- Aspek ketinggian, anjakan dan nisbah plot bangunan perlu mengikut/mematuhi garis panduan khusus.

- Setiap blok perlu mempunyai tangga dan akses keluar/masuk yang mencukupi dan mengambilkira keadaan semasa berlakunya kecemasan mengikut spesifikasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
- Pembinaan hendaklah mempunyai pengudaraan dan pencahayaan semulajadi yang mencukupi untuk setiap unit.
- Susunatur perlu memberi ruang kepada komponen-komponen berikut seperti saiz blok bangunan, kemudahan masyarakat dan utiliti, kemudahan sosial dan ruang komuniti, rangkaian jalan dalaman, anjakan bangunan dan anjakan dari sempadan jalan dan sempadan lot, kawasan lapang dan rekreasi.
- Keperluan penyediaan kemudahan tersebut adalah mengikut kesesuaian pembangunan.

**d. Sirkulasi / tempat letak kenderaan**

- Kawasan penempatan hendaklah dilengkapi dengan hierarki jalan dan laluan fizikal yang berterusan dan cukup lebar bagi laluan jentera bomba ke setiap bangunan yang dibina.
- Pemilikan kenderaan bermotor adalah TIDAK dibenarkan kepada penghuni warga asing dan mereka hanya dibenarkan menunggang basikal.
- Perlu menyediakan tempat letak basikal di kawasan penempatan.
- Perlu menyediakan tempat menunggu bas pekerja/bas kilang di dalam kawasan penempatan warga asing.
- Tempat letak kenderaan/bas dan bangunan penempatan perlu dilengkapi dengan laluan dan siar kaki yang bersambungan serta berteduh selaras dengan rekabentuk sejagat (universal).
- Keperluan jalan hendaklah mematuhi kehendak Pihak Berkuasa Tempatan dan JKR.

**e. Kemudahan Awam**

- Menyediakan kemudahan sosial masyarakat seperti telekomunikasi dan internet.
- Menyediakan kemudahan seperti kedai runcit, klinik, kedai dobi, mesin ATM, perkhidmatan pemindahan wang dan bas pengangkutan di dalam kawasan asrama atau diletakkan di aras bawah bangunan asrama.
- Kemudahan seperti dewan serbaguna, kedai runcit dalam bentuk "lock-up shop", dan padang serbaguna perlu dipusatkan sebagai satu komuniti.
- Menyediakan bilik rekreasi, gimnasium, gelanggang sukan di dalam kawasan asrama.
- Setiap bilik asrama perlu dilengkapi dengan perabot asas seperti katil, tilam, bantal, kerusi dan meja serta almari pakaian.
- Pihak pengurusan perlu memastikan tiada sebarang aktiviti perniagaan atau penjajaan di dalam sekitar kawasan ini.

**f. Bekalan Air**

- Setiap kediaman mesti memperolehi bekalan air dan tekanan yang mencukupi untuk keperluan domestik dan juga mengambilkira bencana kebakaran; dan semua kerja-kerja rekabentuk dan pembinaan paip bekalan air mesti mematuhi kehendak dan mendapat kelulusan Perbadanan Bekalan Air di peringkat kelulusan Kebenaran Merancang.

**g. Bekalan Elektrik**

- Kesemua kerja rekabentuk, pembinaan dan penyiapan bangunan pencawang elektrik, lampu jalan dan hal-hal yang berkaitan, hendaklah mematuhi kehendak dan mendapat kelulusan pihak Tenaga Nasional Berhad di peringkat kelulusan Kebenaran Merancang.

**h. Pembentungan**

- Sistem pembentungan hendaklah mematuhi keperluan IWK di peringkat kelulusan Kebenaran Merancang.

**i. Perparitan**

- Sistem perparitan hendaklah mampu mengelakkan air bertakung dan mempunyai saiz yang bersesuaian dan mematuhi kehendak Jabatan Pengairan dan Saliran.
- Sistem perparitan yang berkonsepkan pengawalan punca atau Manual Saliran Mesra Alam (MASMA) hendaklah digunakan.

**j. Kawalan Pembangunan**

- Cadangan pembangunan penginapan pekerja memerlukan pihak pemaju memohon permohonan kebenaran merancang. Sesuatu kebenaran merancang diperlukan bagi menjalankan aktiviti pemajuan hendaklah disertakan Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) mengikut Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta A1522), Seksyen 21A(1)(ea).
- Bagi pembangunan penginapan pekerja yang mempunyai 10,000 penghuni perlu dirujuk kepada Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) untuk mendapatkan nasihat berdasarkan kepada Subseksyen 22(2A) Akta 172:

Jika permohonan yang dikemukakan di bawah seksyen ini melibatkan—

- (a) ***pembangunan suatu perbandaran baru bagi penduduk yang melebihi sepuluh ribu, atau meliputi suatu kawasan yang lebih daripada satu ratus hektar, atau kedua-duanya;***
- (b) suatu pemajuan bagi pembinaan apa-apa infrastruktur atau kemudahan utama; atau
- (c) suatu pemajuan yang melibatkan puncak atau lereng bukit, dalam kawasan yang ditetapkan sebagai kawasan alam sekitar yang sensitif dalam suatu rancangan pemajuan.

Jawatankuasa hendaklah meminta daripada Majlis nasihatnya berkenaan dengan permohonan yang dikemukakan itu.

- Selari dengan Manual Penyediaan Laporan Penilaian Impak Sosial bagi Projek Pembangunan Edisi Ke-2 oleh PLANMalaysia dan Kelulusan Senarai tambahan projek dalam Kategori 3 bagi penyediaan Laporan Penilaian Impak Sosial meliputi projek-projek selain daripada yang di bawah SIA Kategori 1 dan SIA Kategori 2, yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 10/2019 pada 28 November 2019, sebarang pembangunan penginapan/asrama pekerja perlu **menyediakan Laporan Penilaian Impak Sosial** untuk dinilai dan diluluskan sebelum permohonan Kebenaran Merancang diberikan.

## 8.2 Aspek Keselamatan

### a. Mematuhi Kehendak Jabatan-jabatan Teknikal

- Pengusaha perlu mematuhi syarat-syarat kehendak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan mendapat sokongan diperingkat permohonan Kebenaran Merancang.

- Pili Bomba hendaklah disediakan dengan lokasi dan jumlah seperti yang disyaratkan di dalam Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UUKBS), 1984 dan mematuhi keperluan kehendak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
- Bangunan kediaman asrama pekerja perlu mempunyai sistem pencegahan kebakaran sebagaimana disyaratkan di dalam Akta Perkhidmatan Bomba, 1988 dan (UUKBS), 1984.
- Menempatkan alat pemadam kebakaran di lokasi yang sesuai dan mudah untuk digunakan semasa kecemasan serta memastikan bilangan yang mencukupi dan diselenggara dengan baik.
- Mematuhi kehendak Tenaga Nasional Berhad (TNB) sewaktu penyediaan pelan permohonan untuk kelulusan dari segi pendawaian di dalam bangunan.
- Menyediakan akses keluar masuk yang sempurna termasuk ruang tangga dan pintu kecemasan.

**b. Tapisan Keselamatan**

- Semua pekerja industri warga asing perlu menjalani tapisan keselamatan oleh pihak-pihak yang ditetapkan oleh kerajaan.
- Semua maklumat setiap pekerja industri warga asing yang akan ditempatkan di asrama pekerja hendaklah disalinkan kepada Jabatan Imigresen, Majlis Keselamatan Negara, Polis dan pihak pengurusan.

**c. Penggera Keselamatan, Rondaan dan Pemasangan CCTV**

- Memasang alat penggera keselamatan dan lampu kecemasan jika berlakunya kecemasan.
- Rondaan dalaman perlu dijalankan selama 24 jam untuk memastikan keadaan keselamatan sentiasa terkawal.
- Pemasangan CCTV (*Close Circuit Television*) dalam kawasan penempatan hendaklah disediakan di tempat - tempat strategik.

**d. Pondok Keselamatan**

- Pihak pengurusan hendaklah menempatkan pondok keselamatan di semua pintu keluar/masuk utama ke kawasan penempatan asrama pekerja.
- Pihak pengurusan bertanggungjawab melantik syarikat keselamatan yang berkelayakan untuk mengawal kawasan asrama pekerja.
- Hendaklah disediakan sistem kawalan di pintu keluar masuk termasuk penggunaan sistem biometrik atau setara yang diperakui oleh pihak keselamatan.
- Kawasan asrama haruslah dipagar di sekeliling kawasan di antara blok lelaki dan wanita.

**e. Kawalan aktiviti di kawasan asrama**

Penghuni asrama TIDAK DIBENARKAN:

- Memelihara haiwan peliharaan.
- Meminum minuman keras/arak.
- Aktiviti pelacuran dan perjudian.
- Menimbulkan kacau ganggu/kekacauan kepada jiran bersebelahan.

**f. Pengasingan Asrama Pekerja**

- Pihak pengurusan hendaklah memastikan pengasingan setiap blok dan unit dengan mengambilkira jantina, negara asal, agama yang dianuti untuk mengelakkan sebarang perbalahan/pergaduhan sesama mereka.

### 8.3 Aspek Kesihatan Dan Kebersihan

Pembangunan asrama pekerja perlulah menitikberatkan aspek kesihatan dan kebersihan bagi mewujudkan persekitaran yang selesa dan harmoni, antaranya;

#### a. Bekalan air

- Bekalan air harus mencukupi pada setiap masa bagi mengelakkan pekerja mencari air dari punca yang tidak selamat.

#### b. Penyediaan Makanan Di Dewan Makan/Kantin

- Pihak pengurusan hendaklah menyediakan makanan dan bertanggungjawab untuk melantik 'katerer' yang berkelayakan bagi mengendalikan makanan di dalam kawasan asrama pekerja selaras dengan syarat-syarat daripada Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Kesihatan.
- Harga makanan yang disajikan mesti berpatutan dan dipantau dari semasa ke semasa.
- Memasak hanya dibenarkan di tempat yang disediakan dan tidak dibenarkan memasak di dalam bilik penginapan.

#### c. Penjagaan Persekitaran

- Kawasan persekitaran penempatan pekerja ini hendaklah diurus dengan baik oleh pihak pengurusan.
- Penghuni tidak dibenarkan sama sekali memelihara apa-apa jenis binatang peliharaan.
- Aktiviti perjudian, pelacuran, minum arak adalah dilarang sama sekali bagi mengelak pergaduhan sesama penghuni.

**d. Kemudahan Rawatan dan Kesihatan**

- Pemeriksaan kesihatan adalah diwajibkan bagi setiap penghuni asrama bagi mengesan penyakit berjangkit di peringkat awal. Warga asing yang mengidap penyakit berjangkit mesti dihantar pulang ke negara asal dengan segera.
- Kemudahan rawatan dan kesihatan hendaklah dikendalikan oleh anggota yang bertauliah. 'Sick bay' disediakan bagi pengasingan mereka yang sakit, pemeriksaan dan rawatan dapat diberikan di lokasi sebelum mereka dipindahkan ke hospital atau pusat rawatan jika keadaan memerlukan.
- Dalam kes kematian pekerja asing, jenazah, mayat hendaklah diuruskan dengan sempurna dan mematuhi keperluan dan undang-undang sedhada, dan mayat/jenazah tersebut hendak di bawa pulang ke negara asal.

**e. Pembuangan Sampah**

- Kawasan dan unit asrama pekerja mestilah berada di dalam keadaan sentiasa bersih.
- Kawasan asrama pekerja perlu disediakan tempat pembuangan sampah yang mudah dipungut oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
- Pihak pengurusan perlu menyelaras dan menguruskan pelupusan sampah serta sisa pepejal lain.
- Pengusaha dikehendaki menyediakan tong sampah dan tong kitar semula yang mencukupi dan diletakkan di lokasi yang bersesuaian. Semua sampah sarap dimasukkan ke dalam karung plastik dan diikat sebelum dibuang ke dalam tong sampah.
- Sistem pengurusan sisa pepejal hendaklah sentiasa diawasi dan dipantau oleh pihak pengurusan.
- Pihak pengurusan boleh menyediakan peraturan dari semasa ke semasa tertakluk kepada garis panduan ini.

**e. Pembuangan Sampah**

- Kawasan dan unit asrama pekerja mestilah berada di dalam keadaan sentiasa bersih.
- Kawasan asrama pekerja perlu disediakan tempat pembuangan sampah yang mudah dipungut oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
- Pihak pengurusan perlu menyelaras dan menguruskan pelupusan sampah serta sisa pepejal lain.
- Pengusaha dikehendaki menyediakan tong sampah dan tong kitar semula yang mencukupi dan diletakkan di lokasi yang bersesuaian. Semua sampah sarap dimasukkan ke dalam karung plastik dan diikat sebelum dibuang ke dalam tong sampah.
- Sistem pengurusan sisa pepejal hendaklah sentiasa diawasi dan dipantau oleh pihak pengurusan.
- Pihak pengurusan boleh menyediakan peraturan dari semasa ke semasa tertakluk kepada garis panduan ini.

## 9.0 GARIS PANDUAN KHUSUS

### 9.1 Intensiti Pembangunan

Kategori	Piawaian
Zon Dibenarkan	<p><b>Pembangunan Kawasan Baru</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perumahan dibenarkan namun secara bersyarat dan bersifat sementara sahaja.</li> <li>• Bagi kawasan kediaman kampung <b>TIDAK DIBENARKAN</b></li> <li>• Perniagaan dan Industri (Hanya dibenarkan di industri ringan dan sederhana)</li> <li>• Zon industri hanya dibenarkan kepada aktiviti industri ringan dan sederhana SME/E&amp;E sahaja.</li> </ul>
	<p><b>Kawasan Premis Sediada (Tukar Guna Bangunan Secara Sementara)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perumahan (Rujuk Jadual 1).</li> <li>• kawasan kediaman kampung kawasan kediaman kampung, Rumah Kos Rendah (LC) dan Rumah Kos Sederhana (LMC) Rendah <b>TIDAK DIBENARKAN</b>.</li> </ul>
	<p><b>Kawasan Premis Sediada (Tukar Guna Bangunan Secara Kekal)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perniagaan dan Industri (Hanya dibenarkan di industri ringan dan sederhana) (Rujuk Jadual 2)</li> <li>• Perlu penjarakan 100 meter dari kediaman sediada</li> </ul> <div data-bbox="587 1160 1353 1529" style="text-align: center;"> <p>The diagram illustrates a commercial zone (Kawasan Perniagaan) situated between two residential areas (shaded rectangles). A dashed-line buffer zone, labeled '(100 m)', surrounds the commercial zone. Within this buffer zone, there is a 'Perniagaan' box. The commercial zone itself contains three boxes: 'Perniagaan' at the top, 'Cadangan Penginapan Pekerja' in the middle, and 'Zon Perniagaan' at the bottom. Arrows indicate the 100m distance from the residential areas to the commercial zone.</p> </div>
Nisbah Plot	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bagi pembangunan kawasan baru dibenarkan 2:1 maksima 3.5:1 (Tertakluk kepada bayaran pemajuan bagi melebihi nisbah plot 2:1)</li> <li>• Syarat ini tidak tertakluk kepada kawasan premis sediada (Tukar guna bangunan)</li> </ul>

Sambungan...

Kategori	Piawaian
Keluasan Tapak	<ul style="list-style-type: none"><li>• Minima 2 Ekar (Kawasan Baru)</li><li>• Walau bagaimanapun bagi keluasan tapak kurang daripada 2 ekar (&lt; 2 ekar) dibenarkan bagi pembinaan penginapan pekerja di atas lot yang sama atau bersempadanan dengan kilang/gudang di dalam kawasan zon industri bagi menempatkan pekerja sendiri sahaja dan mematuhi penyediaan kemudahan penginapan yang ditetapkan.</li><li>• Syarat ini tidak tertakluk kepada premis sediaada (Tukar guna bangunan)</li></ul>
Ketinggian Bangunan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Tertakluk kepada ketinggian di sesuatu kawasan yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan;</li><li>• Perlu rujuk ke Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) sekiranya terletak di laluan 'Flight Path'.</li></ul>
Rekabentuk Bangunan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Rekabentuk bersifat mesra alam.</li><li>• Menggunakan bahan binaan yang berkualiti dan tidak mudah terbakar serta mematuhi syarat yang ditetapkan oleh PBT.</li></ul>
Anjakan Bangunan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh PBT.</li></ul>
Saiz Ruang Lantai	<ul style="list-style-type: none"><li>• <b>800</b> kaki persegi /unit atau <b>74.32</b> meter persegi / unit (minima)</li></ul>

Sambungan...

Kategori	Piawaian	
<b>Bilangan Bilik</b>	<b>Penginapan Domitori (Hostel/Asrama)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Unit dormitori disediakan dalam ruang yang luas dan kebiasaannya dalam bangunan bertingkat mengikut aras yang memuatkan sejumlah pekerja bagi satu unit dormitori (tertakluk kepada Akta 446) dan keluasan lantai unit dormitori.</li> <li>• Aktiviti memasak adalah tidak dibenarkan dalam dormitori, walau bagaimanapun disediakan ruang khas untuk memasak secara berpusat serta disediakan juga ruang dewan makan dan kantin.</li> </ul>	<b>Penginapan Selain Domitori (Pangsapuri)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Unit kediaman / premis biasanya mempunyai 2-3 bilik berasingan, 2 bilik mandi, ruang tamu dan dapur. Bilangan pekerja menginap tertakluk kepada Akta 446.</li> </ul>
	 <ul style="list-style-type: none"> <li>• Contoh kiraan bilangan pekerja penginapan dormitori  <math display="block">\text{Luas dormitori} / 3 \text{ m}^2 = \text{Bilangan maksimum pekerja yang boleh ditempatkan di dalam 1 bilik asrama / dormitori.}</math> </li> </ul>	 <ul style="list-style-type: none"> <li>• Contoh kiraan bilangan pekerja penginapan selain dormitori.</li> </ul>

Sambungan...

Kategori	Piawaian	
Bilangan Bilik	<b>Penginapan Domitori (Hostel/Asrama)</b>	<b>Penginapan Selain Domitori (Pangsapuri)</b>
	Contoh: $800 \text{ kp } (74.32 \text{ m}^2) / 3 \text{ m}^2$ = 24 orang	Contoh: <u>Keluasan bilik tidur</u> Bilik tidur 1 (3.03m x 3.5m) = 10.6 m <sup>2</sup> Bilik tidur 2 (3.5m x 3m) = 10.5 m <sup>2</sup> Bilik tidur 3 (3m x 2.7m) = 8.1 m <sup>2</sup>  <u>Bilangan maksimum pekerja</u> Bilik tidur 1 $10.6 \text{ m}^2 / 3.6 \text{ m}^2 = 2$ pekerja Bilik tidur 2 $10.5 \text{ m}^2 / 3.6 \text{ m}^2 = 2$ pekerja Bilik tidur 3 $8.1 \text{ m}^2 / 3.6 \text{ m}^2 = 2$ pekerja
Ruang Tidur	<ul style="list-style-type: none"> <li>Hendaklah menyediakan bilik tidur dengan keluasan lantai yang <b>tidak kurang daripada 3.0 meter persegi</b> bagi setiap pekerja.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Hendaklah menyediakan bilik tidur dengan keluasan lantai yang <b>tidak kurang daripada 3.6 meter persegi</b> bagi setiap pekerja</li> </ul>
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Satu ruang rehat;</li> <li>Satu ruang makan dengan kerusi dan meja;</li> <li>Bilik tidur;</li> <li>Satu ruang dapur;</li> <li>Bilik air dan tandas (sama ada berasingan atau bersekali) dengan nisbah <b>1 bilik air dan tandas : 15 pekerja;</b></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Satu ruang rehat;</li> <li>Satu ruang makan dengan kerusi dan meja;</li> <li>Bilik tidur;</li> <li>Satu ruang dapur;</li> <li>Bilik air dan tandas (sama ada berasingan atau bersekali) dengan nisbah <b>1 bilik air dan tandas : 6 pekerja;</b></li> </ul>

Sambungan...

Kategori	Piawaian	
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kipas bagi setiap ruang rehat, ruang makan dan bilik tidur;</li> <li>• Lampu bagi setiap ruang rehat, ruang makan, bilik tidur, ruang dapur, bilik air dan tandas;</li> <li>• Satu ruang untuk menyidai pakaian;</li> <li>• Satu alat pertolongan cemas;</li> </ul> <p>Tong sampah</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kipas bagi setiap ruang rehat, ruang makan dan bilik tidur;</li> <li>• Lampu bagi setiap ruang rehat, ruang makan, bilik tidur, ruang dapur, bilik air dan tandas;</li> <li>• Satu ruang untuk menyidai pakaian;</li> <li>• Satu alat pertolongan cemas;</li> <li>• Tong sampah</li> </ul>
Ketinggian lantai ke lantai	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 3.6m (maksima) untuk kawalan ketinggian lantai.</li> </ul>	
Jarak Zon Penampan (Penginapan Pekerja di kawasan industri)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mematuhi ketetapan dan keperluan zon penampan oleh Jabatan Alam Sekitar (<i>Guideline for Siting and Zoning of Industry and Residential Areas – (DOE, 2012)</i> dan <i>Environmental Essentials For Siting Of Industries In Malaysia (EESIM) (DOE 2017)</i>)</li> </ul>	
Tempat Letak Kenderaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tempat Letak Kereta – 3% (maksima) dari bilangan unit domitori dan pangsapuri.</li> <li>• Tempat Letak Motosikal – 5% (maksima) dari bilangan unit domitori dan pangsapuri.</li> <li>• <b>Penyediaan Tempat Letak Kenderaan adalah untuk pihak pengurusan sahaja.</b></li> <li>• Tempat Letak Bas Pekerja – (minima) 3 petak. (Pembangunan Premis Sediada (Tukarguna bangunan secara kekal)</li> <li>• Depot Bas Pekerja – Pembangunan Baru.</li> </ul>	

Sambungan...

Kategori	Piawaian
Tempat Letak Kenderaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tempat Letak Kereta – 3% (maksima) dari bilangan unit domitori dan pangsapuri.</li> <li>Tempat Letak Motosikal – 5% (maksima) dari bilangan unit domitori dan pangsapuri.</li> <li><b>Penyediaan Tempat Letak Kenderaan adalah untuk pihak pengurusan sahaja.</b></li> <li>Tempat Letak Bas Pekerja – (minima) 3 petak. (Pembangunan Premis Sediada (Tukarguna bangunan secara kekal)</li> <li>Depot Bas Pekerja – Pembangunan Baru.</li> </ul>
Rangkaian Jalan raya	<ul style="list-style-type: none"> <li>66 kaki bagi kawasan industri.</li> <li>50 kaki bagi kawasan perumahan dan perniagaan.</li> </ul>
Penyediaan Kawasan Lapang	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kawasan lapang di atas tanah perlu disediakan 10% daripada luas tapak pembangunan penginapan pekerja.</li> <li>Kemudahan rekreasi seperti padang bola, gelanggang permainan dan lain-lain persamaan boleh diambil kira sebagai sebahagian kawasan lapang.</li> </ul>
Perimeter Planting	<ul style="list-style-type: none"> <li>3 meter (10') di sekeliling kawasan pembangunan</li> <li>Termasuk di dalam anjakan bangunan</li> <li>Tertakluk kepada PBT/Bomba</li> </ul>

## 9.2 Penyediaan Kemudahan Sokongan

Kemudahan sokongan hendaklah disediakan sebanyak 20% daripada kandungan ruang lantai asrama pekerja yang dicadangkan.

KEMUDAHAN	PIAWAIAN
Dewan Serbaguna	<ul style="list-style-type: none"> <li>Disediakan secara bersepadu dan lengkap dengan tandas.</li> </ul>
Dewan Makan / Kantin	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mempunyai kemudahan sinki basuh tangan dan dilengkapi dengan kerusi meja.</li> </ul>

Sambungan...

KEMUDAHAN	PIAWAIAN
Pejabat Pengurusan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perlu disediakan di tingkat bawah asrama bagi memudahkan sebarang urusan.</li> </ul>
Pondok Keselamatan / Pengawal	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Disediakan di hadapan pintu masuk kawasan asrama pekerja.</li> <li>• Penggunaan sistem biometrik atau setara yang diperakui oleh pihak keselamatan.</li> <li>• Melantik syarikat keselamatan yang berkelayakan untuk mengawal kawasan asrama pekerja.</li> <li>• Menyediakan pengawal keselamatan yang mencukupi dan mahir.</li> </ul>
Ruang Rehat / Bilik TV / Bilik Bacaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Disediakan di mana-mana aras yang bersesuaian dan mudah untuk digunakan.</li> </ul>
Ruang Membasuh dan Menyidai Pakaian	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Disediakan di setiap aras blok.</li> <li>• Memastikan ruang ini terlindung dan tidak dapat dilihat secara terus.</li> </ul>
Kedai Dobi dan Runcit	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Disediakan di tingkat bawah.</li> <li>• Sekurang-kurangnya 1 unit di setiap awasan asrama pekerja.</li> <li>• Kiraannya termasuk di dalam nisbah plot.</li> </ul>
Perkhidmatan Pemindahan Wang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Disediakan dalam kawasan asrama bagi mengelakkan pekerja warga asing keluar dari penempatan yang disediakan.</li> <li>• Memastikan penyediaan langkah-langkah keselamatan jika melibatkan jumlah wang yang besar.</li> <li>• Memastikan perkhidmatan yang disediakan adalah telah lama berkecimpung dalam perniagaan tersebut.</li> </ul>

Sambungan...

KEMUDAHAN	PIAWAIAN
Ruang Peti Pos	<ul style="list-style-type: none"><li>• Peti surat ditempatkan di bawah kawal selia pejabat pengurus.</li></ul>
Bilik Sakit	<ul style="list-style-type: none"><li>• Disediakan bagi pengasingan pekerja yang sakit untuk mendapat rawatan dan pemeriksaan di lokasi sebelum dipindahkan ke hospital.</li><li>• Hendaklah dikendalikan oleh anggota yang bertauliah.</li><li>• Disediakan berasingan bagi lelaki dan perempuan.</li></ul>

#### 10. PEMAKAIAN GARIS PANDUAN

- Garis panduan ini adalah terpakai bagi semua permohonan baru dan permohonan yang dalam proses kelulusan di peringkat Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan dari tarikh kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri.
- Bagi permohonan yang telah mendapat kelulusan Permohonan Kebenaran Merancang (PKM) daripada Pihak Berkuasa Tempatan dan yang telah beroperasi perlu mematuhi Peraturan-Peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja (Penginapan Dan Penginapan Berpusat) 2020 selaras dengan pindaan Akta Standard Minimum Perumahan Dan Kemudahan Pekerja, (Akta 446) (Pindaan) 2019 bagi mendapatkan kelulusan Perakuan Penginapan daripada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia.
- Bagi Prosedur Permohonan Bagi Penyediaan Penginapan Pekerja Jangka Pendek, Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Pulau Pinang dibenarkan untuk memperincikan prosedur sesuai dengan kawasan pentadbiran masing-masing.
- Tarikh pemakaian garis panduan ini berkuatkuasa adalah pada hari yang sama cadangan pindaan garis panduan ini diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri.





**KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

**PINDAAN GARIS PANDUAN PERANCANGAN PENGINAPAN  
PEKERJA SEMENTARA (*TEMPORARY LABOUR QUARTERS – TLQ*)  
DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)  
NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2025**

**Berkuat kuasa  
01 Mac 2025**

## ISI KANDUNGAN

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.0	Tujuan	3
2.0	Pengenalan	3
3.0	Peruntukan Perundangan dan Punca Kuasa	4
4.0	Definisi dan Takrifan	5 – 8
5.0	Konsep Pembangunan Penginapan Pekerja Sementara	8
6.0	Jenis-jenis Bangunan Dan Kawasan Yang Dibenarkan Bagi Tujuan Penginapan Pekerja Sementara	9
6.1	Bangunan Kediaman Strata	9 – 12
6.2	Bangunan Kediaman Bertanah	12 – 15
6.3	Bangunan Perniagaan	16 – 19
6.4	Bangunan Perindustrian	19 – 22
6.5	Kawasan Tapak Bina	22
7.0	Caj Kadar Bayaran Fi Pemprosesan Penginapan Pekerja Sementara	22
8.0	Aspek Reka Bentuk	23
9.0	Aspek Kemudahan Awam dan Fasiliti	24 – 25
10.0	Aspek Keselamatan	25 – 26
11.0	Aspek Kebersihan	27
12.0	Aspek Sosial	27 – 28
13.0	Pelanggaran Syarat Pengoperasian Penginapan Pekerja Sementara	28
14.0	Carta Alir Permohonan Pengoperasian Penginapan Pekerja Sementara	29 – 33

## 1.0 TUJUAN

Garis panduan ini hendaklah diguna pakai sebagai rujukan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pihak syarikat / majikan dalam merancang pembangunan, pengawalan, pengurusan, pelaksanaan dan penguatkuasaan bagi pengoperasian asrama pekerja untuk tempoh sementara di Negeri Pulau Pinang. Keperluan pengoperasian asrama pekerja untuk tempoh sementara adalah keperluan semasa dalam mengimbangi sektor perindustrian yang kian pesat di Negeri Pulau Pinang. Tujuan utama pelaksanaan garis panduan ini adalah bagi mengelakkan sebarang isu penempatan pekerja yang tidak terancang dan seterusnya akan mengakibatkan penduduk setempat berasa tidak selamat dan terancam.

## 2.0 PENGENALAN

- 2.1 Garis panduan ini dinamakan “Garis Panduan Perancangan Penginapan Pekerja Sementara (*Temporary Labour Quarters – TLQ*) Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Pulau Pinang” yang memberi panduan berkaitan perancangan pengoperasian penginapan pekerja mengikut bangunan dan kawasan yang tertentu seperti **bangunan kediaman strata, bangunan kediaman bertanah, bangunan perniagaan, bangunan perindustrian** dan **kawasan tapak bina**.
- 2.2 Garis panduan ini juga merupakan satu dasar yang diguna pakai oleh PBN, PBT dan pihak syarikat / pemaju bagi menempatkan pekerja-pekerja secara sementara sebelum dipindahkan ke penginapan pekerja berpusat (*Centralised Labour Quarters – CLQ*).
- 2.3 Garis panduan ini diwujudkan oleh Kerajaan Negeri dengan kerjasama Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP), PBT Negeri Pulau Pinang, Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Pulau Pinang, Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang (PLANMalaysia@Pulau Pinang), Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Semenanjung Malaysia Pulau Pinang dan Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP).

### 3.0 PERUNTUKAN PERUNDANGAN DAN PUNCA KUASA

3.1 Garis panduan ini digubal berpandukan peruntukan perundangan dan dasar-dasar seperti berikut:

- i. Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 [AKTA 172];
- ii. Akta Kerajaan Tempatan 1976 [AKTA 171];
- iii. Akta Pengurusan Strata 2013 [AKTA 757];
- iv. Akta Hakmilik Strata 1985 [AKTA 318];
- v. Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 [AKTA 612];
- vi. Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja 1990 [AKTA 446] dan Peraturan-peraturan di bawahnya;
- vii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UUKBS), 1984;
- viii. *Guideline for Sitting and Zoning of Industry and Residential Areas* – (Jabatan Alam Sekitar 2012);
- ix. *Environmental Essentials for Siting of Industries in Malaysia* (EESIM) Jabatan Alam Sekitar, 2017;
- x. Garis Panduan Perancangan Pembinaan Penginapan Pekerja Di Negeri Pulau Pinang 2022;
- xi. Garis Panduan Perancangan Penginapan Pekerja Di Kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang 2021;
- xii. Garis Panduan Perancangan Tukarguna Bangunan Industri Bagi Tujuan Penginapan Pekerja Untuk Tempoh Sementara Di Kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai 2021; dan
- xiii. Garis Panduan Bangunan Perniagaan Sedia Ada Bagi Tujuan Penginapan Pekerja Untuk Tempoh Sementara Di Kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai 2021;
- xiv. Syarat-syarat Permit Binaan Sementara Di Kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai

## 4.0 DEFINISI DAN TAKRIFAN

Bagi maksud garis panduan ini:

- 4.1 **Blok** ertinya bangunan besar yang di dalamnya terdapat beberapa unit petak rumah, pejabat, asrama, kedai dan sebagainya dibina secara bertingkat-tingkat atau berderetan;
- 4.2 **Bangunan Kediaman Bertanah** ertinya sesuatu pembangunan atau kediaman bukan strata (*landed*) yang meliputi rumah banglo, berkembar, teres dan sebagainya yang dibangunkan di atas satu (1) lot tanah utama dengan pecahan ke petak tanah (*land parcel*) kecil dengan pemilikan tanah secara hakmilik individu;
- 4.3 **Bangunan Kediaman Strata** ertinya suatu pembangunan hartanah yang membahagikan bangunan atau tanah ke petak-petak individu, petak aksesori dan harta bersama yang ditadbir secara badan pentadbir persendirian oleh sistem perbadanan strata yang dikenali sebagai JMB, MC atau ejen pengurusan di skim hartanah berstrata yang mana ia terdiri daripada pemilik-pemilik unit dalam skim strata terlibat;
- 4.4 **Bangunan Perniagaan** ertinya sesuatu bangunan atau perkarangannya yang menempatkan aktiviti perdagangan atau apa-apa aktiviti penawaran, pertukaran, perkhidmatan dan penyimpanan barangan untuk tujuan perniagaan.
- 4.5 **Bangunan Perindustrian** ertinya kawasan yang dirancang (dizon) dan dibangunkan untuk tujuan aktiviti industri dan dilengkapi dengan kemudahan bagi menyokong serta melengkapi pembangunan tersebut melalui penyediaan rancangan pemajuan;
- 4.6 **Kawasan Tapak Bina** ertinya pembinaan atau pendirian di atas mana-mana tanah bangunan sementara untuk menampung pekerja yang terlibat dalam pembinaan atau pendirian suatu bangunan di atas tanah yang baginya kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Tempatan;

- 4.7 **Dormitori** ertinya keluasan lantai ruang tidur yang dibenarkan mengikut ukuran 3.0 meter bagi setiap pekerja di bawah Peraturan-Peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja (Penginapan Dan Penginapan Berpusat) 2020 [P.U.(A) 250];
- 4.8 **En bloc** ertinya suatu entiti yang digabungkan secara bersama-sama melalui satu deretan atau lorong rumah-rumah yang berasingan dan tidak bercampur dengan penduduk setempat;
- 4.9 **Joint Management Body (JMB)** atau Badan Pengurusan Bersama ertinya badan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 17, Akta Pengurusan Strata 2013 [AKTA 757];
- 4.10 **Majlis Bandaraya Pulau Pinang** ertinya Pihak Berkuasa Tempatan yang mentadbir dua (2) buah daerah di kawasan Pulau iaitu Daerah Timur Laut dan Daerah Barat Daya;
- 4.11 **Majlis Bandaraya Seberang Perai** ertinya Pihak Berkuasa Tempatan yang mentadbir tiga (3) buah daerah di kawasan Seberang Perai iaitu Daerah Seberang Perai Utara, Daerah Seberang Perai Tengah dan Daerah Seberang Perai Selatan;
- 4.12 **Management Corporation (MC)** atau Perbadanan Pengurusan ertinya perbadanan pengurusan yang wujud di bawah Akta Hakmilik Strata 1985 [AKTA 318]. Ia juga termasuk SUB MC atau Perbadanan Pengurusan Subsidiari yang ditubuhkan di bawah akta yang sama;
- 4.13 **Orang yang bertanggungjawab bagi penginapan** ertinya mana-mana orang yang dilantik oleh seseorang majikan atau penyedia perkhidmatan berpusat yang bertanggungjawab bagi pengurusan penginapan serta keselamatan, kesihatan pekerja dan kemudahan lain di dalam penginapan tersebut;

- 4.14 **Pangsapuri** ertinya unit kediaman / premis yang biasanya mempunyai 2 – 3 buah bilik berasingan, 2 buah bilik mandi, ruang tamu dan dapur;
- 4.15 **Pekerja** ertinya mana-mana individu atau kumpulan orang yang termasuk dalam mana-mana kategori di dalam Jadual Pertama atau orang yang diperintah oleh YB Menteri Sumber Manusia di bawah Subseksyen (3) atau Seksyen 2A, Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja 1990 [AKTA 446];
- 4.16 **Penginapan** ertinya mana-mana bangunan atau struktur kekal atau sementara termasuk apa-apa rumah, pondok, bangsal atau kepungan berbumbung yang digunakan bagi maksud kediaman manusia;
- 4.17 **Penginapan Pekerja Berpusat** ertinya mana-mana bangunan yang digunakan bagi perumahan pekerja yang diambil kerja oleh seorang atau lebih majikan secara kekal;
- 4.18 **Penginapan Pekerja Sementara** ertinya mana-mana bangunan yang digunakan bagi penginapan pekerja yang diambil kerja oleh seorang majikan bagi tempoh tiga (3 tahun);
- 4.19 **Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Pulau Pinang** ertinya Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP);
- 4.20 **Sijil Perakuan Penginapan** ertinya sijil yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Perakuan Penginapan Peringkat Negeri kepada pihak syarikat atau majikan dan hanya boleh diambil oleh pengarah syarikat / rakan kongsi / pemilik syarikat atau wakil syarikat yang dilantik sahaja;
- 4.21 **Skim** ertinya suatu pembangunan hartanah secara keseluruhan yang membahagikan bangunan atau tanah ke petak-petak, petak aksesori dan harta bersama; dan

- 4.22 **Syarikat / Majikan** ertinya mana-mana pihak yang mengikat suatu kontrak perkhidmatan untuk menggajikan individu lain sebagai pekerja termasuk sebagai ejen, pengurus atau wakil perniagaan bagi individu berdasarkan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 [AKTA 612].
- 4.23 **Terbengkalai** ertinya mana-mana bangunan yang separuh binaan atau binaan tidak siap dan ditinggalkan.

## **5.0 KONSEP PEMBANGUNAN PENGINAPAN PEKERJA SEMENTARA**

Konsep pembangunan penginapan pekerja untuk tempoh sementara yang dibenarkan oleh PBT Negeri Pulau Pinang hanya tertakluk pada dua (2) jenis sahaja iaitu:

### **5.1 Konsep Hostel / Asrama – ‘Penginapan Dormitori’**

- i. Unit dormitori disediakan dalam ruang yang luas dan kebiasaannya dalam bangunan bertingkat mengikut aras yang memuatkan pekerja bagi satu (1) unit dormitori (tertakluk pada AKTA 446 dan keluasan unit dormitori); dan
- ii. Aktiviti memasak adalah tidak dibenarkan di dalam dormitori. Walau bagaimanapun, disediakan ruang khas untuk memasak secara berpusat serta disediakan juga ruang dewan makan dan kantin.

### **5.2 Konsep Pangsapuri / *Bedsitter* – ‘Penginapan Bukan Dormitori’**

- i. Unit kediaman / premis biasanya mempunyai 2 – 3 buah bilik berasingan, 2 buah bilik mandi, ruang tamu dan dapur. Bilangan pekerja menginap adalah tertakluk pada AKTA 446; atau
- ii. Aktiviti memasak adalah dibenarkan di ruang dapur yang telah disediakan.

## 6.0 JENIS-JENIS BANGUNAN DAN KAWASAN YANG DIBENARKAN BAGI TUJUAN PENGINAPAN PEKERJA SEMENTARA

### 6.1 BANGUNAN KEDIAMAN STRATA

Bagi bangunan kediaman strata, pihak syarikat atau majikan adalah dibenarkan untuk membuat suatu permohonan bagi pengoperasian penginapan pekerja secara **sementara** di bangunan kediaman strata sedia ada kepada pihak PBT.

#### 6.1.1 Tempoh Kelulusan Yang Ditetapkan

- i. Penginapan pekerja di bangunan kediaman berstrata sedia ada adalah bersifat sementara iaitu selama **tiga (3) tahun berakhir pada 31 Disember 2027**;
- ii. Pihak syarikat / majikan hanya dibenarkan mengemukakan permohonan kepada PBT **mulai 1 Januari 2024 sehingga 31 Disember 2025**. Sebarang permohonan selepas dari tarikh tersebut, adalah tidak akan dilayan; dan
- iii. Setelah tamat tempoh tiga (3) tahun, bangunan kediaman strata tersebut perlu ditukarkan ke keadaan dan aktiviti asal dan pekerja yang menghuni bangunan tersebut perlu dipindahkan ke CLQ.

#### 6.1.2 Jenis-jenis Bangunan Kediaman Strata Yang Dibenarkan

Bil.	Jenis-jenis Bangunan	Syarat Pembangunan
1.	Bangunan Kediaman Terbengkalai ( <i>Abandoned</i> ) kecuali Bangunan Kediaman LC, LMC dan RMM	<ol style="list-style-type: none"><li>i. Hendaklah mendapat persetujuan secara bertulis daripada pihak pemaju;</li><li>ii. Hendaklah mendapatkan surat sokongan secara bertulis daripada YB ADUN Kawasan; dan</li><li>iii. Hendaklah menerima Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC).</li></ol>

Bil.	Jenis-jenis Bangunan	Syarat Pembangunan
2.	Bangunan Tidak Terjual ( <i>Unsold Unit</i> ) kecuali Bangunan Kediaman LC, LMC dan RMM	i. Hendaklah mendapat persetujuan secara bertulis daripada pihak pemaju; ii. Hendaklah mendapatkan surat sokongan secara bertulis daripada YB ADUN Kawasan; dan iii. Hendaklah menerima Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC).

### 6.1.3 Jenis-jenis Bangunan Kediaman Strata Yang Tidak Dibenarkan

Jenis-jenis bangunan kediaman strata yang **tidak dibenarkan** bagi pengoperasian penginapan pekerja secara sementara adalah:

- i. Projek Rumah Sewa Kerajaan Negeri di bawah Kerajaan Negeri;
- ii. Projek Perumahan Rakyat (PPR) di bawah Kerajaan Persekutuan;
- iii. PPR di bawah PBT;
- iv. Bangunan Kediaman Strata Kos Rendah (LC), Bangunan Kediaman Strata Kos Sederhana Rendah (LMC) & Bangunan Kediaman Rumah Mampu Milik (RMM) dan jenis-jenis bangunan kediaman strata lain. Walau bagaimanapun, PBT melalui Pengarah Jabatan Bangunan atau Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan boleh memberikan kelulusan penginapan pekerja di bangunan-bangunan ini untuk tempoh sementara berdasarkan permohonan *case by case basis* dan tertakluk pada syarat-syarat pembangunan di bawah:
  - a. Hendaklah menerima Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) sekurang-kurangnya 10 tahun;
  - b. Hendaklah mendapat persetujuan bertulis daripada pihak JMB / MC melalui ketetapan khas yang disokong tidak kurang daripada  $\frac{3}{4}$  undi sah yang dihitung dalam Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) atau Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM)

- atau mana-mana mesyuarat khas di bawah Subseksyen 32(3) dan 70(2), Akta Pengurusan Strata 2013 (AKTA 757);
- c. Jika tiada JMB / MC, maka syarikat atau majikan perlu mendapat surat sokongan secara bertulis daripada ADUN kawasan; dan
  - d. Kelulusan penginapan pekerja untuk tempoh sementara adalah tertakluk kepada pihak PBT secara *case by case basis*.

#### **6.1.4 Syarat-syarat Umum**

- i. Syarikat atau majikan hendaklah mengemukakan permohonan Pelan Bangunan ke Jabatan Bangunan PBT bagi proses mendapatkan kelulusan penginapan pekerja untuk tempoh sementara;
- ii. Syarikat atau majikan hendaklah memastikan pekerja di bawah seliaan tidak bercampur dengan penduduk setempat;
- iii. Syarikat atau majikan perlu memastikan setiap unit rumah yang dijadikan penginapan pekerja adalah dihuni oleh pekerja daripada syarikat / majikan yang sama sahaja. (Tidak boleh bercampur dengan syarikat / majikan yang lain);
- iv. Syarikat atau majikan perlu memastikan setiap unit rumah yang dijadikan penginapan pekerja adalah dihuni oleh pekerja mengikut jantina yang sama;
- v. Syarikat atau majikan hendaklah mematuhi syarat-syarat teknikal yang ditetapkan oleh PBT dan *Standard Operating Procedure* (SOP) daripada pihak JTK Pulau Pinang, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan agensi lain jika terdapat keperluan;
- vi. Syarikat atau majikan perlu melantik operator untuk mengurus dan mengawal selia operasi penginapan pekerja;
- vii. Syarikat atau majikan perlu mendapatkan surat sokongan secara bertulis daripada YB ADUN Kawasan dan PBT berhak

- untuk menolak permohonan sekiranya terdapat bantahan atau aduan;
- viii. Bagi bangunan kediaman strata sedia ada yang terdapat tambahan struktur tanpa kebenaran, adalah tidak dibenarkan untuk dijadikan penginapan pekerja sementara melainkan struktur tambahan tersebut mendapatkan kelulusan PBT; dan
  - ix. Permohonan penginapan pekerja sementara di dalam tapak warisan dunia UNESCO adalah tidak dibenarkan.

## **6.2 BANGUNAN KEDIAMAN BERTANAH**

Bagi bangunan kediaman bertanah, pihak syarikat atau majikan adalah dibenarkan untuk membuat suatu permohonan bagi pengoperasian penginapan pekerja secara **sementara** di bangunan kediaman bertanah sedia ada kepada pihak PBT.

### **6.2.1 Tempoh Kelulusan Yang Dibenarkan**

- i. Penginapan pekerja di bangunan kediaman bertanah sedia ada adalah bersifat sementara sahaja iaitu selama **tiga (3) tahun berakhir pada 31 Disember 2027**;
- ii. Pihak syarikat / majikan hanya dibenarkan mengemukakan permohonan kepada PBT **mulai 1 Januari 2024 sehingga 31 Disember 2025**. Sebarang permohonan selepas dari tarikh tersebut, adalah tidak akan dilayan; dan
- iii. Setelah tamat tempoh tiga (3) tahun, bangunan kediaman bertanah tersebut perlu ditukarkan ke keadaan dan aktiviti asal dan pekerja yang menghuni bangunan tersebut perlu dipindahkan ke CLQ.

## 6.2.2 Jenis-jenis Bangunan Kediaman Bertanah Yang Dibenarkan

Bil.	Jenis-jenis Bangunan	Syarat Pembangunan
1.	Sesebuah	i. Hendaklah dibangunkan secara keseluruhan skim sahaja dengan syarat tidak berpenghuni atau terbengkalai dan mempunyai laluan keluar masuk yang berasingan memandangkan pembangunan secara <i>en bloc</i> akan menyukarkan kawalan pembangunan dari segi penyediaan pagar, anjakan bangunan, jalan dan kemudahan seperti pondok pengawal; ii. Kawasan kediaman yang terbengkalai perlu mendapatkan ulasan daripada YB ADUN Kawasan untuk dipertimbangkan sebagai TLQ; atau iii. Sekiranya syarat di perenggan (i) tidak dipatuhi, majikan dibenarkan mengemukakan permohonan berserta sokongan YB ADUN Kawasan, walau bagaimanapun tertakluk pada pertimbangan PBT.
2.	Teres	
3.	Kembar	
4.	Kluster	
5.	<i>Townhouse</i>	

## 6.2.3 Jenis-jenis Bangunan Kediaman Bertanah Yang Tidak Dibenarkan

- i. Jenis-jenis bangunan kediaman bertanah yang **tidak dibenarkan** bagi pengoperasian penginapan pekerja secara sementara adalah di kawasan kediaman kampung, kediaman LC, LMC dan RMM.

Walau bagaimanapun, PBT melalui Pengarah Jabatan Bangunan atau Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan boleh memberikan kelulusan penginapan pekerja bagi kawasan kediaman kampung, kediaman LC, LMC dan RMM untuk tempoh sementara berdasarkan permohonan *case by case basis* dan tertakluk pada syarat-syarat pembangunan di bawah:

- a. Hendaklah menerima Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) sekurang-kurangnya 10 tahun;
- b. Syarikat atau majikan perlu mendapatkan kebenaran surat sokongan secara bertulis daripada YB ADUN Kawasan dan PBT berhak untuk menolak permohonan sekiranya terdapat bantahan atau aduan; dan
- c. Kelulusan penginapan pekerja untuk tempoh sementara adalah tertakluk kepada pihak PBT secara *case by case basis*.

#### **6.2.4 Syarat-syarat Umum**

- i. Syarikat atau majikan hendaklah mengemukakan permohonan Pelan Bangunan ke Jabatan Bangunan PBT bagi proses mendapatkan kelulusan penginapan pekerja untuk tempoh sementara;
- ii. Syarikat atau majikan hendaklah memastikan pekerja di bawah seliaan tidak bercampur dengan penduduk setempat dengan memagar kawasan yang dijadikan penginapan pekerja;
- iii. Syarikat atau majikan hendaklah mematuhi kapasiti maksimum yang ditetapkan oleh pihak JTK mengikut [AKTA 446] yang berkuat kuasa sedia ada;
- iv. Syarikat atau majikan hendaklah mematuhi syarat-syarat teknikal yang ditetapkan oleh PBT dan SOP daripada pihak

JTK Pulau Pinang, KKM dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan agensi lain jika terdapat keperluan;

- v. Syarikat atau majikan perlu memastikan setiap unit rumah yang dijadikan penginapan pekerja adalah dihuni oleh pekerja daripada syarikat / majikan yang sama sahaja. (Tidak boleh bercampur dengan syarikat / majikan yang lain);
- vi. Syarikat atau majikan perlu memastikan setiap unit rumah yang dijadikan penginapan pekerja adalah dihuni oleh pekerja mengikut jantina yang sama;
- vii. Syarikat atau majikan perlu memantau dan memastikan unit dijadikan penginapan pekerja dalam keadaan terkawal dan tiada aduan kacau ganggu yang dilaporkan;
- viii. Syarikat atau majikan perlu mendapatkan kebenaran surat sokongan secara bertulis daripada YB ADUN Kawasan dan PBT berhak untuk menolak permohonan sekiranya terdapat bantahan atau aduan;
- ix. Penginapan pekerja untuk tempoh sementara dibenarkan di bangunan kediaman bertanah sedia ada yang telah mempunyai OC / CCC. (PBT perlu menyemak OC / CCC bangunan tersebut).
- x. Bagi bangunan kediaman bertanah sedia ada yang terdapat tambahan struktur tanpa kebenaran, adalah tidak dibenarkan untuk dijadikan penginapan pekerja sementara melainkan struktur tambahan tersebut mendapatkan kelulusan PBT;
- xi. Permohonan penginapan pekerja sementara di dalam tapak warisan dunia UNESCO adalah tidak dibenarkan; dan
- xii. Kelulusan penginapan pekerja untuk tempoh sementara adalah tertakluk kepada pihak PBT.

### 6.3 BANGUNAN PERNIAGAAN

Bagi bangunan perniagaan, pihak syarikat atau majikan adalah dibenarkan untuk membuat suatu permohonan bagi pengoperasian penginapan pekerja secara **sementara** di bangunan perniagaan sedia ada kepada pihak PBT.

#### 6.3.1 Tempoh Kelulusan Yang Dibenarkan

- i. Penginapan pekerja di bangunan perniagaan sedia ada adalah bersifat sementara iaitu selama **tiga (3) tahun berakhir pada 31 Disember 2027**;
- ii. Pihak syarikat / majikan hanya dibenarkan mengemukakan permohonan kepada PBT **mulai 1 Januari 2024 sehingga 31 Disember 2025**. Sebarang permohonan selepas dari tarikh tersebut, adalah tidak akan dilayan; dan
- iii. Setelah tamat tempoh tiga (3) tahun, bangunan perniagaan tersebut perlu ditukarkan ke keadaan dan aktiviti asal dan pekerja yang menghuni bangunan tersebut perlu dipindahkan ke CLQ.

#### 6.3.2 Jenis-jenis Bangunan Perniagaan Yang Dibenarkan

Bil.	Jenis-jenis Bangunan	Syarat Pembangunan
1.	Rumah Kedai Teres, Berkembar dan Sesebuah	i. Dibenarkan secara satu (1) unit berasingan / aras / keseluruhan blok atau <i>en bloc</i> ; dan ii. Mendapatkan kebenaran bertulis daripada pihak JMB / MC sekiranya melibatkan pembangunan strata.
2.	Kedai Pejabat Teres, Berkembar dan Sesebuah	
3.	Unit Rumah Kedai	
4.	Pangsapuri Perkhidmatan, SOHO, SOFO	i. Dibenarkan secara satu (1) unit berasingan atau keseluruhan blok; dan ii. Mendapatkan kebenaran bertulis daripada pihak JMB / MC sekiranya melibatkan pembangunan strata.

Bil.	Jenis-jenis Bangunan	Syarat Pembangunan
5.	Kompleks Perniagaan, Bangunan Pejabat dan Bangunan Komersial Berbilang Tingkat	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Dibenarkan secara keseluruhan bangunan, sebahagian bangunan pada bahagian yang sama sahaja atau secara <i>en bloc</i>; dan</li> <li>ii. Mendapatkan kebenaran bertulis daripada pihak JMB / MC sekiranya melibatkan pembangunan strata.</li> </ul>
6.	Hotel / Resort	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Dibenarkan secara satu (1) unit berasingan atau keseluruhan blok;</li> <li>ii. Setiap pelan unit penginapan hendaklah dikemukakan oleh majikan melalui perunding bertauliah berserta tandatangan pemilik bangunan dan majikan (jika berkaitan) di atas pelan; dan</li> <li>iii. Mengemukakan surat persetujuan pemilik hotel untuk dijadikan sebagai penginapan pekerja.</li> </ul>
6.	Pembangunan Bercampur	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Hanya dibenarkan bagi unit perniagaan sahaja; dan</li> <li>ii. Mendapatkan kebenaran bertulis daripada MC / JMB sekiranya melibatkan pembangunan strata.</li> </ul>

### 6.3.3 Syarat-syarat umum

- i. Syarikat atau majikan hendaklah mengemukakan permohonan Pelan Bangunan ke Jabatan Bangunan PBT bagi proses mendapatkan kelulusan penginapan pekerja untuk tempoh sementara;

- ii. Penginapan pekerja untuk tempoh sementara dibenarkan di bangunan perniagaan sedia ada yang telah mempunyai OC / CCC. (PBT perlu menyemak OC / CCC bangunan tersebut);
- iii. Bangunan perniagaan sedia ada yang kosong, tidak beroperasi dan mempunyai OC / CCC adalah dibenarkan;
- iv. Penginapan pekerja untuk tempoh sementara tidak dibenarkan di kawasan yang boleh menyebabkan kesesakan lalu lintas, menjejaskan aspek keselamatan dan menimbulkan masalah kacau ganggu;
- v. Syarikat atau majikan hendaklah mematuhi kapasiti maksimum yang ditetapkan oleh JTK mengikut [AKTA 446] yang berkuat kuasa sedia ada;
- vi. Syarikat atau majikan hendaklah mematuhi syarat-syarat teknikal yang ditetapkan oleh PBT dan SOP daripada pihak JTK Pulau Pinang, KKM dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan agensi lain jika terdapat keperluan;
- vii. Syarikat atau majikan perlu memastikan setiap unit yang dijadikan penginapan pekerja adalah dihuni oleh pekerja daripada syarikat atau majikan yang sama sahaja. (Tidak boleh bercampur dengan syarikat atau majikan yang lain);
- viii. Syarikat atau majikan perlu memastikan setiap unit yang dijadikan penginapan pekerja adalah dihuni oleh pekerja mengikut jantina yang sama;
- ix. Syarikat atau majikan perlu memantau dan memastikan unit dijadikan penginapan pekerja dalam keadaan terkawal dan tiada aduan kacau ganggu yang dilaporkan;
- x. Bagi bangunan perniagaan sedia ada yang terdapat tambahan struktur tanpa kebenaran, adalah tidak dibenarkan untuk dijadikan penginapan pekerja sementara melainkan struktur tambahan tersebut mendapatkan kelulusan PBT;
- xi. Permohonan penginapan pekerja sementara bagi bangunan perniagaan (tingkat bawah dijalankan aktiviti perniagaan dan tingkat atas digunakan untuk kediaman) yang berada di dalam tapak warisan dunia UNESCO adalah dibenarkan

dengan sokongan bertulis daripada YB ADUN Kawasan dan dihadkan hanya kepada pekerja yang berkerja di tingkat bawah bangunan tersebut sahaja; dan

- xii. Kelulusan penginapan pekerja untuk tempoh sementara adalah tertakluk kepada pihak PBT.

## 6.4 BANGUNAN PERINDUSTRIAN

Bagi bangunan perindustrian, pihak syarikat atau majikan adalah dibenarkan untuk membuat suatu permohonan bagi pengoperasian penginapan pekerja di bangunan perindustrian sedia ada secara **sementara** kepada pihak PBT.

### 6.4.1 Tempoh Kelulusan Yang Dibenarkan

- i. Penginapan pekerja di bangunan perindustrian sedia ada adalah bersifat sementara iaitu selama **tiga (3) tahun berakhir pada 31 Disember 2027**;
- ii. Pihak syarikat / majikan hanya dibenarkan mengemukakan permohonan kepada PBT **mulai 1 Januari 2024 sehingga 31 Disember 2025**. Sebarang permohonan selepas dari tarikh tersebut, adalah tidak akan dilayan; dan
- iii. Setelah tamat tempoh tiga (3) tahun, bangunan perindustrian tersebut perlu ditukarkan ke keadaan dan aktiviti asal dan pekerja yang menghuni bangunan tersebut perlu dipindahkan ke CLQ.

### 6.4.2 Jenis-jenis Bangunan Perindustrian Yang Dibenarkan

Bil.	Jenis-jenis Bangunan	Syarat Pembangunan
1.	Kilang atau Gudang Sesebuah;	i. Dibenarkan secara satu (1) unit berasingan atau keseluruhan blok;
2.	Kilang atau Gudang Berkembar;	
3.	Kilang Berbilang Tingkat;	
4.	Kilang Teres;	

Bil.	Jenis-jenis Bangunan	Syarat Pembangunan
5.	Bangunan Terbiar / Terbengkalai;	ii. Hendaklah memastikan bangunan adalah tertutup; iii. Hendaklah memastikan bangunan berpagar dan berpagawal; dan iv. Halaman plot bangunan kilang sedia ada <b>(tambahan struktur sementara baru)</b> boleh dijadikan sebagai TLQ <b>dengan mengemukakan permohonan Pelan Bangunan melalui PSP dan</b> mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh PBT.
6.	Bangunan Sedia Ada (Baharu); dan	
7.	Bangunan Sedia Ada	

#### 6.4.3 Jenis-jenis Bangunan Perindustrian Yang Tidak Dibenarkan

- i. Kilang kimia atau berisiko tinggi;
- ii. Kilang yang bersebelahan dengan kilang kimia atau berisiko tinggi;
- iii. Kilang yang boleh menimbulkan isu bahaya, keselamatan dan kebakaran;
- iv. Kilang yang menyebabkan pencemaran udara dan terdapat aduan; dan
- v. Faktor-faktor lain yang boleh membahayakan untuk tujuan penginapan pekerja.

#### 6.4.4 Syarat-syarat Umum

- i. Syarikat atau majikan hendaklah mengemukakan permohonan Pelan Bangunan ke Jabatan Bangunan PBT bagi proses mendapatkan kelulusan penginapan pekerja untuk tempoh sementara;

- ii. Syarikat atau majikan tidak dibenarkan untuk tukar guna sebahagian tingkat atau sebahagian unit bangunan tersebut. Walau bagaimanapun, pertimbangan boleh diberikan mengikut kes-kes tertentu atau sekiranya aktiviti di tingkat bawah bukan aktiviti industri berisiko (contohnya: restoran / kedai makan). Penginapan pekerja untuk tempoh sementara dibenarkan di bangunan industri sedia ada yang telah mendapat Sijil Layak Menduduki atau Perakuan Siap Dan Pematuhan (OC / CCC). (PBT perlu menyemak OC / CCC bangunan tersebut);
- iii. Bangunan industri sedia ada yang kosong, tidak beroperasi dan mempunyai OC / CCC adalah dibenarkan;
- iv. Syarikat atau majikan hendaklah memastikan pengubahsuaian kilang sedia ada untuk penambahan komponen penginapan pekerja adalah tidak membahayakan pekerja;
- v. Syarikat atau majikan hendaklah mematuhi kapasiti maksimum yang ditetapkan oleh pihak JTK mengikut [AKTA 446] yang berkuat kuasa sedia ada;
- vi. Syarikat atau majikan hendaklah mematuhi syarat-syarat teknikal yang ditetapkan oleh PBT dan SOP daripada pihak JTK Pulau Pinang, KKM dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan agensi lain jika terdapat keperluan;
- vii. Syarikat atau majikan perlu memastikan setiap unit yang dijadikan penginapan pekerja adalah dihuni oleh pekerja daripada syarikat / majikan yang sama sahaja. (Tidak boleh bercampur dengan syarikat / majikan yang lain);
- viii. Syarikat atau majikan perlu memastikan setiap unit yang dijadikan penginapan pekerja adalah dihuni oleh pekerja mengikut jantina yang sama;
- ix. Syarikat atau majikan perlu memantau dan memastikan unit dijadikan penginapan pekerja dalam keadaan terkawal dan tiada aduan kacau ganggu yang dilaporkan;

- x. Bagi bangunan perindustrian sedia ada yang terdapat tambahan struktur tanpa kebenaran, adalah tidak dibenarkan untuk dijadikan penginapan pekerja sementara melainkan struktur tambahan tersebut mendapatkan kelulusan PBT; dan
- xi. Kelulusan penginapan pekerja untuk tempoh sementara adalah tertakluk kepada pihak PBT.

## 6.5 KAWASAN TAPAK BINA

Bagi tapak bina, pihak syarikat atau majikan adalah dibenarkan untuk membuat suatu permohonan bagi pengoperasian penginapan pekerja di kawasan tapak bina sedia ada secara **sementara** kepada pihak PBT. Permohonan ini adalah tertakluk kepada prosedur sedia ada pihak PBT.

## 7.0 CAJ KADAR BAYARAN FI PEMROSESAN

- 7.1 Syarikat atau majikan perlu mengemukakan bayaran Caj Kadar Bayaran Fi Pemprosesan Bagi Permohonan Penginapan Pekerja Sementara ke Jabatan Bangunan mengikut kawasan pentadbiran PBT.
- 7.2 Syarikat atau majikan perlu membuat pembayaran fi pemprosesan ini untuk tempoh tiga (3) tahun secara *one-off* seperti berikut:

PENENTUAN KADAR	RINGGIT MALAYSIA
Setiap unit penginapan pekerja bersaiz 750 kaki persegi dan ke bawah	RM1,000.00 / unit
Setiap unit penginapan pekerja bersaiz 751 kaki persegi dan ke atas	RM3,000.00 / unit

## 8.0 ASPEK REKA BENTUK

- 8.1 PBT hanya memperakukan kelulusan untuk Penginapan Pekerja Tempoh Sementara sahaja (dengan pindaan / tiada pindaan). Susun atur ruang dalaman dan jumlah pekerja, pemohon perlu mematuhi spesifikasi yang ditetapkan oleh Jabatan Tenaga Kerja.
- 8.2 Syarikat atau majikan perlu mematuhi dan memastikan setiap penginapan pekerja mengikut keperluan [AKTA 446] dan peraturan-peraturan di bawahnya.
- 8.3 Hal ini bagi memastikan kawalan dalaman dan penyediaan keperluan asas setiap pekerja adalah teratur seperti yang dinyatakan di dalam jadual seperti berikut:

Perkara	Keperluan Minimum	
	Konsep Dormitori	Konsep Pangsapuri
Ruang Tidur	3.0 m <sup>2</sup> setiap orang pekerja	3.6 m <sup>2</sup> setiap orang pekerja
Tandas	1 buah tandas : 15 orang pekerja	1 buah tandas : 6 orang pekerja
Bekalan Air Dan Elektrik	Memastikan terdapatnya bekalan air dan elektrik dalam penginapan pekerja.	
Kemudahan Asas Yang Tidak Boleh Dikongsi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Katil bujang tidak kurang 1.7 m<sup>2</sup>;</li> <li>• Katil jenis 2 tingkat dengan jarak ruang 0.7 m;</li> <li>• Tilam tidak kurang 4 inci (10.2 cm) tebal;</li> <li>• Bantal;</li> <li>• Selimut; dan</li> <li>• Almari berkunci bersaiz tidak kurang dari 0.35 m panjang x 0.35 m lebar x 0.9 m tinggi.</li> </ul>	
Kemudahan Asas Yang Lain	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Satu (1) ruang rehat;</li> <li>• Satu (1) ruang makan dengan kerusi dan meja, satu (1) ruang dapur;</li> <li>• Kipas bagi setiap ruang rehat, makan dan bilik tidur;</li> <li>• Lampu bagi setiap ruang rehat, ruang makan, bilik tidur, ruang dapur, bilik air dan tandas;</li> <li>• Ruang menyidai pakaian;</li> <li>• Satu (1) alat pertolongan cemas; dan</li> <li>• Tong sampah.</li> </ul>	

## 9.0 ASPEK KEMUDAHAN AWAM DAN FASILITI

- 9.1 Syarikat atau majikan hendaklah memastikan pemilikan kenderaan bermotor adalah tidak dibenarkan kepada pekerja bukan warganegara Malaysia dan menunggang basikal sahaja.
- 9.2 Syarikat atau majikan hendaklah memastikan tempat letak basikal perlu ditempatkan di lokasi yang sesuai dan tidak menimbulkan kesesakan dan kacau ganggu.
- 9.3 Syarikat atau majikan hendaklah menyediakan pengangkutan khas (*shuttle*) bagi menghantar dan mengambil pekerja di bawah seliaan masing-masing.
- 9.4 Syarikat atau majikan hendaklah memastikan tempat letak kenderaan bagi pekerja warganegara Malaysia yang menggunakan tempat letak kenderaan sedia ada hendaklah tertakluk pada syarat yang ditetapkan oleh pemilik bangunan.
- 9.5 Syarikat atau majikan hendaklah memastikan ruang menunggu kenderaan perlu ditempatkan di lokasi yang sesuai di kawasan penginapan sementara agar tidak menimbulkan masalah kesesakan lalu lintas.
- 9.6 Syarikat atau majikan hendaklah memastikan setiap unit penginapan pekerja memperoleh bekalan air dan tekanan yang mencukupi untuk keperluan domestik dan juga mengambil kira bencana kebakaran.
- 9.7 Syarikat atau majikan hendaklah memastikan kesemua kerja reka bentuk pembinaan dan penyiapan bangunan pencawang elektrik lampu jalan dan hal-hal berkaitan hendaklah mematuhi kehendak dan mendapat kelulusan daripada pihak Tenaga Nasional Berhad di peringkat kelulusan PKM.
- 9.8 Syarikat atau majikan hendaklah memastikan setiap unit penginapan pekerja memperoleh sistem pembentungan mematuhi keperluan IWK.

- 9.9 Syarikat atau majikan hendaklah memastikan dan sistem perparitan mampu mengelakkan air bertakung dan mempunyai saiz yang bersesuaian dan mematuhi kehendak Jabatan Pengairan dan Saliran dan berkonsepkan pengawalan punca atau Manual Saliran Mesra Alam (MASMA).

## 10.0 ASPEK KESELAMATAN

- 10.1 Syarikat atau majikan hendaklah menyediakan pondok keselamatan di semua pintu keluar / masuk utama dan melantik syarikat keselamatan yang berkelayakan untuk mengawal kawasan penginapan sementara (tertakluk pada keperluan atau syarat tambahan oleh PBT).
- 10.2 Syarikat atau majikan hendaklah memagar di sekeliling kawasan penginapan sementara *en bloc* bagi membezakan bangunan penginapan pekerja dan kawasan awam atau kawasan-kawasan lain.
- 10.3 Syarikat atau majikan hendaklah memaparkan maklumat asas di dinding luar bersebelahan pintu masuk utama premis penginapan pekerja dengan maklumat seperti berikut:
- i. Nama syarikat;
  - ii. Alamat syarikat;
  - iii. Nama pengurus penginapan;
  - iv. Nombor telefon pengurus penginapan;
  - v. Nama penghuni (termasuk nombor kad pengenalan / pasport);
  - vi. Jumlah bilangan penghuni; dan
  - vii. Kewarganegaraan penghuni.
- 10.4 Syarikat atau majikan hendaklah memastikan semua ruang tangga termasuk tangga kecemasan pada setiap masa mempunyai

pencahayaan, pengudaraan yang baik dan tangga-tangga dipasang pemegang.

- 10.5 Syarikat atau majikan hendaklah memastikan kelengkapan memadam kebakaran yang mencukupi disediakan, diselenggara dan berfungsi dengan baik.
- 10.6 Syarikat atau majikan hendaklah memastikan semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar yang mencukupi disediakan, diselenggara dan berfungsi dengan baik.
- 10.7 Syarikat atau majikan hendaklah menyediakan tangga kecemasan, alat pemadam api dan kelengkapan-kelengkapan lain tertakluk pada kehendak pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. (Pihak syarikat atau majikan hendaklah mengemukakan perakuan pematuhan syarat-syarat kepada PBT)
- 10.8 Syarikat atau majikan digalakkan memasang kelengkapan CCTV di dalam kawasan atau bangunan penginapan pekerja yang strategik.
- 10.9 Syarikat atau majikan hendaklah memastikan semua pekerja di bawah seliaan terutamanya pekerja warga asing menjalani tapisan keselamatan oleh pihak-pihak yang ditetapkan oleh kerajaan.
- 10.10 Syarikat atau majikan hendaklah memastikan semua maklumat pekerja di bawah seliaan terutamanya pekerja warga asing dikemukakan / disalinkan kepada pihak Jabatan Imigresen, Majlis Keselamatan Negara, Polis Diraja Malaysia dan JMB / MC.

## 11.0 ASPEK KEBERSIHAN

- 11.1 Syarikat atau majikan hendaklah memastikan kawasan persekitaran penginapan sementara diuruskan dengan baik.
- 11.2 Syarikat atau majikan hendaklah memastikan pihak pengurusan menyelaraskan dan menguruskan pelupusan sampah serta sisa pepejal lain di dalam kawasan penginapan pekerja.
- 11.3 Syarikat atau majikan hendaklah menyediakan tong sampah dan tong kitar semula yang mencukupi di dalam kawasan atau bangunan penginapan pekerja. Semua sampah sarap hendaklah dimasukkan ke dalam karung plastik atau bekas-bekas lain yang sesuai sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah.
- 11.4 Syarikat atau majikan hendaklah menjalankan pemeriksaan kesihatan bagi setiap pekerja bagi mengesan penyakit berjangkit di peringkat awal dan menghantar pulang warga asing yang menghidap penyakit berjangkit ke negara asal dengan segera.
- 11.5 Syarikat atau majikan hendaklah menyediakan kemudahan rawatan dan kesihatan yang dikendalikan oleh anggota yang bertauliah. Bilik sakit (*sick bay*) disediakan bagi pengasingan mereka yang sakit (jika perlu).

## 12.0 ASPEK SOSIAL

- 12.1 Syarikat atau majikan hendaklah memastikan pengasingan unit dengan mengambil kira jantina, negara asal, agama yang dianuti untuk mengelakkan sebarang perbalahan atau pergaduhan sesama mereka.
- 12.2 Syarikat atau majikan hendaklah memastikan aktiviti memasak hanya dibenarkan di ruang yang disediakan seperti dapur dan tidak dibenarkan memasak di dalam bilik penginapan dan tempat-tempat lain.

12.3 Syarikat atau majikan hendaklah memastikan semua pekerja di bawah seliaan tidak melakukan aktiviti-aktiviti dilarang sama sekali seperti berikut:

- i. Mandi di luar kawasan penginapan;
- ii. Menjalankan aktiviti pertanian dan memelihara haiwan peliharaan atau ternakan;
- iii. Menjalankan aktiviti yang menimbulkan kacau ganggu;
- iv. Mencemarkan kebersihan dan persekitaran;
- v. Menyembelih haiwan atau ternakan;
- vi. Meminum minuman keras;
- vii. Melakukan aktiviti pelacuran, perjudian dan seks rambang;
- viii. Menjalankan apa-apa aktiviti perniagaan di unit penginapan pekerja; dan
- ix. Menjalankan apa-apa aktiviti selain penginapan serta menimbulkan kacau ganggu kepada jiran bersebelahan.

### **13.0 PELANGGARAN SYARAT PENGOPERASIAN PENGINAPAN PEKERJA SEMENTARA**

Sekiranya PBN atau PBT mendapati pihak syarikat atau majikan tidak mematuhi mana-mana syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam garis panduan ini atau menerima apa-apa aduan daripada penduduk setempat, maka PBN dan PBT sendiri berhak untuk membatalkan permit dan mengambil tindakan penguatkuasaan susulan yang sewajarnya di bawah mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa.


**DIKOSONGKAN**

## **14.0 CARTA ALIR PERMOHONAN PENGOPERASIAN PENGINAPAN PEKERJA SEMENTARA**


### **14.1 PERMOHONAN PENGINAPAN PEKERJA SEMENTARA DI BANGUNAN KEDIAMAN STRATA**

**DIKOSONGKAN**







## 14.2 PERMOHONAN PENGINAPAN PEKERJA SEMENTARA DI BANGUNAN KEDIAMAN BERTANAH




### 14.3 PERMOHONAN PENGINAPAN PEKERJA SEMENTARA DI BANGUNAN PERNIAGAAN



#### 14.4 PERMOHONAN PENGINAPAN PEKERJA SEMENTARA DI BANGUNAN PERINDUSTRIAN



## 14.5 PERMOHONAN PENGINAPAN PEKERJA SEMENTARA DI KAWASAN TAPAK BINA



**SENARAI KELULUSAN PEMBINAAN PENGINAPAN PEKERJA SEMENTARA (TLQ) DI DUN  
SUNGAI BAKAP**

BIL	PEMOHON	NO LOT	MUKIM	LOKASI	DAERAH	JENIS BINAAN	JUMLAH UNIT	BILANGAN TINGKAT	KEPUTUSAN
1	Newman Asia Sdn. Bhd.	-	15	Lorong Tiong Mas 1 Taman Tiong Mas	Seberang Perai Selatan (SPS)	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
2	Homer Fancy Plywood (M) Sdn. Bhd.	5782	15	Jalan Tasek Ss3 Bandar Tasek Mutiara	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
3	Universal Best Sdn. Bhd.	3440 & 3441	15	Jalan Rebana 2 Taman Rebana	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	2	2	Lulus
4	Kean Beng Lee Industries (M) Sdn. Bhd.	7205	15	Jalan Pekatra Indah Taman Pekatra Indah	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
5	BZB Services Sdn. Bhd.	8788	15	Jalan Tasek Indah Taman Tasek Indah	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
6	Universal Best Sdn. Bhd.	4272	15	Jalan Besar Spg Ampat Taman Belibis	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
7	Universal Best Sdn. Bhd.	7189	15	Jalan Pekatra Indah Taman Pekatra Indah	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus

BIL	PEMOHON	NO LOT	MUKIM	LOKASI	DAERAH	JENIS BINAAN	JUMLAH UNIT	BILANGAN TINGKAT	KEPUTUSAN
8	PG Lean Hwa Trading Sdn. Bhd.	PT1941	15	Jalan Hijauan Hills 3 Hijauan Hills	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
9	Uni-Vessel Engineering (B'worth) Sdn. Bhd.	4652	15	Jalan Tasik Taman Putri Gunung	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
10	Lean Teak Plastics Factory	23220	15	Jalan Valdor Jaya Pusat Perniagaan Valdor Jaya	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
11	Homer Fancy Plywood (M) Sdn. Bhd.	5815	15	Lorong 1/Ss3 Bandar Tasek Mutiara	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
12	Homer Fancy Plywood (M) Sdn. Bhd.	5815	15	Lorong 1/Ss3 Bandar Tasek Mutiara	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
13	Alpha Lifelong Learning And Consultancy Sdn. Bhd.	5244	15	Jalan Tasek Ss2 Bandar Tasek Mutiara	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
14	Kean Beng Lee Industries (M) Sdn. Bhd.	5304	15	Lorong 1/Ss2 Bandar Tasek Mutiara	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
15	Hai Kang Steel (M) Sdn. Bhd.	21070	15	Jalan Tasik Indah Taman Tasik Indah	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus

BIL	PEMOHON	NO LOT	MUKIM	LOKASI	DAERAH	JENIS BINAAN	JUMLAH UNIT	BILANGAN TINGKAT	KEPUTUSAN
16	Universal Best Sdn. Bhd.	7194	15	Jalan Pekatra Indah Taman Pekatra Indah	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
17	H & T Industries (PG) Sdn. Bhd.	25348	15	Lorong Tasek Harmoni 1 Taman Tasek Harmoni	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
18	Alpha Lifelong Learning And Consultancy Sdn. Bhd.	4930	15	Lorong 1/Ss1 Bandar Tasek Mutiara	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
19	ABio Orthopaedics Sdn. Bhd.	4812	15	Jalan Tasek Ss1 Bandar Tasek Mutiara	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
20	Wellgas Sdn. Bhd.	21585	15	Lorong Belibis 28 Taman Tangling Indah	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
21	ABio Orthopaedics Sdn. Bhd.	4810	15	Jalan Tasek Ss1, Bandar Tasek Mutiara	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
22	Universal Best Sdn. Bhd.	3454	15	Jalan Rebana 2 Taman Rebana	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
23	Hai Kang Steel (M) Sdn. Bhd.	21070	15	Jalan Tasek Indah Taman Tasek Indah	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus

BIL	PEMOHON	NO LOT	MUKIM	LOKASI	DAERAH	JENIS BINAAN	JUMLAH UNIT	BILANGAN TINGKAT	KEPUTUSAN
24	RGT Industries Sdn. Bhd.	5819	15	Lorong 1/Ss3 Bandar Tasek Mutiara	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
25	Icon Trans Sdn. Bhd.	3952	15	Jalan Keruing Kawasan Perniagaan Simpang Ampat	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
26	Alpha Lifelong Learning And Consultancy Sdn. Bhd.	4933	15	Lorong 1/Ss1 Bandar Tasek Mutiara	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
27	PG Lean Hwa Trading Sdn. Bhd.	PT1942	15	Jalan Hijauan Hills 3 Hijauan Hills	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
28	Mizliza Enterprise	21060	15	Jalan Tasek Indah Taman Tasek Indah	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
29	Alpha Lifelong Learning And Consultancy Sdn. Bhd.	4929	15	Lorong 1/Ss1 Bandar Tasek Mutiara	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
30	Alpha Lifelong Learning And Consultancy Sdn. Bhd.	4930	15	Lorong 1/Ss1 Bandar Tasek Mutiara	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
31	Uni-Vessel Engineering (B'worth) Sdn. Bhd.	4678	15	Lorong Putri Gunung 36 Taman Putri Gunung	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus

BIL	PEMOHON	NO LOT	MUKIM	LOKASI	DAERAH	JENIS BINAAN	JUMLAH UNIT	BILANGAN TINGKAT	KEPUTUSAN
32	Golden Frontier Packaging Sdn. Bhd.	3457	15	Jalan Besar Valdor Taman Rebana	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
33	Universal Best Sdn. Bhd.	3438	15	Jalan Rebana 2 Taman Rebana	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
34	Alpha Lifelong Learning And Consultancy Sdn. Bhd.	5300	15	Lorong 1/Ss2 Bandar Tasek Mutiara	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
35	Resalute Resources Sdn. Bhd.	23104	15	Persiaran Mutiara 1 Pusat Komersial Bandar Tasek Mutiara	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
36	Flora Art Landscape Sdn. Bhd.	23221	15	Jalan Valdor Jaya Pusat Perniagaan Valdor Jaya	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
37	CG Solutions Enterprise Sdn. Bhd.	3446	15	Jalan Besar Valdor Taman Rebana	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
38	BZB Services Sdn. Bhd.	1096	15	Jalan Tasek Indah Taman Tasek Indah	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	1	Lulus
39	RGT Industries Sdn. Bhd.	5801	15	Lorong 1/Ss3 Bandar Tasek Mutiar	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus

BIL	PEMOHON	NO LOT	MUKIM	LOKASI	DAERAH	JENIS BINAAN	JUMLAH UNIT	BILANGAN TINGKAT	KEPUTUSAN
40	Universal Best Sdn. Bhd.	7210	15	Jalan Pekatra Indah Taman Pekatra Indah	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
41	Universal Best Sdn. Bhd.	1711	15	Jalan Besar Simpang Ampat Taman Sri Tasek	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
42	Alpha Lifelong Learning And Consultancy Sdn. Bhd.	4928	15	Lorong 1/Ss1 Bandar Tasek Mutiara	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
43	Pasaraya 800 Zonkhas Sdn. Bhd.	5245	15	Jalan Tasek Ss2 Bandar Tasek Mutiara	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
45	Newman Asia Sdn. Bhd.	3512	15	Lorong Tiong Mas 1 Taman Tiong Mas	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
46	CAB Cakaran Sdn. Bhd.	21611	15	Lorong Tangling Indah 2 Taman Tangling Indah	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
47	Uni- Vessel Engineering (B'worth) Sdn. Bhd.	4679	15	Lorong Putri Gunung 36 Taman Putri Gunung	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	1	Lulus
48	Resalute Resources Sdn. Bhd.	5818	15	Lorong 1/Ss3 Bandar Tasek Mutiara	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus

BIL	PEMOHON	NO LOT	MUKIM	LOKASI	DAERAH	JENIS BINAAN	JUMLAH UNIT	BILANGAN TINGKAT	KEPUTUSAN
49	Newman Asia Sdn. Bhd.	3983	15	Lorong Keruing 1 Kawasan Perniagaan Simpang Ampat	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
50	Denko Ipc Sdn. Bhd.	5803	15	Lorong 1/Ss3 Bandar Tasek Mutiara	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
51	M Craft Solution Sdn. Bhd.	21612	15	Lorong Tangling Indah 2 Taman Tangling Indah	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
52	Alpha Lifelong Learning And Consultancy Sdn. Bhd.	4870	15	Lorong 1/Ss1 Bandar Tasek Mutiara	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
53	Kean Beng Lee Industries (M) Sdn. Bhd.	5304	15	Lorong 1/Ss2 Bandar Tasek Mutiara	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
54	Uni-Vessel Automation Sdn. Bhd.	4682	15	Lorong Putri Gunung 38 Taman Putri Gunung	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
55	Alpha Lifelong Learning And Consultancy Sdn. Bhd.	4867	15	Lorong 1/Ss1 Bandar Tasek Mutiara	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
56	ABio Orthopaedics Sdn. Bhd.	4811	15	Jalan Tasek Ss1 Bandar Tasek Mutiara	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus

BIL	PEMOHON	NO LOT	MUKIM	LOKASI	DAERAH	JENIS BINAAN	JUMLAH UNIT	BILANGAN TINGKAT	KEPUTUSAN
57	Universal Best Sdn. Bhd.	3448 & 3449	15	Jalan Rebana 2 Taman Rebana	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	2	2	Lulus
58	Universal Best Sdn. Bhd.	7188	15	23 Tingkat Bawah & 1 Jalan Pekatra Indah Taman Pekatra Indah	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
59	Resalute Resources Sdn. Bhd.	5811	15	Lorong 1/Ss3, Bandar Tasek Mutiara	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
60	Newman Asia Sdn. Bhd.	3984	15	Lorong Keruing 1 Kawasan Perniagaan Simpang Ampat	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
61	Universal Best Sdn. Bhd.	7219	15	Jalan Pekatra Indah Taman Pekatra Indah	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
62	Resalute Resources Sdn. Bhd.	23103	15	Persiaran Mutiara 1 Pusat Komersial Bandar Tasek Mutiara	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
63	Restoran Yasmeeen (Arau) Sendirian Berhad	23142	15	Persiaran Mutiara 2 Pusat Komersial Bandar Tasek Mutiara	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus

BIL	PEMOHON	NO LOT	MUKIM	LOKASI	DAERAH	JENIS BINAAN	JUMLAH UNIT	BILANGAN TINGKAT	KEPUTUSAN
64	Homer Fancy Plywood (M) Sdn. Bhd.	5783	15	Jalan Tasek Ss3 Bandar Tasek Mutiara	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
65	DS Galaxy Sdn. Bhd.	3981	15	Lorong Keruing 2 Kawasan Perniagaan Simpang Ampat	SPS	TLQ- Bangunan Perniagaan	1	2	Lulus
66	Heng Lee Composite Engineering Sdn. Bhd.	11357	15	Jalan Industri Simpang Ampat	SPS	TLQ- Bangunan Perindustrian	10	2	Lulus
67	Malexport Sdn. Bhd.	24303	15	Lorong Iks Simpang Empat N Taman Iks Simpang Empat	SPS	TLQ- Bangunan Perindustrian	1	1	Lulus

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XII)5**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP  
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

5. Apakah perkembangan projek pembinaan Klinik Kesihatan Bandar Tasek Mutiara?
- (a) Apakah kewajaran Kerajaan Negeri memberi tender semula kepada pihak kontraktor yang bermasalah?
  - (b) Berapakah sewa bulanan dan kos-kos lain untuk operasi klinik kesihatan sementara di C-Mart Bandar Tasek Mutiara?

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Projek Klinik Kesihatan Bandar Tasek Mutiara (KKBTM) telah diberikan kepada Marimas Sdn. Bhd. (kontraktor baharu). Tarikh dijangka siap projek tersebut adalah 12.9.2026 dan peratus kemajuan semasa projek adalah 10%.
- (a) Kontraktor asal telah ditamatkan dan kontraktor penyiap telah dilantik iaitu Marimas Sdn. Bhd. Lantikan kontraktor dibuat diperingkat persekutuan dan penilaian berdasarkan kepada tatacara dan peraturan kewangan yg berkuatkuasa.
  - (b) Kos operasi bulanan bagi Klinik Kesihatan Bandar Tasek Mutiara (KKBTM) adalah dianggarkan sebanyak RM61,600.00 sebulan. Sewa bulanan dan kos lain yang terlibat adalah seperti berikut:
    - (i) Bil elektrik: RM19,000.00
    - (ii) Bil air: RM200.00

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XII)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP  
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

6. Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menaik taraf fasiliti di Klinik Kesihatan Sungai Bakap seperti tempat letak kenderaan, tempat menunggu dan lain-lain?
- (a) Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi menangani kesesakan pesakit luar di klinik tersebut?

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Pejabat Kesihatan Daerah Seberang Perai Selatan (PKDSPS) sentiasa memperbaiki dan meningkatkan perkhidmatan di klinik-klinik kesihatan. Di antara projek naik taraf yang dilaksanakan di Klinik Kesihatan (KK) Sungai Bakap adalah seperti berikut:
- (i) Menaik taraf tingkat atas di Klinik Kesihatan Sungai Bakap;
  - (ii) Menaik taraf fasiliti kuarters serta lain-lain kerja berkaitan di kuarters Klinik Kesihatan Ibu Dan Anak Sungai Bakap;
  - (iii) Menaik taraf tapak permainan untuk dijadikan tempat meletak kenderaan dan kerja-kerja lain yang berkaitan di Klinik Kesihatan Sungai Bakap; dan
  - (iv) Menaik taraf bangunan dan infrastruktur di ruangan saringan, klinik URTI dan stor farmasi di Klinik Kesihatan Sungai Bakap.
- (a) Pada tahun 2024, purata kehadiran pesakit ke Klinik Kesihatan Sungai Bakap adalah sebanyak 470 orang/hari. Pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan dan menjamin keselesaan pesakit. Antaranya adalah merancang

serta melaksanakan kerja-kerja naik taraf fasiliti kesihatan sedia ada dan lain-lain bagi keselesaan pesakit.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XII)7**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP  
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

7. Senaraikan jumlah KAFA mengikut pemilikan dan tenaga pengajar yang terdapat di DUN Sungai Bakap.
  - (a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri mengatasi masalah kekurangan tenaga pengajar KAFA di Sungai Bakap?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Jumlah Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Bakap adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
  - (a) Antara usaha Kerajaan Negeri mengatasi kekurangan tenaga pengajar KAFA di Sungai Bakap adalah melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) yang sentiasa membuat permohonan berterusan kepada pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk menambah kuota guru KAFA di Pulau Pinang. Hal ini kerana kekurangan guru KAFA bukan sahaja terjadi di kawasan DUN Sungai Bakap namun meliputi seluruh premis KAFA di Pulau Pinang. Pada masa ini, jumlah keseluruhan guru KAFA di Pulau Pinang adalah seramai 1630 orang.

**LAMPIRAN A****JUMLAH KAFA DI KAWASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) SUNGAI BAKAP**

<b>BIL.</b>	<b>NAMA PREMIS</b>	<b>BIL. GURU (ORANG)</b>	<b>PEMILIKAN</b>
1.	KAFA SEKOLAH KEBANGSAAN TASEK PERMAI	6	Jawatankuasa KAFA
2.	SEKOLAH RENDAH ISLAM AS-SALAM	13	Jawatankuasa KAFA
3.	SEKOLAH AGAMA RAKYAT AD-DINIAH	14	Jawatankuasa KAFA
4.	SEKOLAH AGAMA RAKYAT TARBIYAH ULUMIAH AL-ISLAMIAH	6	Jawatankuasa KAFA
5.	SEKOLAH AGAMA RAKYAT ABU BAKAR AS-SIDDIQ KEPALA GAJAH	11	Jawatankuasa KAFA
6.	SEKOLAH AGAMA RAKYAT AN-NUR, MASJID LAMA SUNGAI BAKAP	12	Jawatankuasa KAFA
7.	KAFA MASJID KAMPUNG BESAR	5	Jawatankuasa KAFA
8.	KAFA MASJID SUNGAI KECHIL	7	Jawatankuasa KAFA
9.	KAFA SURAU LEBAI TAHIR	5	Jawatankuasa KAFA
10.	KAFA SURAU SUNGAI BAONG	11	Jawatankuasa KAFA
11.	KAFA SURAU KAMPUNG LIMA KONGSI	2	Jawatankuasa KAFA

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XII)8**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP  
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

8. Apakah status terkini berkenaan jalan alternatif di antara Jalan Hijauan Hills dan Jalan Tasek Mutiara untuk menyelesaikan kesesakan lalu lintas di Jalan Valdor - Tasek Chempedak?
- (a) Apakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk campur tangan dalam isu yang melibatkan dua pemaju bagi jalan tersebut?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Projek jalan di antara Jalan Hijauan Hills dan Jalan Tasek Mutiara kini dalam peringkat Semakan Kehakiman [PA-25-40-07/2025 ('JR 3')] berhubung proses pengambilan tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486]. Berkaitan itu, mahkamah telah menangguhkan proses pengambilan tanah sehingga kes diputuskan.
- (a) Kerajaan Negeri memandang serius akan isu kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut dan memainkan peranan yang aktif dalam memastikan pertikaian di antara dua pemaju tersebut dapat diselesaikan sehingga jalan alternatif ini disiapkan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XII)9**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP  
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

9. Senaraikan tanah perkuburan mengikut kariah di dalam DUN Sungai Bakap.
- (a) Senaraikan projek pengambilan tanah yang sedang dirancang untuk menampung mana-mana tanah perkuburan di DUN Sungai Bakap yang akan penuh dan senaraikan tanah yang telah dibeli.
  - (b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan tanah perkuburan di Pulau Pinang sentiasa mencukupi?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Tanah perkuburan mengikut kariah di dalam DUN Sungai Bakap adalah seperti berikut:
- (i) Tanah Perkuburan Islam Tasek, Masjid Jamek Tasek Cempedak, Lot 197, Mukim 2, SPS;
  - (ii) Tanah Perkuburan Islam Sungai Duri, Masjid Jamek Sungai Duri, Lot 717 dan Lot 10027, Mukim 5, SPS;
  - (iii) Tanah Perkuburan Islam Sungai Kechil, Masjid Jamek Sg. Kechil, Lot 75, Mukim 8, SPS;
  - (iv) Tanah Perkuburan Islam Kampung Besar, Masjid Jamek Kampung Besar, Lot 5584 dan Lot 534, Mukim 7, SPS;
  - (v) Tanah Perkuburan Islam Padang Lalang, Masjid Jamek Padang

Lalang, Lot 606, Mukim 1, SPS; dan

(vi) Tanah Perkuburan Islam Kepala Gajah, Masjid Jamek Kepala Gajah, Lot 10025, Mukim 15, SPS.

(a) Sehingga kini, tiada projek pengambilan tanah yang sedang dirancang untuk menampung mana-mana tanah perkuburan di DUN Sungai Bakap memandangkan tanah perkuburan Islam di DUN Sungai Bakap masih mencukupi.

(b) Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk memastikan tanah perkuburan di Pulau Pinang sentiasa mencukupi. Antara perancangan tersebut adalah seperti berikut:

(i) Pembangunan Tanah Perkuburan Berpusat.

Pembinaan kubur bertingkat diusulkan bagi menampung keperluan kekurangan tanah kubur seperti yang sudah dilaksanakan di beberapa lokasi tanah perkuburan yang telah penuh seperti di Qaryah Masjid Jamiul Badawi.

(ii) Kajian Perancangan Tapak Perkuburan Negeri.

Kerajaan Negeri telah menjalankan Kajian Perancangan Tapak Perkuburan Islam seperti mengenal pasti tapak-tapak baru, menetapkan garis panduan dan piawaian bagi penyediaan serta pengurusan tanah. Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) telah memuktamadkan Garis Panduan Perancangan Tempat Perkuburan Islam yang disediakan sebagai panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, pihak berkuasa Agama Islam dan agensi-agensi teknikal berkaitan dan pemaju atau perunding dalam merancang peletakan tempat perkuburan Islam di dalam rancangan pemajuan dan permohonan kelulusan kebenaran.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XII)10**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP  
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

10. Nyatakan syarat dan peraturan untuk warga asing menjalankan perniagaan di Pulau Pinang.
- (a) Nyatakan jumlah warga asing yang telah diambil tindakan akibat perniagaan tanpa kebenaran.
  - (b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri memastikan warga asing tidak menjalankan perniagaan tanpa kebenaran sewenang-wenangnya?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) memberi peluang kepada warga asing untuk menjalankan perniagaan secara sah tetapi tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ketat seperti berikut:
- (i) Mendaftarkan perniagaan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
  - (ii) Berstatus sekurang-kurangnya sebagai sebuah syarikat Sendirian Berhad (Sdn Bhd);
  - (iii) Pegangan ekuiti syarikat hendaklah sekurang-kurangnya 51% dimiliki oleh individu warganegara Malaysia;
  - (iv) Mendaftarkan dan mendapatkan kelulusan lesen premis dan iklan PBT; dan

- (v) Mematuhi syarat-syarat pelesenan terutamanya dalam syarat-syarat berkaitan pengambilan pekerja / pembantu bukan warganegara.
- (a) Jumlah dan tindakan penguatkuasaan yang telah diambil terhadap warga asing yang menjalankan perniagaan tanpa kebenaran.

(i) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)

- 1) Bagi aktiviti perniagaan yang melibatkan premis komersial, tiada tindakan yang dikenakan oleh MBPP. Bagi aktiviti perniagaan kecil termasuk penjaja pula, jumlah dan tindakan penguatkuasaan terhadap warga asing adalah seperti berikut.

BIL	TAHUN	JUMLAH
1	2024	212
2	2025 (sehingga Mac 2025)	104

(ii) Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)

- 1) Jumlah warga asing yang telah diambil tindakan penguatkuasaan bagi kawasan MBSP adalah seperti berikut.

No	TAHUN	JUMLAH
1	2024	1,812
2	2025 (sehingga Mac)	833

- (b) Pihak Kerajaan Negeri melalui PBT sentiasa memandang serius ke atas isu-isu warga asing yang menjalankan perniagaan tanpa kebenaran dengan sewenang-wenangnya. Hal ini perlu dikawal dengan baik untuk mengelakkan ekonomi tempatan terjejas disebabkan wujudnya persaingan yang tidak adil dengan peniaga tempatan yang berniaga secara sah dan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh PBT. Oleh yang demikian, pihak PBT telah mengambil beberapa pendekatan seperti berikut:

- (i) Mengambil tindakan pengeluaran notis dan tawaran kompaun di bawah kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen atau melanggar syarat-syarat pelesenan;
- (ii) Menjalankan tindakan rampasan barang perniagaan;
- (iii) Menjalankan tindakan sitaan premis perniagaan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [AKTA 171] bagi premis-premis perniagaan kedai runcit yang dijalankan oleh warga asing.
- (iv) Pembatalan Lesen Perniagaan iaitu membatalkan lesen perniagaan yang dikeluarkan kepada mana-mana individu warganegara Malaysia yang didapati menyalahgunakan lesen mereka khususnya yang menyewakan lesen perniagaan kepada individu bukan warganegara untuk tujuan menjalankan perniagaan secara haram.
- (v) Menjalankan pemeriksaan serta operasi secara berjadual bagi memeriksa premis-premis perniagaan. Menerusi pemeriksaan ini juga, pemantauan turut dibuat ke atas pemegang lesen serta pekerja-pekerja di premis perniagaan tersebut. Tindakan ini dijalankan secara bersepadu bersama Jabatan Imigresen Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Polis Diraja Malaysia serta lain-lain agensi yang berkaitan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XII)11**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP  
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

11. Nyatakan statistik kemalangan dan kemalangan maut yang melibatkan kenderaan berat di Pulau Pinang mengikut daerah dari tahun 2021 sehingga sekarang.
- (a) Nyatakan jumlah kenderaan berat yang telah disita dari tahun 2021 sehingga sekarang.
- (b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memantau kenderaan berat mematuhi peraturan jalan raya bagi mengurangkan kemalangan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Statistik kemalangan dan kemalangan maut melibatkan kenderaan berat dari tarikh 01 Januari 2021 hingga 30 April 2025 adalah seperti berikut:

<b>Daerah</b>	<b>Maut</b>	<b>Jumlah Kemalangan</b>
Timur Laut	4	27
Barat Daya	0	80
Seberang Perai Utara	6	57
Seberang Perai Tengah	6	104
Seberang Perai Selatan	3	78
<b>Jumlah</b>	<b>19</b>	<b>346</b>

- (a) Pihak PDRM telah mengambil tindakan saman atas kesalahan peraturan lalulintas secara langsung dan membawa kenderaan berat dengan muatan berlebihan untuk timbang berat di Stesen Timbang JPJ di Penaga, SPU dan di Valdor, SPS. Selain itu, pihak PDRM tidak mempunyai kawasan kompaun yang khusus dan terhad untuk menyita kenderaan berat.
- (b) Bagi menangani isu ini, pihak PDRM melalui jabatan siasatan dan penguatkuasaan trafik mengambil tindakan-tindakan berikut:
  - (i) Menjalankan Operasi Ops Perdagangan secara berkala di lokasi yang telah dikenalpasti menjadi laluan kenderaan berat yang sering berlaku kemalangan jalan raya.
  - (ii) Menjalankan Operasi Secara Bersepadu dengan agensi lain seperti JPJ.
  - (iii) Membuat saringan air kencing ke atas pemandu kenderaan berat semasa Ops Bersepadu bersama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)

Mengarahkan kenderaan berat yang membawa muatan berlebihan untuk timbang berat di Stesen Timbang JPJ di Penaga, SPU dan di Valdor, SPS untuk tindakan selanjutnya oleh JPJ di bawah Seksyen 57(3) APAD 2010.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XII)12**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP  
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

12. Pasar malam di Valdor Gateway penuh dengan peniaga warga asing.
- (a) Sejauh manakah warga asing dibenarkan berniaga di pasar malam?
  - (b) Apakah permit atau lesen berniaga yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk warga asing?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Warga asing dibenarkan menjalankan perniagaan di Seberang Perai bagi kategori syarikat sendirian berhad sahaja. Walau bagaimanapun, warga asing tidak dibenarkan terlibat dalam aktiviti perniagaan kedai runcit dan penjajaan.
- (a) Warga asing tidak dibenarkan menjalankan perniagaan di pasar malam di seluruh Seberang Perai termasuk di kawasan Valdor Gateway. Walau bagaimanapun, warga asing yang merupakan pasangan kepada warga tempatan dibenarkan berniaga bersama pasangannya.
  - (b) Pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) tidak mengeluarkan lesen penjaja atau peniaga kecil kepada warga asing.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XII)13**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP  
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

13. Berapakah jumlah tangkapan berkaitan sindiket e-waste yang berselindung di sebalik aktiviti barangan lusuh di Pulau Pinang dari tahun 2021 sehingga kini?
- (a) Apakah strategi pemantauan dan tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mencegah penyamaran aktiviti ini?
  - (b) Senaraikan pusat pengumpulan e-waste yang berdaftar di Pulau Pinang.

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Berdasarkan pelaksanaan **Ops Hazard**, beberapa tindakan penguatkuasaan telah diambil oleh pihak **Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang (JASPP)** daripada pemeriksaan dan pemantauan yang dijalankan di premis-premis yang disyaki melanggar peruntukan undang-undang alam sekitar melibatkan sindiket *e-waste*.
- (i) Bermula dari tahun 2021 sehingga kini, hasil operasi tersebut adalah seperti berikut:
    - 1) **8 Notis Arahan** telah dikeluarkan kepada premis yang tidak mematuhi syarat atau peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127);

- 2) **5 tindakan penahanan operasi kelengkapan** telah dilaksanakan ke atas peralatan yang digunakan dalam aktiviti yang berisiko mencemarkan alam sekitar; dan
  - 3) **6 kertas siasatan** telah dibuka dan akan dirujuk kepada **Timbalan Pendakwa Raya (TPR)** untuk tindakan pendakwaan selanjutnya.
- (ii) Langkah ini mencerminkan komitmen berterusan pihak penguat kuasa dalam memastikan pematuhan perundangan dan perlindungan terhadap alam sekitar terus dipertingkatkan.
- (a) Kerajaan Negeri melalui **Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang (JASPP)** dan agensi berkaitan telah melaksanakan beberapa strategi bersepadu bagi mencegah penyamaran aktiviti haram yang melibatkan pengurusan sisa berjadual. Antara strategi utama yang diambil adalah seperti berikut:
- (i) **Audit dan Pemeriksaan Berkala serta Mengejut;**
    - 1) Pemeriksaan berkala dijalankan di premis-premis berlesen untuk memastikan pematuhan terhadap lesen yang dikeluarkan; dan
    - 2) Pemeriksaan mengejut turut dilaksanakan bagi mengesan sebarang bentuk penyamaran, seperti operasi haram yang beroperasi tanpa lesen atau menyalahgunakan lesen sedia ada.
  - (ii) **Penggunaan Sistem eSWIS (*Electronic Scheduled Waste Information System*);**
    - 1) Semua pengeluar, pengangkut dan pengurus buangan diwajibkan melapor data pergerakan sisa berjadual secara atas talian; dan
    - 2) Sistem ini membolehkan pemantauan rantai sisa dari punca hingga pelupusan akhir, sekali gus mengurangkan ruang untuk manipulasi atau penyamaran.

**(iii) Pensampelan dan Analisis Makmal;**

- 1) Sampel sisa diambil dari premis yang disyaki dan dihantar ke makmal JASPP untuk menentukan kandungan sebenar buangan; dan
- 2) Ini bertujuan mengesan cubaan menyamarkan buangan berjadual sebagai sisa biasa atau bukan berbahaya.

**(iv) Operasi Khas (Seperti Ops Hazard);**

- 1) Operasi penguatkuasaan khas seperti *Ops Hazard* dijalankan secara bersepadu bersama agensi lain bagi mengenal pasti dan mengambil tindakan terhadap premis yang menjalankan sindiket *e-waste*.

**(v) Tindakan Undang-Undang Tegas;**

- 1) Premis yang didapati melanggar undang-undang boleh dikenakan Notis Arahan, kompaun, penahanan operasi kelengkapan, penyitaan sisa dan pendakwaan di mahkamah di bawah Akta 127.

**(vi) Kerjasama Antara Agensi (Seperti Ops Luluh Bersepadu); dan**

- 1) JASPP turut bekerjasama rapat dengan **Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Polis Diraja Malaysia (PDRM)** dan agensi penguatkuasaan lain untuk perkongsian maklumat dan pelaksanaan tindakan bersepadu.

**(v) Pendidikan, Kesedaran dan Aduan Awam.**

- 1) Kempen kesedaran kepada masyarakat dan industri turut dijalankan agar mereka mengenal pasti dan melaporkan sebarang aktiviti penyamaran; dan
- 2) Saluran aduan awam disediakan untuk membantu siasatan awal terhadap aktiviti mencurigakan.

- (b) Pusat Pengumpulan E-Waste yang berdaftar di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>NAMA SYARIKAT</b>	<b>ALAMAT SYARIKAT</b>
1.	Data Expert Sdn. Bhd.	72-1-69, Jalan Mahsuri, Arena Curve, 11950 Bayan Lepas, Pulau Pinang.
2.	MetaOne Sdn. Bhd.	2-1-8, 1 Square, Tingkat Mahsuri 1, 11950 Bayan Lepas, Pulau Pinang.
3.	Senheng Warehouse North Distribution Center	No. 2770, Lorong Jelawat 2, Bandar Seberang Jaya, Mukim 1, 13700 Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XII)14**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP  
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

14. Nyatakan sumber air lain yang sedang diterokai oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan sumber air kekal mampan.
- (a) Senaraikan perancangan projek rintis untuk meneroka sumber air selain sungai dan hasil daripada projek rintis ini, sekiranya ada.
  - (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk menggalakkan penuaian air hujan bagi kegunaan bukan domestik?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Sumber air lain yang sedang diterokai oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan sumber air kekal mampan adalah seperti berikut:
- (i) Kebolehasilan Sungai Kerian untuk sumber air mentah tambahan.
  - (ii) Kebolehasilan Sungai Perai untuk sumber air mentah tambahan
  - (iii) Air Bawah Tanah (*Groundwater*)
  - (iv) Kajian Kolam Takungan TAPS
  - (v) *Water reclamation* untuk *non potable water*

- (a) Kerajaan Negeri juga dalam perancangan untuk melaksanakan projek rintis untuk meneroka sumber air selain sungai dan hasil daripada projek rintis ini seperti berikut:
- 1) Teknologi kitaran air untuk dilaksanakan di bawah pembangunan negeri sepertimana peruntukan di bawah Undang-undang Kecil Seragam 1986 yang telah memperuntukan agar elemen Sistem Penuaian/ Pengumpulan Air Hujan (SPAH) perlu disediakan untuk semua pemajuan mengikut kategori dan formula yang sewajarnya. Perkara ini juga telah dipraktikkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam syarat bagi setiap permohonan yang dikemukakan oleh pihak pemaju dalam usaha untuk menerapkan teknologi kitaran air dalam pemajuan projek di Negeri Pulau Pinang.
  - 2) Pelaksanaan kajian kebolehlaksanaan pembinaan Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) di Pulau Pinang yang sedang dilaksanakan oleh perunding yang dilantik di bawah Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) untuk membantu mengekalkan aliran air sungai sepanjang tahun, terutamanya ketika musim kemarau. Ia berfungsi sebagai kawasan tadahan semula jadi yang menyimpan air hujan dan melepaskannya secara perlahan ke sungai.
  - 3) Penerokaan sumber baharu air bawah tanah di mana permohonan kerja-kerja *mapping* telah dikemukakan melalui RMK-13 RP1 untuk mengenalpasti kawasan yang berpotensi untuk sumber air bawah tanah.
  - 4) Kajian kebolehlaksanaan pemulihan air daripada Loji Rawatan Kumbahan Bayan Baru oleh perunding yang dilantik oleh PBAPP sebagai sumber air industri bagi menyokong keperluan kawasan perindustrian di Pulau Pinang.

- (b) Kerajaan Negeri melalui PBT telah mensyaratkan dalam pelan pembangunan yang diluluskan supaya pemaju menyediakan dan memasang sistem SPAH bagi jenis bangunan dan keluasan tertentu sebagai usaha Kerajaan Negeri untuk menggalakkan penuaian air hujan bagi kegunaan bukan domestik dan semakan kepatuhan penyediaan kelengkapan SPAH juga dibuat ketika Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) bagi memastikan ia dipasang dan sedia untuk digunakan. Selain itu, pihak PBT juga telah mensyaratkan pemaju untuk menggunakan peranti jimat air bagi tujuan mengurangkan pembaziran air.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XII)15**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP  
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

15. Apakah keputusan terkini analisis makmal Jabatan Kimia berhubung pencemaran air laut di Pantai Esen?
- (a) Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam menangani kemerosotan Pantai Esen yang menjejaskan kegiatan ekonomi penduduk setempat?
- (b) Apakah pampasan serta pelan mitigasi jangka pendek dan panjang bagi memastikan kelangsungan ekonomi komuniti setempat?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Keputusan sampel air laut di Pantai Esen yang diambil oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 22 Oktober 2024 menunjukkan pepejal terampai 28 mg/l melebihi standard kualiti marin kelas 3 100 mg/l dan parameter minyak & gris 2.2 mg/l masih rendah dari standard kualiti marin kelas 3 iaitu 5 mg/l. Bagi parameter logam berat adalah rendah daripada standard kualiti marin. *Sample ecoli / faecal coliform* diambil oleh Unit Pengawasan.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui pemaju projek Pulau Silikon, Silicon Island Development Sdn. Bhd. (SIDSB), telah menjalankan analisis kualiti air laut di Pantai Esen dan mendapati paras nitrat agak tinggi, dipercayai berpunca dari pencemaran hulu sungai akibat pembuangan air kumbahan dan air basuhan.

- (a) Bagi tindakan pemulihan, pihak pemaju dan kontraktor telah mengambil beberapa tindakan susulan bagi menangani isu yang timbul, antaranya termasuk menjalankan kerja-kerja pembersihan secara manual di kawasan pantai yang terlibat, pemantauan fizikal secara harian di kawasan yang terjejas bagi memastikan keadaan sentiasa terkawal dan sesi libat urus bersama komuniti setempat dan pihak berkepentingan bagi mendapatkan maklum balas serta memperkukuh kerjasama dalam menangani isu tersebut.

Kerajaan Negeri turut bekerjasama dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pulau Pinang untuk melaksanakan Program Sungai Hijau (*Green River Programme*). Program ini bertujuan memulihkan kualiti air sungai dari kawasan hulu dan meningkatkan keupayaan sistem *flushing*, khususnya bagi kawasan terlibat seperti Sungai Ikan Mati dan Pantai Esen.

- (b) Pada ketika ini, Kerajaan Negeri belum mempunyai cadangan mengenai pampasan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telahpun melantik perunding alam sekitar untuk menjalankan kajian dan mencadangkan langkah mitigasi jangka pendek dan panjang. Pemantaun rapi ini dipantau oleh Penang Infrastructure Corporation Sdn Bhd (PICSB) iaitu anak syarikat Kerajaan Negeri yang dipertanggungjawabkan sebagai agensi pelaksana dan pemantau bagi pihak Kerajaan Negeri. Laporan kajian dilaporkan kepada Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah PICSB yang dipengerusikan oleh YAB Ketua Menteri sebelum dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang sebagai agensi pemantau syarat-syarat kelulusan EIA.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XII)16**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP  
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

16. Apakah tindakan segera yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menangani pencemaran Sungai Juru yang menjejaskan kehidupan nelayan dan penternak kerang di Kampung Kuala Juru?
- (a) Apakah bentuk bantuan atau pampasan yang telah atau akan disalurkan kepada komuniti yang terjejas akibat pencemaran ini?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui agensi bertanggungjawab sentiasa bekerjasama dengan pelbagai pihak bagi mengawal pencemaran dan memastikan kebersihan Sungai Juru melalui pelaksanaan tindakan jangka pendek dan jangka panjang.

Antara tindakan jangka pendek yang telah diambil termasuklah:

- (i) Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang melaksanakan penyelenggaraan tahunan secara berkala seperti pemotongan rumput, penyelenggaraan perangkap sampah jenis *log boom* di dua lokasi iaitu di Sungai Rambai dan Sungai Juru;
- (ii) Pemasangan papan tanda kesedaran berkaitan pembuangan sampah oleh JPS;
- (iii) JPS turut menyampaikan makluman kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kawasan, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung dan agensi berkaitan untuk

pemantauan bersama melalui mesyuarat dan saluran komunikasi lain; dan

- (iv) Jabatan Alam Sekitar (JAS) turut menjalankan pemantauan kualiti air Sungai Juru secara berkala bagi mengenal pasti sebarang punca pencemaran. Bagi tindakan jangka panjang pula, Kerajaan Negeri telah mengemukakan permohonan bagi Projek Pemuliharaan Sungai Juru di Daerah Seberang Perai Tengah melalui Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13) Tahun 2026, yang melibatkan kerja-kerja penggalangan sungai, penstabilan tebing, pemuliharaan koridor sungai serta pemasangan perangkap sampah secara menyeluruh.
- (a) Setakat tahun ini, Jabatan Perikanan Pulau Pinang tidak menerima sebarang aduan daripada penternak kerang ataupun nelayan setempat. Walau bagaimanapun pada tahun 2024, terdapat satu aduan yang diterima daripada penternak berkaitan kematian ternakan kerang. Susulan daripada aduan tersebut, siasatan telah dijalankan dengan merujuk pakar penyelidik dari Institut Penyelidikan Perikanan (IPP) di Pulau Sayak.

Hasil penelitian mendapati bahawa kematian kerang berkemungkinan besar disebabkan oleh peningkatan kepadatan apabila kerang-kerang tersebut semakin membesar. Hasilnya, kejadian kematian kerang semakin berkurangan dan tiada lagi aduan diterima daripada penternak.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XII)17**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP  
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

17. Berapakah jumlah kawasan hutan paya bakau yang telah hilang di Pulau Pinang sejak tahun 2000 dan apakah punca utama kehilangan tersebut?
- (a) Apakah langkah-langkah pemuliharaan yang telah diambil oleh pihak berkuasa?
  - (b) Bagaimanakah masyarakat setempat dilibatkan dalam usaha pemuliharaan ini?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Jabatan Hutan Negeri Pulau Pinang (JHNPP) hanya bertanggungjawab untuk melindungi kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) yang diwartakan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 sahaja. JHNPP tidak mempunyai maklumat berkaitan kehilangan kawasan hutan paya bakau di luar kawasan HSK.

Namun, sehingga tahun 2000, JHNPP telah mewartakan sebanyak 293.81 hektar hutan paya laut sebagai HSK di bawah Akta Perhutanan Negara 1984. Daripada tahun 2000 sehingga kini, sebanyak 1,209.67 hektar hutan paya laut telah diwartakan sebagai HSK menjadikan keseluruhan hutan paya laut yang telah diwartakan adalah seluas 1,503.48 hektar. Senarai HSK bagi hutan paya laut adalah seperti berikut:-

Bil.	Daerah Hutan	Nama HSK	Luas (ha)
1	Seberang Perai Selatan	Byram	214.66
2	Seberang Perai Utara	Pasir Gebu	127.59
3		Lahar Endin	129.11
4		Kuala Bekah	69.80
5		Air Itam Dalam	22.09
6	Seberang Perai Tengah	Juru	22.56
7	Seberang Perai Selatan	Sungai Chenaam	248.76
8		Sungai Udang	55.36
9	Barat Daya	Balik Pulau	166.38
10		Pulau Betong	1.23
11		Tanjung Gemuruh	44.24
12		Sungai Pinang (Plot 1)	3.85
13		Sungai Pinang (Plot 2)	195.94
14		Sungai Rusa (Plot 2)	5.27
15		Sungai Rusa (Plot 3)	196.66
<b>JUMLAH</b>			<b>1,503.48 ha</b>

- (a) JHNPP sentiasa bergiat aktif dalam usaha memulihara kawasan paya bakau yang telah terjejas melalui pelaksanaan projek restorasi serta program penanaman pokok. Inisiatif ini dilaksanakan di bawah Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-Spesies Yang Sesuai di Pesisir Pantai Negara *serta* Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok.
- (b) Di bawah Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies yang Sesuai di Pesisir Pantai Negara, pelbagai aktiviti kesedaran dan penanaman pokok telah dijalankan melibatkan komuniti setempat. Program ini dilaksanakan melalui pendekatan *Communication, Education and Public Awareness (CEPA)*, dengan kerjasama pelbagai pihak seperti agensi kerajaan, NGO, institusi pengajian, syarikat swasta, pelajar,

dan komuniti pesisir bagi menyokong usaha pemuliharaan alam sekitar.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XII)18**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP  
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

18. Apakah kandungan utama laporan EIA, EMP dan pelan mitigasi bagi projek PSI, serta sejauh manakah dokumen ini tersedia untuk semakan umum?
- (a) Apakah tindakan atau penalti yang boleh dikenakan terhadap pemaju sekiranya didapati melanggar syarat-syarat yang ditetapkan?
  - (b) Bagaimanakah masyarakat hendak membuat aduan sekiranya ada syarat-syarat yang dilanggar?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) untuk projek PSI bertajuk *The Proposed Reclamation & Dredging Works For The Penang South Reclamation (PSR)*, Penang disediakan mengikut keperluan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015.

Laporan EIA yang disediakan ini merangkumi komponen Cadangan Pembangunan iaitu kerja-kerja penebusgunaan tanah (*reclamation*), pengorekan induk (*dredging*), struktur pantai (*coastal structures*) dan jambatan penyambung (*connecting bridge*). Laporan EIA ini turut mengenalpasti potensi impak pembangunan PSI dan cadangan langkah-langkah mitigasi termasuklah kawalan pencemaran, pelan pengimbangan ekologi (PEOM) dan pelan pengurusan impak sosial (SIMP).

Laporan EIA ini telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Putrajaya pada 11 April 2023. Sebanyak 71 syarat-syarat kelulusan laporan EIA telah diberikan. Salah satu syarat laporan EIA ini termasuklah penyediaan Laporan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP). Laporan EMP ini telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Pulau Pinang pada 21 Julai 2023. Laporan EMP yang dikemaskini turut telah diluluskan pada 16 Ogos 2024.

Syarat-syarat kelulusan EIA ini terbahagi kepada 17 sub-bahagian termasuk kawalan aktiviti penebusgunaan tanah dan pengorekan, kawalan hakisan dan kelodakan, kawalan dan pengawasan kualiti air, udara, bunyi bising, kawalan dan pengawasan garis pantai dan hidrografi, audit alam sekeliling serta pelaporan.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) juga menetapkan pihak pemaju/pelaksana projek untuk menyediakan pelaporan status projek, pematuhan kepada syarat EIA seperti takat akhir pelepasan kolam perangkap mendap, kawalan kelodak, kualiti air marin dan sungai, pengawasan biologikal marin, kualiti sedimen, pengawasan garis pantai, udara, bunyi bising dan hakisan mengikut kekerapan yang telah ditetapkan oleh JAS (setiap bulan atau setiap 3 bulan sekali).

Selaras dengan syarat kelulusan laporan EIA, Penggerak Projek turut mempamerkan status pematuhan kualiti alam sekitar bagi projek PSI di Pusat Perkhidmatan Setempat Nelayan (PPSN) Permatang Damar Laut di mana ia boleh diakses sepenuhnya oleh orang awam. Laporan EIA yang telah diluluskan juga boleh diakses melalui laman sesawang <https://penanginfra.com>.

Selain itu, berhubung akses kepada orang awam, pihak JAS boleh mengarahkan penggerak projek melalui syarat-syarat *Environmental Managing Tools* (EMTs) dibawah skop *Environmental Transparency* (ET), bagi memberikan maklumat tentang pemantauan alam sekitar projek di tapak projek kepada orang awam yang berkepentingan.

- (a) Agensi pemantau yang berkaitan boleh mengambil tindakan terhadap pemaju/kontraktor jika terdapat sebarang pelanggaran terhadap syarat-syarat kelulusan EIA ini. Sebagai contoh, mekanisme penguatkuasaan JAS yang digunakan untuk tindakan susulan terhadap ketidakpatuhan adalah seperti berikut:

- (i) Arahan di Lapangan (*Field Citation*);
  - (ii) Pengeluaran Notis Arahan;
  - (iii) Kompaun;
  - (iv) Penahanan Operasi Kelengkapan (POK);
  - (v) Perintah Larangan / Perintah Berhenti Kerja; dan
  - (vi) Tindakan Mahkamah.
- (b) Sekiranya terdapat sebarang ketidakpatuhan atau aduan berkaitan dengan pelaksanaan projek PSI, orang awam boleh menghubungi talian *hotline* PANTAS di 1300-88-9700, merujuk kepada Pusat Perkhidmatan Setempat Nelayan di Permatang Damar Laut dan Sungai Batu, atau melaporkan terus kepada agensi pemantau yang berkaitan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XII)19**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP  
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

19. Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan pematuhan terhadap syarat-syarat alam sekitar yang ditetapkan bagi Projek Tambakan Selatan Pulau Pinang (PSI)?
- (a) Bagaimanakah laporan pemantauan alam sekitar projek PSI diterbitkan secara berkala dan boleh diakses oleh orang awam?
  - (b) Apakah mekanisme penguatkuasaan yang digunakan sekiranya berlaku ketidakpatuhan terhadap syarat-syarat yang ditetapkan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) bagi projek *Penang South Islands* (PSI) telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Putrajaya pada 11 April 2023. Sebanyak 71 syarat-syarat kelulusan laporan EIA telah diberikan bersama surat kelulusan ini.

Antara syarat kelulusan ini adalah Kerajaan Negeri selaku Penggerak Projek perlu mengemukakan Borang Pelaporan Pematuhan Syarat Kelulusan EIA (borang EIA 2-18) setiap 3 bulan sekali kepada JAS Negeri Pulau Pinang. Di samping itu, Penggerak Projek perlu melantik Juruaudit Alam Sekitar yang berdaftar dengan JAS untuk menjalankan audit alam sekeliling setiap tiga (3) bulan sekali sepanjang pembangunan projek bagi memastikan pematuhan terhadap syarat-syarat yang ditetapkan.

Pematuhan terhadap syarat-syarat alam sekitar bagi projek ini melalui beberapa langkah utama. Berikut adalah langkah-langkah bagi memastikan pematuhan terhadap syarat-syarat kelulusan antaranya adalah:

- (i) Pelaksanaan dan pematuhan terhadap Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP);

Penggerak projek dan pelaksana (kontraktor) diwajibkan menyediakan dan melaksanakan Pelan Pengurusan Alam Sekitar yang diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang (JASPP). EMP ini menggariskan langkah-langkah kawalan dan mitigasi terhadap sebarang pencemaran di tapak projek serta perlindungan hidupan marin, dan pemulihan ekosistem di sekitarnya.

- (ii) Pemantauan Berkala oleh pihak JAS Pulau Pinang;

Pihak JAS Pulau Pinang akan menjalankan pemantauan berkala di tapak projek bagi memastikan pematuhan terhadap syarat-syarat kelulusan yang ditetapkan. Audit dan laporan-laporan berkaitan akan dikemukakan kepada JAS Pulau Pinang secara berkala.

- (iii) Penguatkuasaan Undang-Undang Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974.

Sekiranya berlaku pelanggaran syarat, JAS Pulau Pinang akan mengambil tindakan tegas seperti denda atau kompaun, arahan henti kerja atau tindakan undang-undang di bawah peruntukan AKAS 1974.

- (a) Laporan Pemantauan Alam Sekitar secara berkala (setiap bulan dan setiap 3 bulan) disediakan oleh perunding yang dilantik dan dikemukakan kepada jabatan kerajaan yang terlibat secara langsung dalam memantau pematuhan syarat EIA seperti JAS Negeri Pulau Pinang, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pulau Pinang, Jabatan Perikanan Negeri, PLANMalaysia Pulau Pinang dan Jabatan Laut Malaysia.

Berikut adalah senarai jenis laporan yang perlu dipatuhi dan dikemukakan kepada pihak JAS Pulau Pinang:

<b>Bil.</b>	<b>Jenis Laporan</b>	<b>Kekerapan</b>
1.	Borang Maklumat Status Projek	3 bulan sekali
2.	Borang Pelaporan Pematuhan Syarat EIA	3 bulan sekali
3.	Takat Akhir Pelepasan Kolam Perangkap Mendap	1 bulan sekali
4.	Kawalan kelodakan bagi aktiviti tebusguna tanah dan pengorekan	1 bulan sekali
5.	Pengawasan Kualiti Air Sungai dan Marin	1 bulan sekali
6.	Pengawasan Biologikal	3 bulan sekali
7.	Pengawasan Kualiti Sedimen	3 bulan sekali
8.	Pengawasan Garis Pantai	3 bulan sekali
9.	Pengawasan Udara (Ambien)	3 bulan sekali
10.	Pengawasan Bunyi Bising dan Getaran	3 bulan sekali
11.	<i>Aerial view</i>	1 bulan sekali
12.	<i>Dredging and disposal Management System</i>	3 bulan sekali
13.	PSR Ecological Offset Masterplan (POEM)	3 bulan sekali
14.	<i>Fisheries and Aquaculture Monitoring</i>	3 bulan sekali
15.	Pelaporan Keberkesanan Kawalan Hakisan dan Kelodakan melalui sistem dalam talian Jabatan Alam Sekitar	1 bulan sekali

Kesemua laporan dan maklumat pengawasan alam sekitar ini disediakan dan dikemukakan oleh penggerak projek kepada JAS Pulau Pinang bagi pematuhan syarat kelulusan tersebut.

Selaras dengan syarat kelulusan laporan EIA, Penggerak Projek turut mempamerkan status pematuhan kualiti alam sekitar bagi projek PSI di Pusat Perkhidmatan Setempat Nelayan (PPSN) Permatang Damar Laut di mana ia boleh

diakses sepenuhnya oleh orang awam. Laporan EIA yang telah diluluskan juga boleh diakses melalui laman sesawang <https://penanginfra.com>.

Selain itu, berhubung akses kepada orang awam, pihak JAS boleh mengarahkan penggerak projek melalui syarat-syarat *Environmental Managing Tools* (EMTs) dibawah skop *Environmental Transparency* (ET), bagi memberikan maklumat tentang pemantauan alam sekitar projek di tapak projek kepada orang awam yang berkepentingan.

- (b) Agensi pemantau yang berkaitan boleh mengambil tindakan jika terdapat sebarang pelanggaran terhadap syarat-syarat kelulusan EIA ini. Sebagai contoh, mekanisme penguatkuasaan JAS yang digunakan untuk tindakan susulan terhadap ketidakpatuhan adalah seperti berikut:
  - (i) Arahan di Lapangan (*Field Citation*);
  - (ii) Pengeluaran Notis Arahan;
  - (iii) Kompaun;
  - (iv) Penahanan Operasi Kelengkapan (POK);
  - (v) Perintah Larangan / Perintah Berhenti Kerja; dan
  - (vi) Tindakan Mahkamah.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XII)20**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP  
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

20. Berapakah jumlah projek perumahan terbengkalai sejak tahun 2020 sehingga kini, berapa unit dan di manakah lokasi-lokasi utama projek tersebut?
- (a) Senaraikan pemaju-pemaju yang gagal dan tindakan undang-undang yang telah diambil.
- (b) Apakah status terkini projek-projek tersebut dan apakah pelan pemulihan yang sedang dilaksanakan?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Berdasarkan rekod senarai projek perumahan swasta terbengkalai yang dikemas kini sehingga 31 Mac 2025 oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), terdapat dua (2) projek perumahan terbengkalai seperti di Jadual 1 berikut:

**JADUAL I:**

**Projek Perumahan Terbengkalai Sehingga 31 Mac 2025**

<b>Nama Projek</b>	<b>Pemaju Asal</b>	<b>Pelikuidasi</b>	<b>Tarikh Isytihar Terbengkalai</b>
Y Cantonment, Daerah Timur Laut	Green Residences Sdn. Bhd. (digulung pada 26.11.2019)	Jabatan Insolvency Malaysia Cawangan Pulau Pinang	11.02.2022
The Rice Miller Development, Daerah Timur Laut	Asian Global Business Sdn. Bhd. (digulung pada 30.06.2021)	Deloitte Corporate Solution Sdn. Bhd.	11.02.2022

Lokasi utama bagi kedua-dua projek perumahan yang terbengkalai yang dinyatakan di atas adalah di Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. Bagi Projek Y Cantonment, pembeli-pembeli dalam proses untuk melantik Tetuan Moores Rowland untuk menggantikan Jabatan Insolvensi Malaysia, Cawangan Pulau Pinang sebagai pelikuidasi.

Berdasarkan rekod *Transforming & Empowering Data Usage In Housing* (TEDUH) di bawah KPKT pula, sehingga 27 April 2025, terdapat 12 buah projek sakit di Pulau Pinang seperti di **LAMPIRAN A**.

- (a) Pemaju-pemaju yang terlibat adalah seperti di Jadual 1 dan Lampiran A. Antara tindakan yang telah diambil ke atas pemaju-pemaju yang gagal tersebut adalah seperti berikut:
- (i) Bagi projek-projek yang telah diklasifikasikan sebagai projek terbengkalai, pemaju-pemaju yang terlibat telah digulungkan melalui Perintah Mahkamah; dan
  - (ii) Bagi projek-projek yang diklasifikasikan sebagai projek sakit pula, tindakan menyenaraihitamkan pemaju-pemaju tersebut telah dilaksanakan dan ia jelas menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri tidak akan bertolak ansur dengan ketidakpatuhan. Kesan-kesan jika pemaju disenaraihitamkan adalah seperti berikut:-
    - (i) Permohonan lesen dan permit baharu disekat;
    - (ii) Pembaharuan lesen dan permit disekat;
    - (iii) Permohonan Pelbagai Pindaan disekat;
    - (iv) Nama pemaju dipaparkan di laman web KPKT; dan
    - (v) Pihak bank akan menyekat pinjaman / penjualan unit baharu.

- (b) Kerajaan Negeri yang bertindak sebagai pengantara telah berunding dengan pihak Pelikuidasi dan Penyelesai. Kini, ia sedang dalam proses pemulihan dan usaha untuk menyegerakan lantikan pemaju penyelamat (white knight) akan dilaksanakan bagi mengelakkan keadaan yang akan membebankan pembeli.



JABATAN PERUMAHAN NEGARA,  
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

### SENARAI PROJEK SAKIT DI PULAU PINANG YANG DIKEMASKINI SEHINGGA 27/04/2025

Laporan ini dijana pada: 28/04/2025

Bil.	Negeri	Daerah	Nama Pemaju	Kod Pemajuan	Nama Pemajuan	Tarikh SPJB Pertama	Tarikh Patut Siap
1	Pulau Pinang	Seberang Perai Utara	BINWAN DEVELOPMENT SDN. BHD.	12268-1	BINWAN DEVELOPMENT SDN BHD	26/02/2015	26/02/2017
2	Pulau Pinang	Seberang Perai Utara	SRI JELUDA SDN. BHD.	1717-9	TAMAN ORKID INDAH	08/12/2003	08/12/2005
3	Pulau Pinang	Seberang Perai Utara	PERTIWI GAGAH SDN.BHD	7156-1	TELUK AIR TAWAR	12/09/1997	12/09/2000
4	Pulau Pinang	Seberang Perai Utara	MOTIF ERA SDN. BHD.	8439-1	TAMAN PERMATANG SINTOK	20/08/2002	20/08/2005
5	Pulau Pinang	Seberang Perai Selatan	TULUS AWAN DEVELOPMENT SDN. BHD.	8936-3	TAMAN DAMAI SETIA	18/04/2023	18/04/2025
6	Pulau Pinang	Daerah Timor Laut	TAMAN RATU DEVELOPMENT SDN. BHD.	6852-1	BEVERLY HILLS 11200	21/12/2006	21/12/2008
7	Pulau Pinang	Daerah Barat Daya	KEWIRA JAYA SDN. BHD.	11461-7	CASA RICA	25/11/2022	25/11/2024
8	Pulau Pinang	Daerah Barat Daya	PRISMA BUMIRAYA SDN. BHD.	14734-1	QUINTON	12/10/2017	12/04/2023
9	Pulau Pinang	Daerah Barat Daya	PRISMA BUMIRAYA SDN. BHD.	14734-3	PRISMA BUMIRAYA SDN. BHD.	26/07/2018	26/11/2023
10	Pulau Pinang	Daerah Barat Daya	PRISMA BUMIRAYA SDN. BHD.	14734-4	SRI BAYU	23/11/2018	23/10/2022
11	Pulau Pinang	Daerah Barat Daya	JKP SDN. BHD.	8440-25	SERI BAYU 2B2 (BAYU TRISHA)	02/03/2023	02/03/2025
12	Pulau Pinang	Daerah Barat Daya	MTT PROPERTIES & DEVELOPMENT SDN. BHD.	9995-4	BANDAR BOTANICA.CT, BALIK PULAU	01/07/2022	01/07/2024

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XII)21**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP  
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

21. Senaraikan kuarters milik kerajaan yang tidak didiami di Pulau Pinang dan sebab premis tersebut tidak didiami.
- (a) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk menangani masalah ini?
  - (b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memberi kebenaran kepada agensi kerajaan lain memanfaatkan kuarters tersebut?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

21. Berdasarkan rekod sehingga Mac 2025, sebanyak 126 unit kuarters milik Kerajaan Negeri di seluruh Negeri Pulau Pinang tidak berpenghuni. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 108 unit kuarters tidak dapat didiami berikutan kerosakan dan memerlukan pembaikan sebelum boleh ditawarkan semula. Baki 18 unit kuarters masih lagi kosong dan dalam proses penawaran kepada pemohon yang layak.
- (a) Kerajaan Negeri telah mengambil langkah yang proaktif dalam menangani masalah kerosakan kuarters dengan menyemak semula kos pembaikan bagi setiap kuarters yang akan diperbaiki dan memohon bajet pembangunan tahunan bagi memastikan semua kuarters tersebut boleh didiami oleh kakitangan. Manakala, bagi kuarters yang telah usang dan tidak sesuai untuk dibaik pulih, Kerajaan Negeri akan mengambil langkah dengan merobohkan kuarters-kuarters tersebut dan merancang semula pembangunan kuarters yang baharu dan selesa untuk penjawat awam khususnya penjawat awam negeri.

- (b) Kerajaan Negeri buat masa ini tiada halangan dan membenarkan kuarters-kuarters yang kosong untuk dimanfaatkan oleh agensi-agensi lain sekiranya ada keperluan. Namun, kebenaran ini hanya diberikan selepas mendapat kelulusan melalui mesyuarat jawatankuasa yang berkaitan dengan melihat kepada keutamaan dan keperluan yang mendesak. Sungguhpun begitu, terdapat juga beberapa unit kuarters yang terletak di atas tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) di bawah Perkara 166(3) Perlembagaan Persekutuan yang tertakluk kepada peraturan tertentu yang tidak membenarkan fungsi kuarters tersebut diubah dan dipindah milik kepada mana-mana pihak tanpa kelulusan yang sewajarnya.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XII)22**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP  
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

22. Bagaimanakah penjenamaan Rumah Mampu Milik kepada Rumah MutiaraKu (RMKu) membantu meningkatkan imej serta kualiti projek perumahan di Pulau Pinang?
- (a) Apakah elemen baharu dalam garis panduan RMKu berbanding skim lama?
  - (b) Bagaimanakah impaknya terhadap permohonan dan kelulusan pembeli rumah B40?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Kerajaan Negeri bersama Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) telah mengambil inisiatif dengan menambah baik Garis Panduan Rumah Mutiaraku (RMKu) Negeri Pulau Pinang (GP RMKu) di mana penambahbaikan ini telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bilangan 10 Tahun 2024 yang telah bersidang pada 19 November 2024. Tujuan penambahbaikan ini dibuat adalah bagi memastikan GP RMKu ini dapat diguna pakai dengan lebih komprehensif, sistematik dan sesuai untuk dilaksanakan dengan keadaan semasa, khususnya berkenaan pematuhan penyediaan RMku jenis A dan B.
- (a) Terdapat beberapa elemen baharu yang diperkenalkan di dalam GP RMKu ini. Antaranya adalah:
    - (i) Penjenamaan semula nama dan logo bagi Rumah Mampu Milik (RMM) kepada RMKu. Tujuan penjenamaan semula ini dilaksanakan adalah bagi meningkatkan lagi

*sense of belongings* dan *ownership* di kalangan rakyat negeri Pulau Pinang terutamanya di kalangan penerima-penerima tawaran RMKu. Pada masa yang sama, penjenamaan semula ini juga dapat mengurangkan stigma dan persepsi negatif rakyat Pulau Pinang terhadap RMM yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri;

- (ii) Pematuhan penyediaan RMKu A dan RMKu B adalah mengikut zon di mana sebelum ini pematuhan penyediaan 30% unit ini tidak diselaraskan mengikut keperluan kawasan;
  - (iii) Pematuhan penyediaan Rumah RMKu A dan RMKu B diperluaskan kepada pematuhan melalui skim sewa beli (Rent to Own - RTO) di mana kaedah ini akan dapat meningkatkan pembekalan unit untuk ditawarkan secara RTO; dan
  - (iv) Penetapan had pendapatan isi rumah bagi permohonan Pasaran Terbuka (PN4) khususnya kepada golongan T20 adalah sebanyak RM20,000.00 sahaja di mana sebelum ini tiada sekatan diberikan.
- (b) Sehingga kini, Kerajaan Negeri melalui LPNPP telah menerima maklum balas positif melalui beberapa sesi libat urus dan Hari Bertemu Pelanggan yang kerap diadakan. Peningkatan dari segi bilangan permohonan yang masuk juga menunjukkan impak kepada penjenamaan semula RMKu ini.

Walau bagaimanapun, terdapat sedikit kekangan pemilikan rumah terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah atau B40 khususnya untuk menyediakan 10% deposit memandangkan pembiayaan yang diterima dari institusi perbankan hanya meluluskan 90% pinjaman dari nilai jualan.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri bersama LPNPP sedang mempergiatkan usaha untuk memperkenalkan produk RMKu dengan konsep pemilikan rumah tanpa deposit (zero entry cost). Konsep ini dijangka akan dapat menyelesaikan sebahagian besar isu pemilikan rumah untuk golongan B40 selain daripada meningkatkan unit-unit untuk ditawarkan secara RTO.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XII)23**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP  
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

23. Apakah mekanisme pemilihan 57 projek penyelenggaraan rumah berstrata yang menerima peruntukan RM20.97 juta daripada KPKT?
- (a) Berapakah jumlah projek melibatkan rumah kos rendah dan sederhana rendah di setiap daerah?
  - (b) Siapakah pihak bertanggungjawab memantau pelaksanaan dan kualiti kerja di lapangan?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Mekanisme pemilihan bagi 57 buah projek penyelenggaraan rumah berstrata adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (JPN, KPKT). JPN, KPKT telah melaksanakan dua (2) program utama bagi membantu kerja-kerja penyelenggaraan di skim perumahan berstrata kos rendah iaitu:
- (a) Program Penyelenggaraan Perumahan (PPP) yang diperuntukkan bagi perumahan awam milik Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); dan
  - (b) Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) yang dikhususkan untuk perumahan berstrata kos rendah dan sederhana rendah milik swasta.

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP), kedua-dua PBT iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)

telah mengemukakan permohonan di bawah program PPP dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM9,612,485.60 melibatkan 34 kerja penyelenggaraan di skim perumahan awam. Skop kerja bagi PPP memberi tumpuan kepada pembaikan kerosakan komponen harta bersama seperti bumbung, tangki air, serta sistem retikulasi air di perumahan kos rendah awam.

Bagi program TPPM pula, permohonan perlu dikemukakan oleh pihak *Joint Management Body* (JMB) atau *Management Corporation* (MC) kepada Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) di PBT masing-masing untuk dipanjangkan kepada JPN, KPKT. Sejumlah RM83,422,654.60 melibatkan 166 bilangan kerja penyelenggaraan telah dimohon di bawah program ini. Skop kerja baik pulih/penyelenggaraan yang terlibat merangkumi kerja-kerja pembaikan atau penggantian lif, tangki air, bumbung, serta pendawaian semula sistem elektrik.

Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri telah mengemukakan permohonan berjumlah RM93,035,140.20, merangkumi 200 bilangan kerja penyelenggaraan di bawah kedua-dua program PPP dan TPPM. Daripada jumlah tersebut, JPN, KPKT telah meluluskan peruntukan sebanyak RM20.97 juta bagi 57 buah projek penyelenggaraan.

- (a) Jumlah projek yang telah diluluskan di bawah PPP mengikut daerah adalah seperti yang dinyatakan di **LAMPIRAN A**, manakala jumlah projek yang telah diluluskan di bawah Program TPPM mengikut daerah adalah seperti yang dinyatakan di **LAMPIRAN B**.
- (b) Bagi pelaksanaan PPP, pihak yang bertanggungjawab memantau pelaksanaan dan kualiti kerja di lapangan adalah LPNPP, kedua-dua PBT (MBPP dan MBSP) dengan mengikuti skim perumahan di bawah seliaan masing-masing.

Manakala bagi Program TPPM pula, pemantauan pelaksanaan dan kualiti kerja adalah di bawah tanggungjawab COB, MBPP dan MBSP mengikut kawasan pentadbiran masing-masing.

**LAMPIRAN A****PROJEK PROGRAM PENYENGGARAAN PERUMAHAN (PPP) YANG DILULUSKAN OLEH KPKT BAGI TAHUN 2025 MENGIKUT DAERAH DI PULAU PINANG**

<b>BIL.</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PROJEK</b>	<b>SKOP KERJA</b>	<b>PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN (RM)</b>
1.	TIMUR LAUT	KERJA-KERJA MENGGANTIKAN RAILING KORIDOR DAN TANGGA SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI RUMAH PANGSA TAMAN TUN SARDON FASA 2.	RAILING	200,000.00
2.		KERJA-KERJA PENGGANTIAN BUMBUNG BLOK AT,AU DAN AV SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI RUMAH PANGSA TAMAN TUN SARDON FASA 2.	BUMBUNG	330,000.00
3.		KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI RUMAH PANGSA TAMAN TUN SARDON FASA 2.	TURAP JALAN	150,000.00
4.		KERJA-KERJA MEMBAIKI KERETAKAN BANGUNAN SERTA KERJA BERKAITAN DI RUMAH PANGSA PAYA TERUBONG.	KERETAKAN BANGUNAN	150,000.00
5.		KERJA-KERJA PENDAWAIAN SEMULA LAMPU KORIDOR BLOK 3A SERTA KERJA YANG BERKAITAN DI RUMAH PANGSA TAMAN TUN SARDON, FASA 3.	ELEKTRIK	220,000.00
6.		KERJA-KERJA PENGGANTIAN PINTU UTILITI DAN MEMASANG BESI PENGHADANG LALUAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI RUMAH PANGSA PADANG TEMBAK.	UMUM	122,000.00
7.		KERJA-KERJA MENAIKTARAF PAPAN AGIHAN PADA BILIK MOTOR LIF SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI RUMAH PANGSA PADANG TEMBAK.	ELEKTRIK	190,000.00

8.	TIMUR LAUT	KERJA-KERJA PEMBAIKAN RAILING KORIDOR SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI RUMAH PANGSA PADANG TEMBAK.	RAILING	180,000.00
9.		KERJA-KERJA PENDAWAIAN ELEKTRIK SEMULA BLOK KA DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI RUMAH PANGSA TAMAN FREE SCHOOL.	ELEKTRIK	350,000.00
10.		KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN SERTA KERJA BERKAITAN DI RUMAH PANGSA TAMAN FREE SCHOOL.	TURAP JALAN	200,000.00
11.		MENAIKTARAF RAILING TANGGA & SUSUR TANGAN DI BLOK A & B DI PPR JALAN SUNGAI, GEORGE TOWN.	RAILING TANGGA	500,000.00
12.		KERJA-KERJA MENGECAT BAHAGIAN LUAR BANGUNAN DAN HARTA BERSAMA RUMAH PANGSA MBPP 4 UNIT (UNIT 309 HINGGA 339) BLOK DI JELUTONG.	MENGECAT	197,000.000
13.		BARAT DAYA	KERJA-KERJA MENGGANTIKAN RAILING KORIDOR SERTA KERJA BERKAITAN DI RUMAH PANGSA TELUK BAHANG.	RAILING
14.	SEBERANG PERAI SELATAN	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI RUMAH PANGSA JAWI III.	TURAP JALAN	100,000.00
15.		KERJA-KERJA MENGGANTI PAIP SANITARI SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI RUMAH PANGSA NIBONG TEBAL.	PAIP SANITARI	80,000.00
16.		KERJA-KERJA PEMBAIKAN WATERPROOFING DI BUMBUNG KONKRIT RATA SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI RUMAH PANGSA NIBONG TEBAL.	WATERPROOFING	196,000.00
17.	SEBERANG PERAI UTARA	KERJA-KERJA MEMBAIKI LONGKANG PERIMETER SERTA KERJA-KERJA BEKAITAN DI RUMAH PANGSA AMPANG JAJAR.	LONGKANG PERIMETER	100,000.00
18.		KERJA-KERJA MEMBAIKI RAILING TANGGA DAN PINTU UTILITI SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI RUMAH PANGSA AMPANG JAJAR.	RAILING	200,000.00

19.	SEBERANG PERAI UTARA	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LAMPU KAWASAN SERTA KERJA BERKAITAN DI RUMAH PANGSA AMPANG JAJAR.	ELEKTRIK	100,000.00
20		KERJA-KERJA PENDAWAIAN SEMULA LAMPU KORIDOR BLOK B SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI PPR TAMAN BAGAN JAYA.	ELEKTRIK	450,000.00
21.		KERJA-KERJA MEMBAIKI LONGKANG PERIMETER SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI PPR TAMAN BAGAN JAYA.	LONGKANG PERIMETER	100,000.00
22.	SEBERANG PERAI TENGAH	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LAMPU KAWASAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI RUMAH PANGSA DESA WAWASAN.	ELEKTRIK	100,000.00
23.		KERJA-KERJA MEMBAIKI RAILING TANGGA DAN MENUKAR PINTU UTILITI YANG ROSAK SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI RUMAH PANGSA DESA WAWASAN.	RAILING	200,000.00
24.		KERJA-KERJA PEMBAIKAN 'WATERPROOFING' DALAM UNIT SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI RUMAH PANGSA DESA WAWASAN.	WATERPROOFING	100,000.00
25.		KERJA-KERJA PENGGANTIAN BINGKAI TINGKAP YANG ROSAK SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI RUMAH PANGSA DESA WAWASAN.	UMUM	100,000.00
26.		KERJA-KERJA MENURAP JALAN DAN MENGECAT SEMULA PETAK LETAK KERETA SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI PANGSA PPR AMPANGAN, JALAN PERMATANG PAUH, PULAU PINANG	TURAP	350,000.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN (RM)</b>				<b>5,165,000.00</b>

**LAMPRAN B****PROJEK TABUNG PENYENGGARAAN PERUMAHAN MALAYSIA (TPPM) YANG DILULUSKAN OLEH KPKT BAGI TAHUN 2025 MENGIKUT DAERAH DI PULAU PINANG**

BIL.	DAERAH	PROJEK	SKOP KERJA	PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN (RM)
1.	BARAT DAYA	MENAIKTARAF TANGKI AIR SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI BLOK 1, SOLOK MAHSURI 3, BAYAN BARU.	TANGKI AIR	60,000.00
2.		MENAIKTARAF TANGKI AIR DAN SISTEM RETIKULASI SERTA KERJA- KERJA BERKAITAN DI BLOK 74, JALAN TENGAH, BAYAN BARU.	TANGKI AIR	60,000.00
3.		MENAIKTARAF TANGKI AIR DAN SISTEM RETIKULASI SERTA KERJA- KERJA BERKAITAN DI BLOK 86, DESA INDAH, HALAMAN PAYA TERUBONG 2.	TANGKI AIR	360,000.00
4.		MENAIKTARAF PENDAWAIAN ELEKTRIK SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI BLOK 3,5 & 7 TAMAN INDAH, LEBUH BATU MAUNG, BAYAN LEPAS.	PENDAWAIAN ELEKTRIK	500,000.00
5.		MENAIKTARAF PENDAWAIAN ELEKTRIK SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI BLOK 3 LEBUH MAHSURI, BAYAN BARU.	PENDAWAIAN ELEKTRIK	100,000.00
6.		MENAIKTARAF PENDAWAIAN ELEKTRIK SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI BLOK 1, LEBUH MAHSURI, BAYAN LEPAS.	PENDAWAIAN ELEKTRIK	100,000.00
7.		MENAIKTARAF BUMBUNG SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI HALAMAN KENANGA LENGKOK NIPAH 3, SUNGAI DUA.	BUMBUNG	350,000.00
8.		MENAIKTARAF BUMBUNG SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI DESA SRI ARA, LEBUH SUNGAI ARA 1, BAYAN LEPAS.	BUMBUNG	330,000.00
9.		MENAIKTARAF BUMBUNG SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI BLOK C, SRI ABADI, BAYAN LEPAS.	BUMBUNG	370,000.00
10.		MENAIKTARAF BUMBUNG SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI MUTIARA ANGGUN, LEBUH PANTAI JEREJAK 2.	BUMBUNG	360,000.00

11.	BARAT DAYA	KERJA-KERJA PENGGANTIAN 1 UNIT LIF DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI TAMAN SRI GERTAK SANGGUL, TELUK KUMBAR.	PENGGANTIAN LIF	450,000.00
12.	TIMUR LAUT	MENAIKTARAF TANGKI AIR SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI LOT 1813, LEBUH PADANG TEMBAK (RUMAH PANGSA TAMAN AIR ITAM).	TANGKI AIR	80,000.00
13.		MENAIKTARAF TANGKI AIR SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI TAMAN SERI HIJAU, JALAN VAN PRAAGH, JELUTONG.	TANGKI AIR	360,000.00
14.		MENAIKTARAF PENDAWAIAN ELEKTRIK SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI BLOK 346, GAT LEBUH MACALLUM, LEBUH CECIL.	PENDAWAIAN ELEKTRIK	310,000.00
15.		MENAIKTARAF BUMBUNG SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI BLOK 7,9,11, PANGSAPURI PELANGI, GAT LEBUH MACALLUM.	BUMBUNG	990,000.00
16.		MEMBAIK PULIH TANGGA DAN SUSUR TANGAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI TAMAN SRI PINANG.	SUSUR TANGAN	500,000.00
17.		KERJA-KERJA PENGGANTIAN 2 UNIT LIF DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI VILLA KEJORA, HILIR PAYA TERUBONG 2.	PENGGANTIAN LIF	1,000,000.00
18.		KERJA-KERJA PENGGANTIAN 2 UNIT LIF DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI FERRINGHI MUTIARA APARTMENTS & ARCADE, JALAN SUNGAI EMAS BATU FERRINGHI.	PENGGANTIAN LIF	900,000.00
19.	KERJA-KERJA PENGGANTIAN 1 UNIT LIF DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI MUTIARA IDAMAN 1, SOLOK TENGGU.	PENGGANTIAN LIF	700,000.00	
20.	SEBERANG PERAI UTARA	MENGECAT BANGUNAN DI TAMAN TELOK AIR TAWAR.	MENGECAT	200,000.00
21.		MENAIKTARAF BUMBUNG DI TAMAN SEJAHTERA INDAH, TELOK AIR TAWAR.	BUMBUNG	110,000.00
22.		PENGGANTIAN 2 UNIT LIF DI RUMAH PANGSA AMPANG JAJAR.	PENGGANTIAN LIF	1,200,000.00
23.		PENGGANTIAN 2 UNIT LIF DI BLOK 1A DAN 1B PANGSAPURI INDAH.	PENGGANTIAN LIF	1,200,000.00
24.		PENGGANTIAN 2 UNIT LIF DI PANGSAPURI INDAH FASA 1C TAMAN AIR TAWAR INDAH.	PENGGANTIAN LIF	1,200,000.00

25.	SEBERANG PERAI TENGAH	MENAIKTARAF BUMBUNG DI PANGSAPURI NUSA INDAH, ALMA, BUKIT MERTAJAM.	BUMBUNG	870,000.00
26.		MENAIKTARAF TANGKI AIR DAN SISTEM RETIKULASI DI RUMAH PANGSA TAMAN SERI IMPIAN.	TANGKI AIR	470,000.00
27.		PENGGANTIAN 1 UNIT LIF DI BLOK C TAMAN PULASAN.	PENGGANTIAN LIF	450,000.00
28.		PENGGANTIAN 2 UNIT LIF DI WISMA PANGSAPURI LIMAU MANIS.	PENGGANTIAN LIF	1,200,000.00
29.	SEBERANG PERAI SELATAN	MENAIKTARAF TANGKI AIR DAN SISTEM RETIKULASI DI RUMAH PANGSA MURAI JAYA.	TANGKI AIR	320,000.00
30.		MENGECAT BANGUNAN DI KAWASAN PERNIAGAAN TAMAN MERAK.	MENGECAT	300,000.00
31.		MENAIKTARAF BUMBUNG DI RUMAH BANDAR TAMAN SERI PUTERA.	BUMBUNG	410,000.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN (RM)</b>				15,810,000.00

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XII)24**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP  
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

24. Apakah peranan Kerajaan Negeri dalam memastikan 38,000 unit perumahan Bakat Baru MADANI benar-benar dimanfaatkan oleh golongan belia dan tenaga kerja berkemahiran?
- (a) Apakah kriteria pemilihan pembeli yang ditetapkan untuk projek ini?
  - (b) Bagaimanakah pemantauan dibuat agar projek ini tidak disalahgunakan oleh pelabur hartanah?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Peranan Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) ialah dengan membekalkan senarai nama pembeli kepada pemaju termasuk permohonan daripada golongan belia dan tenaga kerja berkemahiran yang bekerja di Pulau Pinang.
- (a) Pembeli adalah terbuka kepada semua yang bekerja di Pulau Pinang. Namun begitu, LPNPP hanya akan memberikan senarai nama pemohon yang layak dari Sistem Maklumat Perumahan (SMP) berdasarkan permohonan untuk kuota unit 30% dari 20% unit RMKu yang disediakan.
  - (b) Pemantauan yang boleh dibuat agar projek ini tidak disalahgunakan oleh pelabur hartanah adalah seperti berikut:-

- (i) Perintah Moratorium selama 5 tahun dikenakan kepada pembeli; dan
- (ii) Pemaju juga tidak dibenarkan menjual atau memindahkan keseluruhan pembangunan atau beberapa unit dalam satu parcel secara *en bloc* kecuali mendapat kelulusan mengikut perjanjian yang telah ditandatangani.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XII)25**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP  
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

25. Senaraikan statistik pemilikan rumah pertama oleh anak muda di Pulau Pinang sejak tahun 2020 sehingga kini.
- (a) Apakah faktor utama yang menyumbang kepada kadar pemilikan rumah yang rendah dalam kalangan anak muda?
  - (b) Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kadar pemilikan rumah dalam kalangan golongan ini?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Kerajaan Negeri membenarkan permohonan Rumah MutiaraKu (RMKu) yang dahulunya dikenali sebagai Rumah Mampu Milik (RMM) kepada pemohon yang berusia seawal 21 tahun dan ia memberi kelebihan kepada golongan muda untuk memiliki rumah pertama.

Mengikut data yang dikemas kini dalam Sistem Maklumat Perumahan (SMP) sejak tahun 2020 sehingga 30 April 2025, sebanyak 16,866 tawaran telah dikeluarkan kepada pemohon yang berkeelayakan bagi golongan muda yang berada di bawah umur 40 tahun.

- (a) Sebanyak 4,478 orang pemohon dikenal pasti telah menolak tawaran atas pelbagai faktor seperti tidak berminat dengan lokasi / jenis rumah / tawaran tidak memenuhi pilihan asal, tidak berjaya mendapat kelulusan pinjaman (permohonan tidak melepasi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh institusi

kewangan seperti pemohon tidak mempunyai penyata gaji, bebanan hutang semasa yang tinggi, rekod teruk dalam *Central Credit Reference Information System* (CCRIS) dan tiada rekod pinjaman dengan mana-mana institusi kewangan), tidak mengemukakan maklum balas penerimaan tawaran dan lain-lain. Statistik penolakan tawaran tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

- (b) Antara langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kadar pemilikan rumah dalam kalangan golongan muda ini adalah dengan mewujudkan Skim Sewa Beli (*Rent To Own* - RTO). Melalui Visi Penang2030 di bawah sasaran kedua dalam Inisiatif Strategik A1: Menangani Isu Kemampuan dan Kepelbagaian Perumahan, sasaran pembekalan unit RMKu bagi Skim RTO adalah sebanyak 22,000 unit menjelang tahun 2030. Sehingga kini, sebanyak 5,096 unit bersamaan dengan 25.48% telah disenaraikan untuk ditawarkan secara RTO.

Melalui Skim RTO ini, golongan yang gagal mendapatkan pinjaman perumahan dari institusi kewangan masih boleh memiliki rumah dengan menandatangani perjanjian sewa beli dengan Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) untuk tempoh 15 ke 20 tahun pada kadar faedah 0%. Unit RMKu tersebut seterusnya akan dipindah milik kepada penyewa beli apabila bayaran penyelesaian penuh disempurnakan. Skim RTO pada masa ini melibatkan skim perumahan RMKu A, RMKu B dan RMKu C.

Selain itu, sebagai inisiatif dalam membantu pemilikan perumahan, satu projek RMKu Baharu iaitu Juru Hills bakal dilaksanakan dengan sokongan daripada pihak Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan Firma Atasan Sdn. Bhd. (FASB) melalui perjanjian Kemudahan Pembiayaan Tawarruq bernilai RM18.5 juta. BPMB telah bekerjasama dengan FASB untuk menyokong fasa pertama projek RMKu Juru Hills. Projek RMKu Juru Hills akan menjadi projek rintis yang mana pihak bank akan menawarkan pinjaman sebanyak 95%, manakala baki 5% lagi akan ditanggung oleh pemaju sebagai pinjaman untuk bayaran pendahuluan.

Kerajaan Negeri juga memperkenalkan satu mekanisme iaitu pembeli RMKu hanya perlu membayar RM10 (hanya bagi

projek Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) yang telah siap) sebagai bayaran pendahuluan. Manakala bakinya akan ditanggung melalui pembiayaan bank. Inisiatif ini bertujuan untuk memudahkan pemilikan rumah bagi mereka yang layak.

Selain itu juga, Kerajaan Persekutuan melalui Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad (SJKP) yang merupakan syarikat diperbadankan di bawah Kementerian Kewangan telah memberikan kerjasama untuk lebih melibatkan diri bersama Kerajaan Negeri Pulau Pinang. SJKP berperanan sebagai penjamin bagi kemudahan kewangan melalui panel-panel bank yang turut terlibat dalam skim ini.

Bagi membantu bakal pembeli rumah kali pertama, SJKP telah diperkenalkan dengan peruntukan sebanyak RM5 bilion oleh Kerajaan Persekutuan dengan had pembiayaan yang lebih tinggi, iaitu sehingga RM500,000.00 dengan tempoh pembiayaan sehingga 35 tahun. Terkini, skim ini ditawarkan melalui 15 institusi kewangan utama seperti di **Jadual 1** berikut:-

<b>Bil.</b>	<b>Senarai Bank</b>
1	Affin Bank Berhad
2	AmBank Islamic Berhad
3	Bank Simpanan Nasional Berhad
4	Maybank Islamic Berhad
5	Agro Bank Berhad
6	Bank Islam Malaysia Berhad
7	Hong Leong Bank Berhad
8	MBSB Bank Berhad
9	Alliance Bank Malaysia
10	Bank Muamalat Malaysia
11	Hong Leong Islamic Bank
12	RHB Islamic Bank
13	Alliance Islamic Bank
14	Bank Rakyat Berhad
15	Maybank Berhad

**Jadual 1: 15 Institusi Kewangan Utama**

Dengan adanya skim pembiayaan seperti ini, secara tidak langsung pihak institusi kewangan dapat membantu golongan yang sukar mendapatkan pinjaman dan golongan yang tidak mempunyai bukti pendapatan bulanan yang tetap tanpa mengira jenis pekerjaan.

## LAMPIRAN A

### STATISTIK TOLAK TAWARAN RUMAH MUTIARAKI (DAHULUNYA DIKENALI SEBAGAI RUMAH MAMPU MILIK (RMM)) OLEH GOLONGAN MUDA BELI ATAS PELBAGAI SEBAB SEJAK TAHUN 2020 SEHINGGA KINI

SEBAB PENOLAKAN	JENIS RUMAH MUTIARAKU (RMKu)					JUMLAH PENOLAKAN	PERATUSAN PENOLAKAN
	RMKu A	RMKu B	RMKu C1	RMKu C2	RMKu C3		
Tidak Minat Lokasi/Jenis Rumah/Tawaran Tidak Memenuhi Pilihan Asal	542	248	1	52	1,018	1,861	41.56%
Tiada Maklumbalas	1,193	224	0	32	301	1,750	39.08%
Tidak Berjaya Mendapatkan Kelulusan Pinjaman	183	47	3	64	383	680	15.19%
Tidak Mampu	20	3	0	3	89	115	2.57%
Tidak Terima Surat Tawaran	28	4	0	0	1	33	0.74%
Beli Rumah	3	3	0	1	25	32	0.71%
Pembatalan Pemilikan Lot Rumah	1	3	0	1	2	7	0.16%
<b>JUMLAH TOLAK TAWARAN</b>	<b>1,970</b>	<b>532</b>	<b>4</b>	<b>153</b>	<b>1,819</b>	<b>4,478</b>	<b>-</b>

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XII)26**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP  
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

26. Bagaimanakah kategori baharu Rumah Mampu Milik B2 membantu menampung keperluan perumahan golongan pertengahan rendah di Pulau Pinang?
- (a) Berapa banyakkah unit B2 dirancang untuk dibina menjelang tahun 2026 dan di kawasan mana?
  - (b) Apakah syarat pemilihan dan kawalan bagi mengelakkan penyalahgunaan oleh pemilik tidak layak?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) yang kini dalam usaha untuk mencapai aspirasi Kerajaan Madani dan Manifesto Perpaduan Pulau Pinang 2023 telah memperkenalkan satu produk baharu iaitu RMKu B2. Kategori baharu ini bernilai RM100,000.00 pada keluasan 750 kaki per segi (kps) dengan pendapatan isi rumah bulanan tidak melebihi RM5,000.00 telah diluluskan dalam Mesyuarat Perancangan Negeri Bil. 7/2023 pada 21 Disember 2023. Pelaksanaan kategori ini adalah bertujuan untuk mengatasi jurang di antara RMKu B bagi pemohon yang berpendapatan bulanan isi rumah tidak melebihi RM3,500.00 dan RMKu C1 yang berpendapatan bulanan isi rumah tidak melebihi RM8,000.00.
- (a) Pada masa ini, tiada perancangan untuk melaksanakan projek Rumah MutiaraKu (RMKu) Kategori B2 menjelang tahun 2026. Walau bagaimanapun, sehingga 30 April 2025, sejumlah 6,741 unit RMKu kategori B2 telah disenaraikan dalam perancangan

oleh Kerajaan Negeri untuk dibina di seluruh Negeri Pulau Pinang, dengan perincian seperti yang dinyatakan dalam **LAMPIRAN A.**

- (b) Syarat-syarat permohonan untuk kategori B2 adalah seperti berikut:
- (i) Warganegara Malaysia;
  - (ii) Menetap atau bermastautin sekurang-kurangnya lima (5) tahun di Pulau Pinang;
  - (iii) Pengundi Pulau Pinang;
  - (iv) Berumur 21 tahun ke atas;
  - (v) Pendapatan seisi rumah tidak melebihi RM5,000.00; dan
  - (vi) Pemohon dan pasangan tidak memiliki rumah di mana-mana negeri di seluruh Malaysia.

Selain itu, pemeriksaan awal latar belakang melalui semakan dokumen *Central Credit Reference Information System* (CCRIS) dan *Credit Tip-Off Service* (CTOS) akan dilakukan oleh LPNPP bagi mengenal pasti sebarang tunggakan pinjaman perumahan atau sebarang rekod bayaran perumahan pemohon. Semakan pemilikan juga dilakukan melalui Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang bagi mengenal pasti pemohon yang telah memiliki rumah. Bagi mengawal unit-unit rumah tersebut daripada disalah guna, pembeli dikehendaki untuk menandatangani satu akuan bersumpah dengan syarat-syarat yang menghalang daripada unit tersebut daripada disalah guna sebagai contoh penyewaan kepada pihak ketiga.

**SENARAI PERANCANGAN PEMBINAAN UNIT RUMAH MUTIARAKU (RMKU)  
KATEGORI B2 DI PULAU PINANG**

BIL.	NAMA PROJEK	DAERAH	LOKASI TAPAK	CADANGAN UNIT RMKu B2
1	RMKU BUKIT GEDONG	BARAT DAYA	LOT 72798, MUKIM 12, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG	300
2	RMKU BUKIT MERTAJAM	SEBERANG PERAI TENGAH	LOT 13, 23, 24, 30, 31, 40 SEKSYEN 2, DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG	300
3	RMKU PERAI	SEBERANG PERAI TENGAH	LOT 671, BANDAR PERAI, DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG	200
4	RMKU UJONG BATU	SEBERANG PERAI UTARA	LOT 20087, SEKSYEN 4 BUTTERWORTH, DAERAH SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG	500
5	RMKU KOTA GIAM	TIMUR LAUT	TANAH KERAJAAN (PETAK A DAN PETAK B), LOT 10042 DAN LOT 10043 DAN SEBAHAGIAN LOT 10071 (TANAH PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN, PTP), SEKSYEN 1, BANDAR JELUTONG, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG	500
6	PSB MAHSURI	BARAT DAYA	LOT 2319, 2320, 2321, 2322, 2323, 2324 & 2325, MUKIM 12, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG	300
7	PSB SIAKAP	SEBERANG PERAI TENGAH	LOT 3397, LOT 3398, LOT 3399, LOT 3402, LOT 3403 DAN SEBAHAGIAN LOT 3404, MUKIM 1, DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG	200
8	PSB MAK MANDIN	SEBERANG PERAI UTARA	TANAH KERAJAAN PETAK A BERSEBELAHAN LOT 10027 (PADANG), LOT 10026, LOT 10027, LOT 10028, LOT 2433 DAN LOT 4888, SEKSYEN 3, BUTTERWORTH, DAERAH SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG	641
9	PSB PADANG TEMBAK	TIMUR LAUT	LOT 1275 - LOT 1283, SEKSYEN 2, BANDAR AIR ITAM, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG	3800

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XII)27**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP  
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

27. Nyatakan jajaran paip gas yang terdapat di seluruh Pulau Pinang.
- (a) Apakah langkah keselamatan dan pemantauan yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan tiada kemalangan seperti di Selangor?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Jajaran paip gas utama *Peninsular Gas Utilization* (PGU) di Malaysia bermula dari Kerteh, Terengganu hingga ke Segamat, Johor melalui Kuantan, Pahang. Di Segamat, Johor jajaran paip gas utama PGU ini akan terbahagi kepada dua laluan iaitu satu laluan ke arah Selatan Semenanjung (menuju ke Pasir Gudang, Johor) dan satu laluan ke arah Utara Semenanjung melalui Kapar, Selangor menuju ke Kedah.

Panjang jajaran paip gas utama PGU di Pulau Pinang (dari Selatan ke Utara) adalah kira-kira 42km (kilometer) melalui kawasan dari sempadan Sungai Kerian, Parit Buntar - Relau - Machang Bubuk - Mengkuang - Ara Kuda - Kampung Selamat - Pinang Tunggal sebelum melintasi Sungai Muda untuk jajaran ke Kedah.

Manakala, jajaran sisi yang berhubung dengan paip gas utama PGU adalah sepanjang 23km yang membekalkan gas asli kepada Stesen Janakuasa Prai SKS (SKS Prai Power Plant), Stesen Janakuasa Tenaga Nasional Berhad (TNB) Prai dan seterusnya ke Stesen Janakuasa TNB Gelugor. Peta laluan paip gas utama PGU di Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN**.

- (a) Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) berperanan menguatkuasakan akta dan beberapa peraturan bagi memastikan keselamatan tempat kerja dan keselamatan daripada bahaya termasuk risiko kebocoran atau letupan gas iaitu melalui dua (2) akta seperti berikut:
- (i) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (OSHA 1994) yang menekankan keperluan untuk memastikan tempat kerja selamat daripada bahaya termasuk risiko kebocoran atau letupan gas; dan
  - (ii) Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1984 (PSMA 1984) yang mengawal selia aspek keselamatan saluran paip yang digunakan untuk mengangkut bahan petroleum.

Audit keselamatan ke atas operator talian paip (gas dan petroleum cecair) turut dilaksanakan oleh JKKP setiap tahun. Audit keselamatan yang dilaksanakan ini bertujuan menilai tahap pematuhan operator talian paip di seluruh Malaysia terhadap elemen pengurusan integriti, operasi, penyelenggaraan serta aspek teknikal lain. Bilangan operator yang dilaksanakan audit keselamatan sejak tahun 2022 adalah seperti di **Jadual 1**.

**Jadual 1 : BILANGAN OPERATOR AUDIT KESELAMATAN YANG DIAUDIT (2022-2024)**


<b>TAHUN</b>	<b>BILANGAN OPERATOR</b>
2022	7
2023	14
2024	19

Antara pemeriksaan yang dijalankan oleh JKKP adalah pemeriksaan pertama, ujian hidro statik (HT) dan pneumatik talian paip apabila menerima permohonan untuk proses pengeluaran Surat Kebenaran Mengendali (PTO). JKKP juga menjalankan pemeriksaan tempat penyimpanan produk petroleum setahun sekali di stesen minyak dan juga terminal. Secara umumnya, keputusan pemeriksaan adalah memuaskan dengan operator mematuhi keperluan perundangan yang

dikuatkuasakan. Selain itu, JKPP turut menjalankan pemeriksaan mengejut ke atas talian paip yang tiada PTO dan mengeluarkan arahan supaya mematuhi peruntukan undang-undang.

Sebarang risiko kebocoran akan diuruskan secara berkala dan terkawal berdasarkan hasil pemeriksaan teknikal. Arahan tindakan pemulihan segera akan dikeluarkan kepada operator-operator yang berkenaan bagi memastikan sebarang risiko adalah terkawal.

Di pihak Kerajaan Negeri pula, pemantauan dilaksanakan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) yang akan meneliti perkara-perkara berkaitan dasar, strategi, arahan, pelan tindakan dan hala tuju pengurusan bencana termasuk isu-isu berkaitan. Mesyuarat ini dilaksanakan sebanyak dua (2) kali setahun dan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Semua Jabatan dan Agensi yang berkaitan termasuk Pegawai-pegawai Daerah selaku Pengerusi Jawatankuasa Bencana Daerah (JPBD) turut terlibat dalam meneliti perkara ini.



**RAJAH 1: PETA LALUAN PAIP GAS UTAMA PENINSULAR GAS UTILIZATION (PGU) DI PULAU PINANG**

Sumber: Malaysian Gas Map – Malaysian Gas Association. (2023, November 16). Pautan: <https://malaysiangas.com/2023/11/16/malaysian-gas-map/>

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XII)28**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP  
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

28. Senaraikan perpustakaan yang terdapat di Pulau Pinang dan pihak yang menguruskan.
- (a) Nyatakan peruntukan yang telah disediakan untuk menaik taraf dan menyelenggara perpustakaan ini pada tahun 2024.
  - (b) Apakah perancangan untuk menaik taraf perpustakaan di Pulau Pinang?
  - (c) Senaraikan projek-projek penyelenggaraan yang sedang dijalankan berserta jangkaan siap.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. Perpustakaan yang terdapat di Pulau Pinang di bawah Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang dan Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Peruntukan yang telah disediakan untuk menaik taraf dan menyelenggara perpustakaan ini pada tahun 2024 adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>NAMA PROJEK</b>	<b>PERUNTUKAN (RM)</b>	<b>CATATAN</b>
1	Menaiktaraf Keseluruhan Lantai dan Kerja-Kerja Berkaitan di Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Daerah Seberang Perai Utara, Bertam.	500,000.00	Selesai dilaksanakan

<b>BIL</b>	<b>NAMA PROJEK</b>	<b>PERUNTUKAN (RM)</b>	<b>CATATAN</b>
2	Menaiktaraf dan Menukar Baharu Keseluruhan Bumbung dan Lain-Lain Kerja Berkaitan di Perpustakaan Daerah Barat Daya, Balik Pulau	345,000.00	Selesai dilaksanakan
3	Kerja-Kerja Menaiktaraf Siling Sedia Ada di Tingkat 1 dan Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan di Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Seberang Jaya.	350,000.00	Selesai dilaksanakan
4	Kerja-Kerja Pendawaian Semula Elektrik di Tingkat 1 dan Lain-Lain Kerja Berkaitan di Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Seberang Jaya.	350,000.00	Selesai dilaksanakan
<b>JUMLAH (RM)</b>		<b>1,545,000.00</b>	

- (b) Perancangan terkini untuk menaik taraf perpustakaan di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>NAMA PROJEK</b>	<b>ANGGARAN KOS (RM)</b>
1	Menaiktaraf Keseluruhan Bangunan dan Lain-Lain Kerja Berkaitan di Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Taman Jambu.	300,000.00
2	Menaiktaraf Keseluruhan Tandas Pengguna dan Lain-Lain Kerja Berkaitan di Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Seberang Jaya.	500,000.00

<b>BIL</b>	<b>NAMA PROJEK</b>	<b>ANGGARAN KOS (RM)</b>
3	Menaiktaraf Keseluruhan Pagar dan Tembok serta Lain-Lain Kerja Berkaitan di Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Daerah Barat Daya	500,000.00
4	Menaiktaraf Keseluruhan Pagar, Tembok dan Menurap Kawasan Parkir serta Lain-Lain Kerja Berkaitan di Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Daerah Seberang Perai Selatan	600,000.00
<b>JUMLAH (RM)</b>		<b>1,900,000.00</b>

- (c) Senarai projek-projek penyelenggaraan yang sedang dijalankan berserta jangkaan siap sehingga April 2025 adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>NAMA PROJEK</b>	<b>PERUNTUKAN (RM)</b>	<b>JANGKAAN SIAP</b>
1	Kerja-Kerja Menaiktaraf Siling Sedia Ada di Tiingkat 1 dan Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan di Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Seberang Jaya.	350,000.00	Disember 2025
2	Kerja-Kerja Pendawaian Semula Elektrik di Tingkat 1 dan Lain-Lain Kerja Berkaitan di Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Seberang Jaya.	350,000.00	Disember 2025
<b>JUMLAH (RM)</b>		<b>700,000.00</b>	

**LAMPIRAN A****Senarai Perpustakaan di bawah Perbadanan Perpustakaan Awam  
Pulau Pinang dan Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia**

<b>BIL</b>	<b>PERPUSTAKAAN</b>	<b>LOKASI</b>	<b>PENGURUSAN</b>
1	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Seberang Jaya	JKR 2118 Jalan Perpustakaan, Seberang Jaya, 13700 Perai	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
2	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Daerah Seberang Perai Utara	JKR (P) 2687, Jalan Bertam 2, 13200 Kepala Batas, Seberang Perai Utara	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
3	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Daerah Seberang Perai Tengah	29 Jalan Pegawai, 14000 Bukit Mertajam	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
4	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Daerah Seberang Perai Selatan	Jalan Serindit, Sungai Jawi, 14300 Seberang Perai Selatan	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
5	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Daerah Timur Laut	JKR 2936, Jalan Scotland, 10450 Pulau Pinang	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
6	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Daerah Barat Daya	Lot 162, Mukim G, Jalan Genting, 11000 Balik Pulau	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
7	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Bagan Ajam	No 15, Jalan Bulan, Taman Bagan Ajam, 13000 Butterworth	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
8	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Simpang Ampat	63, Jalan Tambun Indah 1, Taman Tambun Indah, 14100 Simpang Ampat	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
9	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang LOUNGE @ KOMTAR	Unit ICCII, Tingkat 3, 10000 KOMTAR, Pulau Pinang	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang

<b>BIL</b>	<b>PERPUSTAKAAN</b>	<b>LOKASI</b>	<b>PENGURUSAN</b>
10	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ AEON Mall	Lot F31, Pusat Beli Belah AEON, 14000 Bukit Mertajam	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
11	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Digital Tasek Gelugor	No 49 jalan Komersial 2, Pusat Komersial Tasek Gelugor, 13300 Tasek Gelugor	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
12	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Kampung Tok Bedu	Dewan JKKK Kampung Tok Bedu, 13300 Tasek Gelugor	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
13	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Kubang Menderong	D/A Dewan Gerakan Masyarakat Kubang Menderong, 13300 Tasek Gelugor	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
14	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Permatang Tinggi A	Mukim 5, Permatang Tinggi A, 13200 Kepala Batas	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
15	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Kota Aur	2520 Dewan Belia Seri Kota, Jalan Kampung Kota Aur, 13200 Kepala Batas	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
16	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Permatang Kuang	D/A Dewan JKK Permatang Kuang, 13100 Kepala Batas	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
17	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Pinang Tunggal	D/A Sekolah Agama Rakyat Madrahsatul Huda Diniyah, Kampung Setol, 13210 Kepala Batas	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
18	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Ekor Kucing	D/A Dewan Belia 4B Ekor Kucing, 13300 Tasek Gelugor	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang

<b>BIL</b>	<b>PERPUSTAKAAN</b>	<b>LOKASI</b>	<b>PENGURUSAN</b>
19	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Tasek Gelugor	D/A Dewan JKKK Permatang Manggis, 13300 Tasek Gelugor	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
20	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Lahar Minyak	Dewan Orang Ramai Lahar Minyak, 13200 Kepala Batas	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
21	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Pekan Darat	D/A Dewan Gerakan Masyarakat Pekan Darat, Permatang Tok Jaya, 13000 Butterworth	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
22	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Rumah Ilmu Teluk Air Tawar	D/A Pejabat JKKK Kawasan Permatang Kucing, Jalan Besar, Telok Air Tawar, 13050 Butterworth	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
23	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Sungai Dua	D/A Dewan JKKK Sungai Dua, 13800 Butterworth	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
24	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Kebun Sireh	Jalan Pekan Kebun Sireh, 14000 Bukit Mertajam	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
25	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Berapit	Tingkat 1 Bangunan Serbaguna Perkampungan Berapit, Jalan Besar, Kampung Berapit, 14000 Bukit Mertajam	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
26	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Bukit Teh	714 Mk 16 Bukit Teh, 14020 Bukit Mertajam	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang

<b>BIL</b>	<b>PERPUSTAKAAN</b>	<b>LOKASI</b>	<b>PENGURUSAN</b>
27	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Alma	D/A Dewan JKKK Kawasan Kampung Alma, Kampung Kijang dan Ladang Alma, 14000 Bukit Mertajam	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
28	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Perkampungan Juru	D/A Dewan Serbaguna Perkampungan Juru, Jalan Besar Perkampungan Juru, 14000 Bukit Mertajam	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
29	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Taman Jambu	Lorong Jambu, Taman Jambu Machang Bubok, 14020 Bukit Mertajam	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
30	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Taman Makok	Persatuan Penduduk Taman Makok, 14000 Bukit Mertajam	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
31	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Komuniti Machang Bubok	Lot 845 Jalan Bukit Teh, Machang Bubok, 14020 Bukit Mertajam	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
32	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Tasek Junjong	D/A Dewan JKKK Tasek Junjong, 14120 Bukit Mertajam	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
33	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Permatang Tinggi	D/A Sebahagian Lot 1005, Mk 14, Permatang Tinggi, 14100 Simpang Ampat	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
34	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Kuala Tasek	D/A Dewan JKKK Kuala Tasek/ Kg. Manggis, 593 Kuala Tasek, 14000 Bukit Mertajam	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
35	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Rumah Buku Seberang Jaya	Mukim 6, Dewan JKKK Jalan Baru, Jalan Baru 13700, Perai	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang

<b>BIL</b>	<b>PERPUSTAKAAN</b>	<b>LOKASI</b>	<b>PENGURUSAN</b>
36	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Penanti	D/A Dewan JKJK Mukim 20, 14400 Bukit Mertajam	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
37	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Kampong Kota	Dewan Orang Ramai Kampung Kota, Permatang Pasir, 13500 Permatang Pauh	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
38	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Sungai Kechil	Perpustakaan Desa Siber Ilmu Kampung Sungai Kechil, 14300 Nibong Tebal	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
39	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Permatang Keling	D/A Dewan Masyarakat JKJK Permatang Keling, 14320 Nibong Tebal	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
40	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Tasek Padang Lalang	D/A Dewan PERDA Kampung Padang Lalang, 14120 Simpang Empat	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
41	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Sungai Bakau	D/A Dewan JKJK Sungai Bakau, 14320 Nibong Tebal	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
42	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Lima Kongsi	D/A Dewan JKJK Kampung Lima Kongsi, 14200 Sungai Bakap	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
43	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Changkat	Jalan Bukit Changkat, 14300 Nibong Tebal	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
44	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Sungai Duri	D/A Dewan Gerakan Masyarakat, Kampung Tradisional Sungai Duri, 14200 Sungai Bakap	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
45	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Sungai Aceh	D/A Dewan Gerakan Masyarakat PERDA Sungai Aceh, 14310 Nibong Tebal	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang

<b>BIL</b>	<b>PERPUSTAKAAN</b>	<b>LOKASI</b>	<b>PENGURUSAN</b>
46	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Bukit Tambun	D/A Balairaya Bukit Tambun, 14100 Simpang Ampat	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
47	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Pangsapuri Harmoni	Unit 1-G-1, Pangsapuri Harmoni, Jalan Kennedy, 11600 Pulau Pinang	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
48	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Jalan Kedah	Tingkat 11, Kompleks Jalan Kedah, 10050 Pulau Pinang	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
49	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Kampung Rawa	Blok 8, Perpustakaan Desa, Lintang Kampung Rawa 1, 10150 Georgetown	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
50	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Gat Lebu Macallum	Tingkat 11, Blok 354, Gat Lebu Macallum, 10300 Pulau Pinang	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
51	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Batu Uban	Lot 9358, Mk.12, Perkampungan Tersusun Sungai Ara, Lintang Bayan 7, 11900 Bayan Lepas	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
52	Perpustakaan Wakaf Hajah Gayah	1K-3-3 & 1K-3-3A. Pangsapuri Warisan Tanjung 1, 10470 Tanjung Tokong	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) & WAKAF MAINPP
53	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Sungai Ara	D/A Flat Desa Riang, Blok 5, Jalan Batu Uban 3, 11700 Pulau Pinang	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
54	Perbadanan Perpustakaan Awam	D/A JKKK Pulau Betong,	Perbadanan Perpustakaan

<b>BIL</b>	<b>PERPUSTAKAAN</b>	<b>LOKASI</b>	<b>PENGURUSAN</b>
	Pulau Pinang @ Pulau Betong	Pulau Betong, 11020 Balik Pulau	Awam Pulau Pinang
55	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Bukit Gedong	D/A Blok 18 A, Bukit Gedong, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
56	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Telok Tempoyak	D/A Dewan JKKK Telok Tempoyak, 11960, Bayan Lepas	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
57	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Permatang Pasir	D/A Madrasah Tarbiah Tarikah Diniyah, Permatang Pasir, 11010 Balik Pulau	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
58	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang @ Pantai Aceh	Bangunan Panggung Pantai Aceh, 11010 Pantai Aceh, Balik Pulau	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
59	Perpustakaan Bergerak 1	JKR 2118 Jalan Perpustakaan, Seberang Jaya, 13700 Perai	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
60	Perpustakaan Bergerak 2	JKR 2118 Jalan Perpustakaan, Seberang Jaya, 13700 Perai	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
61	Perpustakaan Bergerak 3	Lot 162, Mukim G, Jalan Genting, 11000 Balik Pulau	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
62	Perpustakaan Bergerak 5	JKR 2936, Jalan Scotland, 10450 Pulau Pinang	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
63	Perpustakaan Bergerak 6	JKR 2118 Jalan Perpustakaan, Seberang Jaya, 13700 Perai	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang

<b>BIL</b>	<b>PERPUSTAKAAN</b>	<b>LOKASI</b>	<b>PENGURUSAN</b>
64	Perpustakaan Bergerak 7	JKR 2118 Jalan Perpustakaan, Seberang Jaya, 13700 Perai	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
65	Perpustakaan Bergerak 8	JKR 2936, Jalan Scotland, 10450 Pulau Pinang	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
66	Perpustakaan Bergerak 9	JKR 2936, Jalan Scotland, 10450 Pulau Pinang	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
67	Perpustakaan Bergerak 10 (MOBBY)	JKR 2118 Jalan Perpustakaan, Seberang Jaya, 13700 Perai	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
68	Perpustakaan Bergerak 11	JKR 2936, Jalan Scotland, 10450 Pulau Pinang	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
69	Perpustakaan Bergerak 12 (ePustaka)	JKR 2118 Jalan Perpustakaan, Seberang Jaya, 13700 Perai	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
70	Perpustakaan Desa PNM Pajak Song	Dewan JKKK Pajak Song, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia
71	Perpustakaan Desa PNM Titi Mukim	Dewan JKKK Titi Mukim, 13800, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia
72	Perpustakaan Desa PNM Permatang Buluh	Dewan Orang Ramai Simpang Empat, Permatang Buluh, 13200 Kepala Batas	Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia
73	Perpustakaan Desa PNM Lahar Tambun	Dewan Masjid Lahar Tambun, 13300 Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara	Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia

<b>BIL</b>	<b>PERPUSTAKAAN</b>	<b>LOKASI</b>	<b>PENGURUSAN</b>
74	Perpustakaan Desa PNM Pokok Tampang	Lorong 19, Dewan Kariah Masjid Al-Islah Pokok Tampang, 1426 N/70 Jalan Permatang Berangan B, Pokok Tampang, 13300 Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara	Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia
75	Perpustakaan Desa PNM Lahar Tiang	Dewan Gerakan Masyarakat PERDA, Kampung Lahar Tiang, 13210 Pinang Tunggal, Kepala Batas	Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia
76	Perpustakaan Desa PNM Taman Seri Damai	Taman Sri Damai, Bakau Tua, Kuala Muda, 13100 Penaga, Seberang Perai Utara	Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia
77	Perpustakaan Desa PNM Bakar Bata	Permatang Tinggi, Bakar Bata, 13200 Kepala Batas, Seberang Perai Utara	Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia
78	Perpustakaan Desa PNM Taman Haji Abdullah Fahim	Lorong 2, Taman Haji Abdullah Fahim, 13200 Seberang Perai Utara	Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia
79	Perpustakaan Desa PNM Ladang Mayfield	Kuarters Ladang Mayfield, 13300 Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara	Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia
80	Perpustakaan Desa PNM Lubuk Meriam	Dewan Penempatan Banjir Lubuk Meriam, 13300 Seberang Perai Utara	Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia
81	Perpustakaan Desa PNM Simpang Tiga	D/A Dewan JKPP Simpang Tiga, 13300 Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara	Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia
82	Perpustakaan Desa PNM Mengkuang Titi	Dewan Medan Info Desa, Mengkuang Titi, 14000 Bukit Mertajam	Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia

<b>BIL</b>	<b>PERPUSTAKAAN</b>	<b>LOKASI</b>	<b>PENGURUSAN</b>
83	Perpustakaan Desa PNM Bukit Indera Muda	Dewan JKkk, Bukit Indera Muda, 14400 Seberang Perai Tengah	Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia
84	Perpustakaan Desa PNM Taman Permata	Dewan Mutiara, Bangunan Persatuan Penduduk Taman Permata, 14000 Seberang Perai Selatan	Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia
85	Perpustakaan Desa PNM Permatang Pauh	Dewan JKkk Permatang Pauh, 13500 Permatang Pauh, Seberang Perai Tengah	Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia
86	Perpustakaan Desa PNM Taman Arowana	Bangunan MCA Taman Arowana, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia
87	Perpustakaan Desa PNM Kampung Manis	Dewan Seri Manis, Kampung Manis, 13200 Perai	Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia
88	Perpustakaan Desa PNM Taman Koskam	No 2, Tingkat 3, Halaman Temenggong, Taman Koskam, 13200 Kepala Batas, Seberang Perai Utara	Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia
89	Perpustakaan Desa PNM Kampung Selamat	13300 Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara	Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia
90	Perpustakaan Desa PNM Batu Kawan	Dewan JKkk Batu Kawan, 14300 Seberang Perai Selatan	Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia
91	Perpustakaan Desa PNM Taman Belibis	Dewan Orang Ramai Taman Belibis, Lorong Belibis 14, Taman Belibis, 14110 Simpang Empat	Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia

<b>BIL</b>	<b>PERPUSTAKAAN</b>	<b>LOKASI</b>	<b>PENGURUSAN</b>
92	Perpustakaan Desa PNM Kampung Besar	Dewan Badminton, Kompleks JKKK, Jalan Besar, Kampung Besar, 14300 Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan	Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia
93	Perpustakaan Desa PNM Pulau Aman	Sek. Keb. Pulau Aman, 14100 Simpang Ampat, Seberang Perai Selatan	Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia
94	Perpustakaan Desa PNM Taman Sempadan	Bangunan Kawasan Rukun Tetangga, Taman Sempadan, 14300 Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan	Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia
95	Perpustakaan Desa PNM Sungai Chenaam	Dewan JKKK Sg Chenaam, Jalan Baru, 14320 Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan	Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia
96	Perpustakaan Desa PNM Permatang Damar Laut	Dewan JKKK Permatang Damar Laut, 11960 Batu Maung, Daerah Timur Laut	Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia
97	Perpustakaan Desa PNM Kampung Jawa	Dewan JKKK, Kampung Jawa, Pintas Bahagian 4, 11950 Bayan Baru	Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia
98	Perpustakaan Desa PNM FRU Unit	Surau Unit 3 FRU, Jalan Sempadan, 11400 Pulau Pinang	Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia
99	Perpustakaan Desa PNM Taman Tun Dr. Awang	D/A Dewan Persatuan Penduduk, Rumah Pangsa Taman Tun Dr. Awang, Bagan Ajam, 13000 Butterworth	Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia
100	Perpustakaan Desa PNM Bandar Baru Telok Kumbar	Surau Bandar Baru, Telok Kumbar, 11920 Bayan Lepas	Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia

<b>BIL</b>	<b>PERPUSTAKAAN</b>	<b>LOKASI</b>	<b>PENGURUSAN</b>
101	Perpustakaan Desa PNM Titi Teras Balik Pulau	Berdekatan 591, Mukim E Titi Teras, Dewan Titi Teras, 11010 Balik Pulau	Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia
102	Perpustakaan Desa PNM Sungai Pinang	Dewan Mutiara JKKK, Sekolah Agama Rakyat Sungai Pinang, 11010 Balik Pulau	Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XII)29**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP  
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

29. Apakah fungsi dan peranan Program Kewarganegaraan Pulau Pinang (PKPP)?
- (a) Sejak PKPP ditubuhkan pada tahun 2013, berapakah jumlah permohonan berkaitan kewarganegaraan yang telah diselesaikan?
  - (b) Senaraikan bentuk promosi Kerajaan Negeri untuk program ini.
  - (c) Senaraikan petugas atau sukarelawan program ini mengikut DUN.

**YB LIM SIEW KHIM  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

29. Program Kewarganegaraan Pulau Pinang (PKPP) diwujudkan bagi membantu kanak-kanak yang dilahirkan di Malaysia tetapi tidak menerima taraf kewarganegaraan Malaysia. Antara punca utama situasi ini berlaku adalah kegagalan bapa **warganegara Malaysia** mendaftarkan perkahwinan dengan ibu warganegara asing di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), dan ini mengakibatkan anak yang lahir hasil perkahwinan tidak diiktiraf sebagai warganegara Malaysia dalam sijil kelahiran mereka.

Mengikut Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan, bapa kepada kanak-kanak ini berhak memohon taraf kewarganegaraan bagi anak mereka. Namun, proses permohonan agak rumit, oleh itu PKPP memainkan peranan seperti berikut:

- (i) Membantu pemohon yang belum memiliki dokumen pengenalan diri seperti sijil kelahiran dan kad pengenalan (MyKAS, MyPR, MyKAD), serta menyediakan bimbingan dalam menyediakan permohonan lengkap dan sah kepada JPN.
  - (ii) Membantu pemohon di bawah umur 21 tahun yang tidak mempunyai kewarganegaraan untuk memohon taraf warganegara Malaysia di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan, iaitu laluan utama bagi permohonan kanak-kanak tanpa kewarganegaraan.
  - (iii) Membuat semakan dan tindakan susulan dengan jabatan-jabatan berkaitan untuk mendapatkan maklumat status permohonan serta mempercepatkan proses permohonan kewarganegaraan.
  - (iv) Mengendalikan dan menerima kes permohonan yang dirujuk oleh Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ahli Parlimen untuk tindakan lanjut.
  - (v) Memberi khidmat secara langsung kepada pemohon melalui penyertaan dalam program atau karnival anjuran agensi kerajaan seperti JPN, Jabatan Imigresen, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan sebagainya.
  - (vi) Membantu kes anak angkat tanpa kewarganegaraan, termasuk dalam proses permohonan pengangkatan melalui JPN dan JKM sebelum memohon kewarganegaraan.
- (a) Sejak PKPP ditubuhkan pada tahun 2013, jumlah keseluruhan kes-kes yang telah berjaya diselesaikan adalah sebanyak **1,930 kes**, dan kes yang telah berjaya mendapat taraf kewarganegaraan Malaysia adalah sebanyak **355 kes**. Hal ini meliputi permohonan taraf kewarganegaraan dibawah Perkara 14 (Pendaftaran Kelahiran Luar Negara – lebih tempoh 1 tahun), Perkara 15A, Perkara 15 (1), Perkara 15 (2), Perkara 16 dan Perkara 19 (1) dan permohonan-permohonan lain seperti Daftar Lewat Sijil Kelahiran, Daftar Lewat Kad Pengenalan, Permit Masuk dan Lain-lain termasuk Permohonan Anak Angkat bagi anak yang bukan warganegara, Permohonan Sijil Kewarganegaraan,

Permohonan OBT (Orang Baru Tiba), Pembetulan Maklumat atau Pindaan sijil kelahiran dan juga Permohonan Seksyen 13 (Anak luar nikah).

- (b) PKPP telah menyertai pelbagai program anjuran Kerajaan Negeri, pusat khidmat ADUN dan Ahli Parlimen sebagai usaha mempromosikan dan memperkenalkan inisiatif ini kepada masyarakat di seluruh negeri Pulau Pinang. Antara program yang telah disertai oleh PKPP adalah seperti berikut:
  - (i) Program Keterangan Isu Kewarganegaraan di pusat Khidmat Parlimen Bagan - 9 Jun 2024;
  - (ii) Program Gaya Hidup Sihat@Jiwa Komuniti Madani Dun Air Putih - 12 Oktober 2024;
  - (iii) Program Jiwa Komuniti Madani C.Y.Choy - 28 Julai 2024;
  - (iv) Program Sembang Santai Komuniti Sungai Udang - 30 Jun 2024;
  - (v) Program Mekar Pendidikan Negeri Pulau Pinang - 9 Jun 2025; dan
  - (vi) Karnival Kesihatan dan Kebajikan Bagan Dalam - 4 Mei 2025.
- (c) Pegawai-pegawai (Petugas) untuk program Kewarganegaraan Pulau Pinang adalah dibentuk mengikut daerah di Negeri Pulau Pinang. Perinciannya seperti di **LAMPIRAN A**.

## LAMPIRAN A

Bil.	Nama Pegawai
1.	Yeap Choon Keong <b>Penyelia Program Kewarganegaraan Pulau Pinang Merangkap Pegawai Pembantu Kewarganegaraan Daerah Timur Laut (DTL)</b>
2.	Velan A/L Kalimuthu <b>Pegawai Pembantu Kewarganegaraan Daerah Barat Daya (DBD)</b>
3.	Joseph Tan Chuen Kheng <b>Pegawai Pembantu Kewarganegaraan Daerah Sebaerang Perai Tengah (SPT)</b>
4.	Dasirani A/P Kasinathan <b>Pegawai Pembantu Kewarganegaraan Daerah Seberang Perai Utara (SPU)</b>
5.	Kosong (masih dalam proses pemilihan) <b>Pegawai Pembantu Kewarganegaraan Daerah Seberang Perai Selatan (SPS)</b>

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(XII)30**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP  
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

30. Apakah pendirian Kerajaan Negeri terhadap penggunaan Bahasa Melayu dalam agensi Kerajaan Negeri yang kerap menggunakan Bahasa Inggeris semasa pembentangan seperti pembentangan oleh PBA?
- (a) Apakah langkah diambil bagi memperkasakan penggunaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan?
  - (b) Bagaimanakah pemantauan pematuhan Bahasa Kebangsaan dilakukan?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

30. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa berpegang teguh kepada prinsip menjunjung Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara, selaras dengan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan. Sehubungan itu, dasar Kerajaan Negeri menetapkan bahawa semua agensi Kerajaan Negeri hendaklah menggunakan Bahasa Melayu dalam urusan rasmi termasuklah dalam pembentangan, surat-menyurat dan penyediaan dokumen.

Sebagai sebuah agensi Kerajaan Negeri, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) mengutamakan penggunaan Bahasa Melayu, khususnya dalam urusan dalaman, komunikasi rasmi Kerajaan dan perkhidmatan kepada rakyat. Penggunaan Bahasa Inggeris hanya dalam situasi tertentu bagi memenuhi keperluan konteks serta kumpulan sasaran yang terlibat. Namun begitu,

penggunaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa pengantara rasmi tetap diutamakan.

- (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil pelbagai langkah strategik dan bersifat menyeluruh bagi memperkasakan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP) telah mengeluarkan Surat Arahan bertarikh 11 September 2019 berkaitan format penulisan dokumen rasmi sebagai panduan kepada semua agensi Kerajaan Negeri. Selain itu, Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Bil. 1 Tahun 2020: Garis Panduan Penyediaan dan Pengurusan Kertas Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Pulau Pinang yang telah dipinda pada tahun 2023 turut dikeluarkan untuk menyelaraskan penggunaan bahasa dan format penyediaan dokumen rasmi secara seragam. Langkah ini selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2020 di peringkat Persekutuan, yang menekankan pemerkasaan penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam perkhidmatan awam. Antara program pemerkasaan yang dilakukan adalah:

BIL.	KEGIATAN / PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	Program Bimbingan Pemantapan Tatabahasa dan Penulisan Dokumen Rasmi	13 Mac 2025	Bilik Perdana 1, UiTM Pulau Pinang
2.	Majlis Kemuncak Sambutan 25 tahun DBPWU dan Pementasan Teater Aci Patmabi	26 Oktober 2024	Auditorium Dewan Budaya, USM
3.	Wacana Generatif Bahasa Bersempena DBK Peringkat Negeri Pulau Pinang	22 Ogos 2024	Auditorium A, KOMTAR
	Pertandingan Pidato Bahasa Melayu Zon Utara Bersempena dengan DBK Peringkat Negeri Pulau Pinang	16 Oktober 2024	Dewan Kuliah Utama, Institut Pendidikan Guru Kampus Pulau Pinang
4.	Festival Lagu Rakyat Bersempena dengan DBK Peringkat Negeri Pulau Pinang	16 Oktober 2024	Dewan Agung, Institut Pendidikan

<b>BIL.</b>	<b>KEGIATAN / PROGRAM</b>	<b>TARIKH</b>	<b>TEMPAT</b>
5.	Majlis Apresiasi Puisi Merdeka Sempena Bulan Kemerdekaan Peringkat Negeri Pulau Pinang	26 Ogos 2024	Guru Kampus Pulau Pinang Dewan Besar, UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh, Pulau Pinang
6.	Majlis Penyampaian Anugerah Sastera Negeri Pulau Pinang 2023	9 September 2024	The Light Hotel, Pulau Pinang
7.	Majlis Apresiasi Puisi Merdeka Peringkat Negeri Pulau Pinang Bersempena Dengan Dekad Bahasa Kebangsaan 2023 Peringkat Negeri Pulau Pinang	16 September 2024	Dewan Utama, USM, Kampus Kejuruteraan, Nibong Tebal, Pulau Pinang
8.	Bulan Bahasa Kebangsaan 2017 Peringkat Negeri Pulau Pinang	19 Oktober 2017	Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Pulau Pinang
9.	Bulan Bahasa Kebangsaan 2016 Peringkat Negeri Pulau Pinang	28 Oktober 2016	Pasar Raya MYDIN Bukit Mertajam
10.	Bengkel Penyegaran Bahasa dan Teknik Penulisan Berkesan	26 Februari 2020	Auditorium A, KOMTAR

Dalam aspek kerjasama antara agensi, PSUKPP turut berganding bahu bersama Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Utara (DBPWU) dalam melaksanakan pelbagai program yang bertujuan memperkukuh kedudukan Bahasa Melayu. Usaha ini merangkumi pemantapan penggunaan bahasa kebangsaan di agensi negeri, pelaksanaan program kebahasaan dan kesusasteraan, pembangunan bakat kepenulisan serta pengedaran bahan terbitan DBP. Selain itu, kerjasama ini diteruskan dalam menjayakan program seperti Dekad Bahasa Kebangsaan dan Dekad Membaca Kebangsaan Peringkat Negeri Pulau Pinang bagi menyemarakkan semangat cinta bahasa dan memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum.

Tambahan lagi, Setiausaha Kerajaan Negeri turut memainkan peranan penting di peringkat nasional melalui penyertaan dalam Jawatankuasa Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YB Menteri Pendidikan. Jawatankuasa ini berperanan memastikan penggunaan Bahasa Melayu diperkasakan dalam semua jabatan dan agensi Kerajaan.

Di peringkat pihak berkuasa tempatan pula, pihak PBT telah melaksanakan tindakan yang proaktif bagi memperkukuh penggunaan Bahasa Melayu dalam pengiklanan awam. Antaranya termasuklah meluluskan iklan yang mengutamakan Bahasa Melayu dari segi saiz dan kandungan, mengeluarkan notis kompaun terhadap ketidakpatuhan iklan, serta menurunkan papan iklan yang tidak mematuhi peruntukan Undang-Undang Kecil Iklan.

Secara keseluruhan, pendekatan yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang ini menunjukkan komitmen berterusan dalam memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan melalui dasar pentadbiran, penguatkuasaan, kerjasama antara agensi, dan pelibatan masyarakat secara menyeluruh.

- (b) Pemantauan pematuhan terhadap penggunaan Bahasa Kebangsaan dilakukan melalui pendekatan bersepadu melibatkan khidmat nasihat, penyemakan dokumen dan iklan, pemeriksaan berkala, pelaporan aduan, serta penguatkuasaan undang-undang oleh agensi berkaitan. Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Utara (DBPWU) menjalankan pemantauan melalui program khidmat nasihat bahasa di sektor awam, swasta dan pendidikan. Ini termasuk bimbingan secara langsung kepada agensi berkaitan mengenai penggunaan Bahasa Melayu yang betul dalam dokumen rasmi, komunikasi awam dan papan tanda.

Selain itu, DBPWU juga melaksanakan pemantauan papan tanda dan papan iklan di tempat awam secara berkala atau berdasarkan aduan orang awam, biasanya dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan. Program ini dikenali sebagai “pantau-tegur”, di mana pihak DBP akan menegur kesalahan bahasa secara diplomatik dan memberikan cadangan pembetulan. Perkhidmatan pengesahan melalui

sistem “DBP Sah Bahasa” juga merupakan satu mekanisme rasmi yang memastikan semua iklan yang akan dipaparkan telah disemak dan disahkan penggunaannya oleh pihak DBP dari segi ejaan, struktur dan tatabahasa.

Di samping itu, pihak berkuasa tempatan memainkan peranan utama dalam pemantauan secara lapangan. PBT turut melaksanakan pemeriksaan berkala terhadap premis-premis yang memaparkan iklan, termasuk memeriksa lesen serta memastikan pematuhan terhadap syarat penggunaan Bahasa Melayu seperti diperuntukkan dalam Undang-Undang Kecil Iklan. Sekiranya berlaku ketidakpatuhan, PBT mengeluarkan Notis Tawaran Kompaun atau Notis Menurunkan Papan Iklan, bergantung kepada tahap kesalahan dan keengganan pihak berkenaan mematuhi garis panduan.

Secara keseluruhan, kaedah pemantauan dilaksanakan secara sistematik dan menyeluruh, merangkumi pendekatan edukatif, pencegahan dan penguatkuasaan, serta disokong oleh mekanisme pelaporan, sistem pengesahan bahasa dan kerjasama antara agensi bahasa dan pihak berkuasa tempatan.